

[Senarai nama Ahli-ahli Parlimen dilampirkan]

[Kandungan dilampirkan di muka surat terakhir]

[NOTA: Ini adalah dokumen yang belum disunting]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 15 Julai 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah kes langgar lari yang masih belum dapat dikesan pemandunya dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini. Bagaimanakah pihak polis menyelesaikan kesalahan ini dan apakah bentuk hukuman kerana kesalahan melanggar dan kesalahan melarikan diri daripada tanggungjawab ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tiga tahun kebelakangan ini, sebanyak 309 kes kemalangan maut dan 925 kes kemalangan parah iaitu 0.6% dari keseluruhan kecelakaan jalan raya yang melibatkan kes langgar lari di mana pemandunya masih belum dapat ditahan. Itulah angkanya. *[Ketawa]*

Tuan Chiew Chiu Sing: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu tabung untuk menolong mangsa-mangsa dan keluarga mereka yang terlibat dalam kes-kes langgar lari ini? Sekian.

Dato' Ong Ka Ting: Maaf, saya tidak dapat. Sekali lagi.

Tuan Chiew Chiu Sing: Okay, saya ulangi. Adakah kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu tabung untuk menolong mangsa-mangsa dan

keluarga mereka yang terlibat dalam kes-kes langgar lari? Sekian.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, menubuhkan tabung itu adalah di luar daripada bidang saya. Saya rasa mungkin sama ada NGO ataupun agensi-agensi yang lain boleh timbang bukan sahaja untuk orang langgar lari. Selalunya kalau keluarga mangsa yang menghadapi sesuatu masalah dari segi bencana dan lain-lain, mereka selalunya mendapat keprihatinan daripada kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya. Saya rasa dari segi itu mungkin kita boleh bantu.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan kelulusan pemindahan Akta Pengangkutan Jalan 1987, maka seseorang jikalau terlibat dalam kemalangan maut jika disabit ia boleh didenda RM5,000 hingga RM10,000 dan diwajibkan penjara 2 hingga 10 tahun. Maka dengan denda yang begitu berat mesti akan mengakibatkan orang-orang atau pemandu-pemandu yang terlibat dalam kemalangan maut atau parah ini melarikan diri. Bagaimanakah kerajaan boleh menyelesaikan hal ini, walhal tiga ratus lebih kemalangan maut dan sembilan ratus lebih kes cedera parah masih belum selesai lagi?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini polis memang cuba menyelesaikan kesalahan mereka yang langgar lari ini dengan siasatan mengesan saksi-saksi bebas, mengesan laporan yang dibuat kepada pihak insurans oleh pihak-pihak yang mungkin terlibat, menghantar kenderaan yang disyaki untuk pemeriksaan Jabatan Kimia, cuba mendapatkan nombor kenderaan terlibat dari mangsa kalau mereka ingat. Semua langkah itu kita cuba sedaya upaya, baru dapat kita dakwa. Kalau tidak saya rasa pada masa kini hukuman begitu ringan pun mereka lari. Jadi tidak kira hukuman itu ringan ke berat ke, itu adalah sikap mereka yang tidak bertanggungjawab ini.

Walau bagaimanapun, kerajaan harap sangat orang awam mempunyai tanggungjawab sebagai “good citizen” dengan izin, yang baik. Sesiapa sahaja nampak cuba lapor dan hubungi polis beritahu maklumat. Kalau semua

rakyaateolah-olah macam anggota polis seluruh rakyat semua nampak sesuatu tidakbetul, mereka sanggup lapor. Saya rasa tidak payah undang-undang ketat pun senang hendak cari mereka. Inilah satu semangat kita cuba hendak wujudkan.

2. Datuk Lim Si Cheng [Senai] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berikutan kes-kes tanah runtuh yang berlaku, termasuk kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, Ampang baru-baru ini, sama ada kerajaan akan mengkaji semula pengalihan sebahagian kuasa dan tanggungjawab kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan dalam perancangan dan penguatkuasaan pembangunan di kawasan-kawasan bukit. Jika tidak, sila nyatakan sebabnya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta keizinan untuk menjawab soalan ini serentak dengan soalan nombor 53 pada 19 Julai 1999 daripada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang oleh kerana tajuk kedua-dua soalan ini adalah hampir sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan belum ada cadangan untuk mengkaji semula pengalihan sebahagian kuasa dan tanggungjawab kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan dalam perancangan dan penguatkuasaan pembangunan di kawasan-kawasan bukit.

Walau bagaimanapun, pada masa ini Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah kejadian tanah runtuh di kawasan bukit dengan mengetatkan peraturan pembangunan di kawasan berkenaan.

Tindakan berkenaan ialah melalui pindaan kepada Akta Jalan Parit dan Bangunan iaitu akta 133 pada tahun 1995 serta mengedarkan garis panduan pembangunan di kawasan bukit kepada pihak berkuasa tempatan untuk dirujuk

dalam memproses permohonan pembangunan dan memantau kerja-kerja berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, kawalan Bukit Antarabangsa di Hulu Klang itu adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Selangor. Oleh itu, Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan telah melantik syarikat perunding EKCRAN Sendirian Berhad untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan siasatan kestabilan struktur asas bangunan dan cerun berkenaan selepas kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa itu.

Kerja-kerja penyiasatan tersebut akan mengambil masa dan keputusan dijangka akan diumumkan sebelum akhir bulan Julai ini.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya masih ingat kepada tragedi Highlands Tower berlaku beberapa tahun yang sudah, kerajaan sudah membuat banyak cadangan supaya dapat mengelakkan kecelakaan yang sama berlaku. Antaranya ialah kerajaan telah memutuskan bahawa bangunan bertingkat, tuan punya bangunan itu hendaklah membuat satu kajian daripada orang pakar tentang sama ada bangunan itu masih selamat khususnya untuk bangunan berhampiran dengan bukit, jadi sama ada kementerian Yang Berhormat telah melaksanakan cadangan itu dan minta memberitahu kepada Dewan yang mulia ini berapa laporan yang telah diterima dan antara laporan-laporan itu berapa laporan tentang bangunan itu yang telah dianggap tidak selamat dan harus diambil tindakan untuk menjaga kepentingan pemilik bangunan itu.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Seperti yang saya nyatakan tadi, kuasa dan tanggungjawab adalah dalam tangan kerajaan negeri. Oleh sebab itu, melalui garis panduan yang kita sudah menghantarkan kepada pihak berkuasa tempatan mengenai laporan-laporan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, antaranya laporan cadangan kemajuan, laporan 'geotechnic' dengan geologi, semua ini perlu dihantarkan kepada pihak berkuasa tempatan untuk diproseskan oleh pihak-pihak berkenaan supaya setiap pembangunan di lereng atau di cerun bukit itu boleh

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah bagi bangunan yang sedia ada!

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, kalau mengenai bangunan yang sedia ada itu, saya minta maaflah Yang Berhormat, saya tidak ada apa-apa angka tentang perkara itu dan saya rasa saya tidak boleh membuat apa-apa komen tentang sama ada berapa dilulus atau berapa yang ditolak.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Dari segi undang-undang adakah kementerian Yang Berhormat akan membuat satu cadangan supaya peraturan yang tertentu dapat diwujudkan untuk memastikan usaha-usaha kerajaan bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh ini lebih berkesan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu memang tepat sekali, saya rasa pihak kementerian sedang mengadakan satu jawatankuasa yang menyeluruh untuk membuat kajian terhadap segala syarat atau segala undang-undang yang berkaitan dengan pembangunan di lereng bukit ini supaya satu sistem undang-undang yang cukup menyeluruh boleh dilaksanakan di masa yang akan datang.

Sementara itu juga, atas cadangan daripada Perdana Menteri, kementerian ini sedang mengadakan satu pertandingan daripada konsultan-konsultan, juruperunding untuk mengadakan satu model pembangunan atau satu model supaya setiap pembangunan itu boleh mengikut cara-cara yang terbaik di mana pembangunannya akan diwujudkan dengan sistem yang terancang dan dengan adanya juga laporan-laporan 'geotechnic' yang lengkap. Oleh sebab itu, kita harap dapat diwujudkan satu model di masa yang akan datang.

3. Dato' Salomon bin Selamat [Shah Alam] minta Perdana Menteri menyatakan setakat ini apakah tindakan yang telah diambil kepada 16 buah syarikat yang telah dikenal pasti mengendalikan 6,000 jemaah haji musim lalu tanpa kelulusan Tabung Haji. Berapa ramaiakah bakal-bakal haji yang telah

terkandas kerana masalah visa haji dan berapa banyakkah kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat dan bakal-bakal haji yang terlibat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, Tabung Haji sedang mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat-syarikat yang terlibat dan segala bukti mengenai pelanggaran Akta Tabung Haji oleh syarikat-syarikat tersebut yakni membawa jemaah tanpa visa rasmi daripada kedutaan Arab Saudi di Kuala Lumpur telah pun diserahkan kepada polis yang sedang dalam siasatan.

Tabung Haji tidak mempunyai maklumat, bilangan jemaah haji yang terkandas kerana urusan dan pengeluaran visa tidak dibuat melalui Tabung Haji.

Jumlah kerugian kedua-dua pihak iaitu syarikat dan bakal haji yang telah terlibat tidak dapat ditaksirkan kerana ia di luar bidang kuasa Tabung Haji dan juga orang-orang yang terlibat dengan penipuan ataupun tergendala perjalanan mereka ini tidak membuat laporan sepenuhnya kepada pihak Tabung Haji atau kepada pihak polis.

Tuan Haji Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini jemaah haji yang tidak terkandas. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Datuk Menteri, pada satu penerbangan ke tanah suci kalau tidak salah saya penerbangan yang kedua dari Kuching menerusi Kuala Lumpur dan penerbangan tersebut tidak menggunakan penerbangan MAS malah penerbangan yang lain telah diarah kembali oleh salah sebuah negara dilintas oleh kerana tidak ada kebenaran untuk melintas negara tersebut.

Jadi, persoalan saya apa yang telah berlaku dan kenapa ini berlaku dan apakah tindakan kementerian supaya perkara sedemikian tidak berlaku lagi di masa yang akan datang.

Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Perkara-perkara ini berlaku kerana syarikat berkenaan mengambil enteng mengenai hal penerbangan. Seperti mana yang kita tahu penerbangan sama ada penerbangan yang dijadual ataupun penerbangan sewa khas mestilah mendapat keizinan hak

mendarat di mana-mana lapangan terbang di Arab Saudi dan juga hak melintas udara di mana-mana negara.

Jadi, inilah yang berlaku sekarang ini bahawa agensi-agensi pelancongan yang diberi lesen oleh kementerian berkenaan mengambil untung dan cuba mengaut keuntungan daripada keghairahan jemaah kita ataupun orang Islam di Malaysia untuk pergi haji dengan tidak mengambil berat tentang persiapan dari segi penerbangan dan juga dari segi logistik yang lain kepada jemaah. Maka inilah yang kita beritahu kepada semua orang Islam di negara kita, bahawa urusan haji bagi rakyat Malaysia ialah urusan rasmi kerajaan yang diuruskan oleh Tabung Haji dan inilah juga persefahaman yang ada dengan Kerajaan Arab Saudi.

Jadi, kita harap kesalahan penerbangan ini tidak berulang lagi dan semua orang mestilah melaporkan kepada Tabung Haji tentang mana-mana pihak yang mendekati mereka untuk menguruskan haji. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa baru-baru ini kita mendapat laporan dari jemaah haji yang balik bahawa di kalangan pegawai-pegawai yang bertugas di Mekah baru-baru ini banyak yang mengambil kesempatan menghasut ataupun memfitnah sama ada memburuk-burukkan kerajaan ataupun memberi gambaran-gambaran yang salah kepada jemaah haji yang sepatutnya mereka ini memimpin jemaah-jemaah haji membuat amalan yang suci tetapi mengambil kesempatan mempengaruhi, memfitnah, memburuk-burukkan kerajaan terutama sekali ketika itu keadaan negara kita menghadapi masalah politik dan banyak mereka ini menyebelahi sama ada pembangkang PAS ataupun parti KeADILan. Saya hendak tahu adakah menteri sedar perkara ini?

Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar perkara ini dan saya mengaku perkara itu memang berlaku dan saya mendapat laporan semasa saya berada di tanah suci bersama jemaah haji yang lepas.

Perkara ini berlaku ialah kerana sejak lima tahun yang kebelakangan ini, 20% dari jemaah haji kita dibenarkan diurus oleh syarikat-syarikat. Syarikat-syarikat ini membentuk konsortium, setiap konsortium ada lebih kurang enam syarikat. Maka mereka inilah yang memilih pegawai-pegawai bekerja untuk Tabung Haji untuk menguruskan jemaah haji bagi syarikat mereka termasuk pembimbing-pembimbing agama.

Maka inilah yang mereka rasa mereka bebas dan dengan sengaja mereka memilih orang yang demikian dan tidak merujuk kepada Tabung Haji. Tetapi selepas perkara ini berlaku dan kekecohan dalam konsortium maka Tabung Haji telah membuat keputusan bahawa mulai dari musim haji tahun hadapan, tidak lagi kita berjalan di atas konsortium, tetapi kita benarkan syarikat menguruskan jemaah haji secara terus yakni tanggungjawab syarikat itu terus kepada Tabung Haji bukan kepada konsortium yang mereka bentuk.

[Soalan No. 4 – Y.B. Datuk Philip Yong Chiew Lip (Gaya) tidak hadir]

5. Tuan Lim Kit Siang [Tanjong] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah yang dilakukan oleh pihak berkenaan untuk memastikan kenaikan indeks komposit yang mendadak pada masa kini bukannya sesuatu yang direka dan tidak berasaskan kewangan kukuh tetapi suatu bayang-bayang demi mencipta salah anggapan bahawa ekonomi negara telah pulih seperti sediakala.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, just in time. Tahniah!
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini mengandungi beberapa tohmahan ataupun dengan izin, loaded question. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyatakan kita mereka bayang-bayang, yang saya tahu bayang-bayang DAP sahaja, kerajaan tidak ada bayang-bayang. Dan soalnya juga mengandungi prejudis seolah-olah tidak percaya dengan angka-angka yang diberikan oleh kerajaan.

Saya yakin bahawa perkara ini juga dibangkitkan untuk mendapat sedikit political mileage daripada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti sedia maklum Bursa Saham kita telah meningkat dengan ketara berbanding dengan 1 September tahun lepas apabila indeks berada 262 mata semalam tutup pada 851.2 mata dari segi market capitalizationnya telah meningkat dari RM181 ribu juta kepada RM579.75 ribu juta semalam. Ini bermakna terdapat peningkatan dalam market capitalization sebanyak 400 ribu juta sejak September tahun lalu dalam tempoh kira-kira sepuluh bulan.

Ini bermakna terdapat apa yang kita boleh panggil sebagai 'wealth effect', ataupun peningkatan dalam kekayaan rakyat Malaysia sebanyak 400 ribu juta sejak bulan September dan angka ini real, tidak direka, tidak ada bayang-bayang, ini merupakan angka-angka yang sebenar iaitu pelaburan dan nilai saham telah meningkat 400 ribu juta berbanding dengan di market capitalizationnya bermakna bahawa telah berlaku 'wealth effect' yang begitu ketara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa apa yang berlaku adalah sebenar, tidak direka-reka dan ini adalah berikutan daripada pemulihan ekonomi yang semakin ketara akhir-akhir ini. Saya hendak sebut beberapa angka untuk meyakinkan Ahli Yang Berhormat dan ahli-ahli pembangkang yang lain umpamanya sektor pembuatan telah meningkat 8.5% bulan Mei tahun ini dan jika diambil kira Februari hingga Mei tahun ini, peningkatan ini juga agak ketara.

Selain itu eksport meningkat dalam Dollar Amerika bukan Ringgit Malaysia, dalam Dollar Amerika 15.1% dalam bulan Mei tahun ini. Seterusnya dalam lebihan dagangan daripada bulan Januari hingga Mei tahun ini RM28.2 ribu juta ataupun US\$7.4 billion, ini juga angka sebenar iaitu peningkatan lebihan dalam dagangan luar.

Rizab luar negara meningkat kepada US\$31.5 billion, cukup untuk membiayai tujuh bulan import, ini merupakan angka terkini yang terakhir. Kalau

sebelum ini kita kata US\$31.1 ribu, cukup untuk membiayai 6.8 bulan import, hari ini angkanya US\$31.5 ribu cukup untuk membiayai tujuh bulan import.

Tuan Yang di-Pertua, jadi inflasi juga menurun pada di antara Januari hingga Jun 3.3% berbanding 5% tempoh yang sama tahun lepas, inflasi bukan kita kawal tetapi telah menurun. Jualan kereta meningkat dengan ketara, kajian dibuat oleh MIER juga menunjukkan terdapat apa yang dipanggil improvement in business confidence, dengan izin, pembuangan pekerja juga berkurangan pada bulan Mei tahun ini 3,547 berbanding Julai tahun lepas seramai 12,335. Peluang pekerjaan juga meningkat, bulan Mei 10,911 peluang pekerjaan baru berbanding bulan Disember tahun lepas 7,641. Kadar perbelanjaan pembangunan Persekutuan, ini satu perkara yang sering kali dibangkitkan oleh kerajaan.

Tahun-tahun sebelum ini lembab perbelanjaan. Kerajaan telah menubuhkan pasukan petugas dan semalam kita telah melaporkan bagi keseluruhan kerajaan untuk tempoh Januari hingga Jun tahun ini, kerajaan telah membelanjakan 46% daripada perbelanjaan pembangunan tahun ini berbanding 20% dalam keadaan-keadaan sebelum ini antara 20% hingga 25% wang yang diperuntukkan yang dibelanjakan.

Tetapi tahun ini dengan langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menggerakkan pertumbuhan ekonomi laporan terakhir ialah 46% peruntukan pembangunan sudah kita belanjakan.

Ini semua, angka-angka yang saya sebut untuk meyakinkan Ahli Yang Berhormat tentang adanya pemulihan yang sebenar dalam ekonomi negara Malaysia dan kalau kita bandingkan prestasi Bursa Saham kita dengan bursa-bursa saham yang lain, peningkatan sejak 1 September tahun lepas berbanding semalam ialah 224% peningkatan, di Jakarta – 104%, di Seoul – 208%, di Bangkok – 137%. Bermakna bahawa peningkatan di Bursa Saham Kuala Lumpur melebihi sedikit prestasi bursa-bursa saham yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, kalau kita lihat kepada net capital inflow yang masuk dalam pasaran saham, kita dapati bahawa terdapat peningkatan yang

ketara juga, sehingga 7 Julai tahun ini net capital inflow sejak kita kenakan kawalan modal ini, berjumlah RM4.2 ribu juta wang asing masuk ke negara kita untuk melabur dalam pasaran saham, ini berbeza dengan tanggapan umum. Tanggapan umum ialah pelabur asing keluar dengan penganan selective exchange control measures ini, dengan izin, tetapi hakikatnya sehingga 7 Julai tahun ini angka ini seminggu lewat sedikit ialah RM4.2 ribu juta, satu angka yang menunjukkan bahawa keyakinan pelabur asing juga meningkat dalam pasaran saham.

Pinjaman-pinjaman yang telah kita keluarkan mengikut angka-angka Bank Negara kita monitor, kita mengesan kelulusan pinjaman, kalau berbanding tahun lepas weekly loan approval ialah RM1.2 billion, tahun ini daripada Januari hingga sekarang RM1.7 billion, peningkatan sebanyak RM41.7% iaitu kita lihat juga peningkatan dalam kelulusan pinjaman oleh bank-bank, kalau kita lihat kepada disbursement meningkat juga tahun ini berbanding tahun lepas pengeluaran kelulusan pinjaman tadi disbursement juga meningkat 22%.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu juga kita tahu bahawa peningkatan dalam keyakinan bursa saham ini adalah oleh kerana langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menstrukturkan semula sektor bank. Sektor bank adalah nadi dalam sebuah negara. Kalau sektor bank kuat, ada keyakinan maka ini akan juga memberi kesan kepada pasaran saham. Kita telah mencapai kejayaan yang cemerlang, Danaharta umpamanya telah mengambil alih kira-kira RM40,000 juta. Pada petang ini Gabenor Bank Negara akan mengeluarkan satu kenyataan terperinci berkaitan dengan pencapaian dalam menstrukturkan semula sektor perbankan. Danaharta telah mengambil alih RM40,000 juta NPL, kira-kira 2,000 akaun Danamodal sekarang ini NPL telah berkurangan kepada kira-kira 8 peratus pada masa. Pada satu masa 20 peratus, ada yang menganggarkan lebih daripada itu, tetapi cuma 8 peratus di beberapa buah negara lain 20 peratus ada 40 peratus ada NPLnya.

Jadi keyakinan dalam bursa saham ini juga adalah berikutan daripada perubahan-perubahan yang ketara, prestasi yang cemerlang yang telah berlaku dalam sektor bank, khususnya langkah-langkah yang diambil oleh Danamodal, Danaharta dan CDRC untuk memulihkan sektor bank sehinggakan hari ini NPL telah berkurangan dan kadar kecukupan modal bank telah bertambah dengan begitu ketara.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang berlaku tidak direka-reka, tidak ada bayang. Ia merupakan pemilihan yang sebenar dan rakyat Malaysia sedang menikmati faedah daripada pemulihan ekonomi yang sedang berlangsung sekarang. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, semalam ada peniaga-peniaga di Kuala Lumpur yang kompelin kepada saya bahawa sungguhpun composite index BSKL ada melambung naik ini tidak dibayangkan dalam real economy, sebenarnya dalam perniagaan-perniagaan mereka dua bulan ini lebih lembab dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan kenapa begitu dan adakah bersangkutan-paut antara melabung naik ke composite index BSKL dengan jadual pilihan raya besar yang akan datang.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Pilihan raya belum tahu bila lagi kecuali pembangkang dia tahu bila pilihan raya. Kami dalam kerajaan belum tahu bila lagi. Jadi itu tiada kaitan langsung pilihan raya umum...*[Disampuk][Ketawa]*

Jadi belum tahu lagi, tidak ada kaitan dengan pilihan raya. Pemulihan ekonomi ini berlaku sejak awal tahun ini. Yang kita mencapai kejatuhan 1 negative - 1.3 percent growth, first quarter dengan izin, adalah disebabkan oleh angka yang kurang memberangsangkan pada bulan Januari peningkatan penurunan yang ketara di beberapa sektor dalam ekonomi negara, itu yang dengan izin pull us down. Tetapi angka-angka sejak Februari, March, April, Mei, June, angka trade surplus - this are real economy, the trade surplus yang saya sebut tadi dalam US Dollar, meningkat 15 peratus, real economy. Kalau kita tengok kepada semi conductor, ini yang paling ketara sekali peningkatan dalam eksport semi

conductor, laporan-laporan yang kita terima yang kita baca apa yang berlaku dalam semi conductor ini sungguh memberangsangkan. Malaysia banyak mengeksport barangan semi conductor. Ini antara sebabnya kenapa eksport kita sedang meningkat dengan ketara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, berlaku pemulihan dalam real economy. Kita tidak menafikan ada sektor-sektor yang mungkin terjejas sedikit macam construction atau pembinaan belum lagi pulih sepenuhnya, tetapi tahun lepas menguncup dengan begitu ketara, tahun ini kuncupannya ataupun contraction dengan izin adalah lebih kecil. Sektor pembinaan memang belum pulih sepenuhnya, tetapi khususnya manufacturing, manufacturing is a real economy, khususnya pertanian. Ini merupakan sektor yang pesat berkembang dan ini semuanya real economy. Angka-angka yang kita ada mengenai retail sales umpamanya juga meningkat secara umumnya terdapat peningkatan dalam retail sales. Kalau kita pergi supermartket, kita lihat lebih ramai rakyat Malaysia yang berkunjung ke supermarket, kalau pergi coffee house, hotel-hotel umpamanya, walaupun di segi room occupancy, peningkatannya sedikit tetapi kalau kita bercakap mereka dalam F&D seksyen, kita dapati bahawa lebih ramai rakyat Malaysia berkunjung ke restoran, lebih ramai rakyat Malaysia membeli kereta, ini adalah kerana peningkatan dalam pendapatan iaitu recovery - pemulihan dalam real economy. Bukan sahaja financial, financial real ada kaitan kalau financial economy pulih, real pun pulih dan apa yang berlaku hari ini bukan sahaja BSKL yang sedang pulih tetapi juga ekonomi sebenar Malaysia, khususnya sektor pembuatan sedang pulih dengan begitu membanggakan.

Dato' Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita percaya bahawa pemulihan ekonomi kita ini betul-betul benar berlaku tetapi kalau kita tengok melihat daripada media-media asing bahawa terdapat foreign consultant ini mengatakan seolah-olah pemulihan ekonomi kita ini adalah satu artificial di mana angka-angka dibuat oleh kerajaan kita sehinggakan pihak pembangkang juga seperti Yang Berhormat dari Tanjong mempercayai di atas

dakyah-dakyah yang dibuat oleh foreign consultant ini. Persoalannya apakah tindakan kerajaan untuk meyakinkan foreign consultant ini supaya kita benar-benar telah memulihkan ekonomi kita agar investor-investor daripada luar yakin betul dengan pemulihan kita. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, media asing ini mempunyai atau memberikan gambaran yang negatif mengenai perkembangan ekonomi Malaysia kerana yang mereka interview cuma ahli pembangkang DAP, PAS, ADIL mereka tidak jumpa dengan Yang Berhormat dari Jasinkah, Kuala Pilahkah, tidak ada, Batu Berendamkah tidak jumpa semua, jumpa Yang Berhormat dari Tanjong dengan PAS sahaja, ini masalah kita. Jadi laporan mereka adalah slanted. Itu sebabnya tetapi dengan izin, action speak louder than words Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku sekarang ini pemulihan yang sebenarnya sudah pun melumpuhkan segala, sekarang ini mereka malulah hendak admit dengan izin, kejayaan yang kita capai.

Saya hendak sebut beberapa ramalan, bukan semua yang negatif, ramalan yang dibuat oleh penganalisis asing, antaranya Merrill Lynch. Lima hari lepas mereka mengeluarkan satu ramalan baru iaitu pertubuhan kita 4.9 peratus ini yang hendak tunjuk, Goldman Sachs dua, tiga hari lalu bahawa pertumbuhan kita 2 peratus, kita 1 peratus, ada kata 2 ada kata 4.9. Jadi buka semuanya negatif kerana mereka sudah lihat, kalau kita bercakap Merrill Lynch, dengan Goldman Sachs ini dia kata, kenapa mereka buat begitu?. Merrill Lynch berkata bahawa peningkatan dalam eksport Malaysia begitu membanggakan, semi conductor.

Kalau kita tanya pada Goldman Sachs, kenapa mereka revised kepada 2 peratus, mereka kata mereka bangga dengan penstrukturan semula sektor bank di Malaysia. Jadi bukan semuanya negatif. Sebelum ini memang ada tanggapan negatif kerana mereka berjumpa cuma dengan PAS, dengan DAP, kami dia tak jumpa tetapi macam saya kata action speak louder than words, apa yang penting ialah kejayaan sebenar yang kita alami hari ini dan ini tidak boleh dan tidak ada siapa yang dapat menafikannya. Kalau rakyat Malaysia semakin ceria, semakin

gembira pendapatan bertambah tidak ada siapa walaupun media asing, tidak ada siapa yang dapat menafikan perkara ini dan satu hari nanti mereka akan dengan izin, embarrass dengan kesilapan-kesilapan yang telah mereka lakukan.

6. Dr. Yap Yit Thong [Lumut]: minta Menteri Pertahanan menyatakan:-

- (a) pecahan angka pegawai kadet, yang telah diambil oleh TLDM untuk latihan pada tahun 1996, 1997 dan 1998; dan
- (b) kenapa bilangan calon yang bukan bumiputera yang dipilih untuk latihan adalah terlalu kecil.

Menteri Pertahanan [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini saya ingin mengambil perhatian Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini, Soalan 6(a) mengatakan pecahan angka pegawai kadet yang telah diambil oleh TLDM untuk tahun 1996, 1997, 1998. Di dalam Order Paper kita pada hari ini, 6(a), "*...the breakdown figures for cadet officers were recruited by the Royal Malaysian Airforce for 1996, 1997, 1998;*" Jadi dari segi kesahihan, saya ambil Aturan Urusan Mesyuarat ialah yang dipakai. Ini kerana ada bercanggah kerana soalan dituju kepada

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, isu ini saya rasa mengikut yang Bahasa Malaysia, berkenaan isu TLDM bukan TUDM. Lumut ada TLDM bukan TUDM.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat;

- (a) Pecahan pegawai kadet yang telah diambil oleh Tentera Laut Diraja Malaysia bagi mengikuti latihan mengikut kaum pada tahun 1996, 1997 dan 1998 adalah seperti berikut:

Tahun	1996	1997	1999
Melayu	70	99	65
Cina	0	0	1
India	5	0	2
Lain-lain	6	1	1
Jumlah	81	100	69

Walau bagaimanapun, tiada pengambilan dilakukan pada tahun 1998 berikutan kegawatan ekonomi. Kementerian Pertahanan berpendapat bahawa sambutan dari calon bukan bumiputera untuk menyertai TLDM adalah tidak menggalakkan berdasarkan kepada beberapa faktor seperti berikut:-

- (i) tawaran kerjaya yang kurang menarik di sektor awam telah mengakibatkan golongan bukan bumiputera tidak berminat untuk menyertai perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia. Walau bagaimanapun, berikutan kegawatan ekonomi sejak akhir-akhir ini bilangan yang menyertainya telah mula bertambah.
- (ii) Media massa kurang memainkan peranan dalam menyebarkan maklumat berhubung dengan kerjaya dan aktiviti-aktiviti ketenteraan.

Tuan M. Kulasegaran : Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di antara sebab-sebab yang diberi yang tidak menggalakkan bukan bumiputera masuk Tentera Laut adalah kerana kekurangan kebebasan untuk praktis agama.

Saya dapat laporan dari kadet-kadet dari Lumut yang mengatakan dia tidak dibenarkan menjalankan praktis agama Hindu, Buddha dan sebagainya. Adakah kerana kebimbangan ini kerap kali dikatakan di Dewan ini bahawa bukan bumiputera selalu kerajaan memberikan galakan-galakan tetapi kita rasa satu di antaranya galakan yang betul-betul boleh membawa manfaat adalah compulsory military service. Adakah kerajaan rela untuk mengimplementasi perkara ini?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Untuk menjawab soalan pertama, saya menafikan tuduhan Yang Berhormat itu bahawa kekurangan praktis agama yang bukan Islam, yang diamalkan di TLDM, Lumut. Saya menghendaki butir-butir yang sah daripada Yang Berhormat

Tuan M. Kulasegaran: Saya boleh beri.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Ya, okay, kerana dari segi Perlembagaan kita memberi peluang rakyat Malaysia bebas dari segi menuntut agama-agama yang disukai oleh mereka. Kedua, berkenaan dengan, what is your question?

Tuan M. Kulasegaran: The question is compulsory military service.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Setakat ini kerajaan tidak memerlukan compulsory military service daripada rakyat Malaysia.

Datuk Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang : Tuan Yang di-Pertua, daripada soalan-soalan yang telah ditimbulkan di dalam Dewan yang mulia ini dari segi soalan No. 6 ini menampakkan seolah-olah ada setengah-setengah pihak beranggapan ada diskriminasi dalam pengambilan tentera (TLDM) ataupun angkatan tentera secara amnya. Jadi, dasarnya kita tahu, saya percaya Dato' telah menyatakan tadi segala usaha telah diambil untuk menggalakkan, sehingga hari ini sambutan daripada mereka itu tidak begitu menggalakkan kerana kebanyakan mereka hendak jadi pegawai sahaja, hendak jadi soldier tidak mahu . Kemudian itu dalam sesuatu organisasi ketenteraan kita perlukan semua, lebih-lebih lagi dalam keadaan negara Malaysia bermasyarakat majmuk.

Soalan saya, dari segi umumnya, pandangan Dato', angkatan tentera umumnya sambutan kepada kaum yang bukan bumiputera untuk menjawat sebagai angkatan tentera amnya, bagaimanakah sambutan kaum bukan bumiputera kepada jawatan yang pangkat rendah dan kepada jawatan peringkat pegawainya. Macam mana sambutannya?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:
Tuan Yang di-Pertua, sambutan daripada calon-calon bukan bumiputera untuk peringkat rendah sangat dingin dan untuk peringkat pegawai pun dingin seperti yang saya sebutkan sebentar tadi. Jadi, kita telah membuat ceramah dan pameran bukan sahaja di shopping complexes, di merata seluruh Malaysia ini, bahkan di sekolah-sekolah, sekolah menengah dan juga di peringkat universiti tidak kira kaum. Saya mempunyai bukti-bukti di mana recruiting team telah pergi ke sekolah-sekolah yang mengandungi kaum Cina, India dan berbilang-bilang kaum yang lain di Malaysia ini.

Jadi, sambutan daripada yang bukan bumiputera ini setakat yang saya sebutkan tadi sangat dingin dan kita berharap bahawa DAP dan mereka yang menchampionkan cause kaum akan menggalakkan kaum bukan bumiputera masuk tentera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Boleh satu lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan M. Kulasegaran: Menteri jarang datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat

7. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang] minta Menteri Luar Negeri menyatakan jumlah kes melibatkan Malaysia yang masih belum diputuskan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ). Sila nyatakan jenis-jenis kes dan negara-negara yang turut terlibat sama.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Jun 1999 hanya satu kes yang melibatkan Malaysia yang masih belum diputuskan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ). Kes ini adalah merujuk kepada pertikaian antara Malaysia dan Indonesia mengenai kedaulatan ke atas Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan di mana kedua-dua

belah pihak meminta Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) untuk menentukan sama ada kedaulatan atau sovereignty ke atas Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan dimiliki oleh Malaysia atau Indonesia.

Satu lagi pertikaian yang melibatkan Malaysia yang sedang dalam proses untuk dibawa ke hadapan Mahkamah Keadilan Antarabangsa ialah mengenai kedaulatan Pulau Batu Putih dan perkara ini melibatkan Malaysia dan Singapura.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang : Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan apakah halangan-halangan besar maka tidak dapat diadakan penyelesaian secara langsung di antara kerajaan dengan kerajaan secara semangat kejiranan?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masalah yang besar sekali dalam perkara ini, cuma kes yang pertama itu tadi ialah dalam proses untuk dikemukakan kepada ICJ sahaja dan kerjasama dan perbincangan antara Kerajaan Indonesia dan Kerajaan Malaysia telah menunjukkan kerjasama yang begitu baik dan telah bersetuju menandatangani satu perjanjian untuk mengemukakan kes ini kepada ICJ dan ini adalah satu cara, dengan semangat kejiranan yang baik antara kedua negara ini dan ini menunjukkan bahawa kita akan menerima keputusan selepas perbincangan semenjak tahun 1992 dan kita boleh katakan perkara ini adalah ke peringkat untuk penyelesaian di antara dua negara ini.

Begitu juga di peringkat Pulau Batu Putih sudah mencapai draf persetujuan untuk dikemukakan kepada ICJ tetapi ini perlu lagi memikirkan perkara-perkara dan perbincangan untuk menyelesaikan serba sedikit. Tidak ada masalah yang besar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan. Kita ada dua, tiga perkara iaitu masalah Batu Putih, Sipadan dan Spratly Island dengan negara-negara lain.

Jadi, saya ingat persoalan daripada Yang Berhormat daripada PAS tadi, mungkin hendak belajar macam mana hendak jadi menteri luar negeri, mungkin

Perlis independent nanti, merdeka. Jadi, saya hendak tanya persoalan membawa kes ke ICJ ini ialah kedua-dua negara terlibat atau negara-negara yang terlibat dalam satu pertelingkahan mengenai satu tempat itu ialah persetujuan negara-negara tersebut. Maknanya di antara Malaysia dan Indonesia telah bersetuju membawa kes Sipadan ke ICJ, begitu juga kalau Singapura dan Malaysia sudah setuju mempersoalkan soalan Batu Putih ke ICJ kalau kedua-dua negara bersetuju. Tetapi persoalan saya ialah masalah kita di Spratly Island yang dilihat sekarang cuma Brunei, Philippines, China dan sebagainya membuat tuntutan yang sama.

Apakah hala tujuan kementerian, adakah langkah-langkah telah dibuat supaya semua negara ini bersetuju untuk membawa kes ini juga ke ICJ dan apakah sambutan daripada negara-negara tersebut dan sebanyak manakah langkah ini telah disusulkan pada masa sekarang. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini mungkin terlibat juga, mengenai tuntutan Spratly Island itu memang banyak negara yang menuntut dan tuntutan bertindih tetapi yang ingin saya jelaskan di sini, kita belum sampai ke satu tahap untuk kemukakan ke ICJ tetapi yang wujud sekarang adalah di kalangan negara ASEAN. Kita telah mengadakan dua deklarasi iaitu deklarasi di Manila tahun 1992 dan juga Hanoi Plan of Action yang telah dipersetujui pada Disember 1998 tahun lalu di mana kita mewujudkan Code of Conduct of South China Sea. Ianya merupakan satu garis panduan untuk kita menggalakkan perundingan secara damai dan tidak menggunakan secara kekerasan atau tekanan atas mana-mana satu pihak yang terlibat dalam tuntutan ini. Dalam suasana yang sama negara ASEAN mewujudkan satu keyakinan keselamatan atau confidence building measures di kalangan negara-negara di rantau ini supaya tidak mewujudkan satu ketegangan atau apa-apa perasaan salah sangka di antara satu sama lain dalam perkara ini.

8. Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar] minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada beliau mempunyai

rancangan baru untuk meningkatkan lagi industri pelancongan negara dan sama ada beliau berpuas hati dengan rancangan yang ada sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bersama-sama ini soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dari Beluran bertarikh 19 Julai, Yang Berhormat dari Rompin, Yang Berhormat dari Wangsa Maju bertarikh yang sama, Ahli Yang Berhormat dari Mentakab bertarikh 21 Julai dan Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara pada 22 Julai 1999 kerana soalan-soalan ini adalah berkenaan perkara-perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada meneruskan perancangan yang sedia ada seperti membangunkan produk dan aktiviti pelancongan, membangunkan tenaga manusia dalam bidang pelancongan, membangunkan pelancongan domestik dan mempertingkatkan kemudahan asas pelancongan serta accessibility, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mempunyai rancangan baru terutamanya dalam melaksanakan usaha promosi dan pemasaran yang lebih bersepadu dan lebih fokus untuk menggalakkan lagi kedatangan pelancong asing ke negara ini.

Rancangan baru ini termasuklah usaha penumpuan promosi dan pemasaran untuk menarik pelancong Tionghua dari seluruh dunia ke negara ini dengan memberi kelonggaran syarat-syarat kemasukkan mereka ke negara ini melalui pengeluaran visa serta-merta di pintu-pintu masuk utama negara. Selain daripada itu kementerian juga sedang membangunkan produk-produk baru pelancongan seperti produk pelancongan yang berasaskan keagamaan, pendidikan, kesihatan dan juga jejak warisan. Dari segi kemudahan perkhidmatan yang disediakan untuk pelancong-pelancong, kementerian akan menentukan supaya papan-papan tanda pelancongan dan brochure disediakan dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Jepun dan Mandarin selain daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Dengan terlaksananya rancangan-rancangan ini kementerian yakin industri pelancongan negara berpeluang untuk mencapai pertumbuhan yang membanggakan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan program yang diadakan itu untuk membangunkan industri pelancongan dalam negara kita. Soalan saya adakah program pelancongan ini akan terganggu disebabkan oleh mungkin sabotaj secara terhormat oleh pihak Singapura yang melengah-lengahkan kemasukan pelancong dari Malaysia ke Singapura dan juga mungkin pelancong yang transit di Singapura untuk memasuki ke negara kita. Jadi, apakah tindakan yang lain yang perlu diambil oleh pihak kementerian untuk memaklumkan kepada pelancong-pelancong asing yang datang ke Malaysia melalui Singapura ini supaya mereka mengadakan transit di tempat yang lain untuk memudahkan mereka masuk ke Malaysia dan apakah perancangan pihak kementerian untuk memastikan bahawa mungkin kita juga boleh bertindak balas ke atas sikap Singapura yang tidak menghormati jiran. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya usaha kementerian untuk membuat promosi dan menggalakkan pengusaha-pengusaha pelancongan di luar negara terus berhubung dengan pengusaha-pengusaha pelancongan di Kuala Lumpur tanpa melalui Singapura. Walau bagaimanapun, satu faktor yang perlu kita terima ialah selama ini, dengan izin, clearing house bagi ejen-ejen pelancongan di luar negara dengan ejen-ajen pelancongan di rantau ini adalah melalui Singapura. Kalau 'clearing house'nya melalui Singapura maka mahu tidak mahu jalan atau pakej-pakej pelancongan itu bermirip untuk singgah di Singapura. Itulah salah satu usaha kita supaya menasihatkan mereka yang terlibat dalam industri ini supaya terus berhubung dengan pihak-pihak luar negara.

Daripada satu pihak lagi, memanglah usaha kita untuk hendak menerima pelancong dan pintu-pintu masuk kita memberi khidmat yang efisien kepada pelancong-pelancong. Tetapi apa yang berlaku melalui akhbar-akhbar yang kita baca di Singapura ialah kesusahan atau masa yang lama untuk mereka yang datang dari Johor hendak masuk ke Singapura. Jadi ia tidak memberi kesukaran kepada

pelancong Singapura yang hendak datang ke Malaysia tetapi ia memberikan kesukaran kepada pelancong-pelancong Malaysia yang hendak ke Singapura. Dengan tidak secara langsung mereka memberitahu kepada pelancong-pelancong di Malaysia ini jangan pergi ke Singapura. Kalau itulah alasannya adalah lebih baik untuk pelancong-pelancong kita kurang berminat untuk pergi ke sana.

Walau bagaimanapun, apakah kesannya nanti. Kita tidak dapat angka-angka yang current berkenaan dengan kemasukkan dan pengeluaran pelancong-pelancong kita, mungkin dalam masa satu bulan lagi kita boleh membuat penganalisan tentang keadaan yang berlaku di Woodland sekarang ini. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang saya nampak adanya pengiklanan di media antarabangsa seperti CNN sudah bertambah. Sekarang ada satu pengiklanan yang baik di dalam CNN. Berapakah peruntukan yang telah diberi untuk menambahkan pengiklanan seumpama ini dan juga usaha-usaha untuk memperbaiki keadaan pengendalian penyelenggaraan iaitu destinasi-destinasi sebab, Tuan Yang di-Pertua, saya ada pengalaman sendiri pada tiga atau empat minggu yang lepas saya ada pergi ke Gunung Jerai. Saya nampak ia lebih tinggi daripada bukit sedikit tetapi malangnya maklumat misalnya daripada Yang Berhormat dari Yan kurang [*Ketawa*] dan janji dia tidak tepat, tidak dikotakan - itu masalah. Yang Berhormat bolehkah kita mengkaji semula apakah peranan seperti Yang Berhormat Yan dan pegawai-pegawai untuk memberi janji bagi maksud pelancongan tetapi tidak dapat dikotakan.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya ambil bahagian akhir soalan Yang Berhormat dari Kepong itu dia bertanya kepada Yang Berhormat Yan, jadi saya tak perlu jawab. Walau bagaimanapun, berkenaan dengan kedatangan bahawa di media-media antarabangsa seperti CNN dan sebagainya terdapat pengiklanan-pengiklanan yang membanggakan kita ialah kerana kita dalam Kementerian Perlancongan menggunakan kaedah yang dapat terbaik-baik dengan semua. Kita tahu bahawa daripada satu segi kita terpaksa

mengatasi dakyah-dakyah CNN, tetapi dalam segi yang lain kita juga perlu, kita juga mengaku bahawa CNN mempunyai pengaruh yang kuat. Oleh yang demikian, kita cuba berbaik-baik dengan CNN dan memperuntukkan dan mengambil iklan dalam CNN. Oleh yang demikian, nampaknya mereka berhasrat untuk memberi gambaran yang positif tentang negara kita.

Sememangnya kita berusaha untuk memperbanyakkan lagi brosur-brosur kita dan kalau boleh mengeluarkan maklumat-maklumat tentang semua tempat-pelancongan negara ini. Tetapi kita juga harus sedar bahawa untuk mengeluarkan brosur ini memakan belanja yang banyak dan kalau lebih tinggi mutu brosur itu maka lebih tinggilah kos yang kita perlukan. Oleh yang demikian kita kena memperimbangkan kegiatan dan kepentingan kita dengan peruntukan dan keupayaan kita. Oleh yang demikian, kita harap pihak-pihak lain juga memberikan kerjasama dalam membuat promosi tentang produk-produk pelancongan kita terutama sekali parti Ahli-ahli Yang Berhormat dari sebelah sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Datuk S'ng Chee Hua.

[Soaoan No. 9 – Y.B. Yang Berhormat, Datuk S'ng Chee Hua Tidak hadir]

10. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** Minta Menteri Pendidikan menyatakan pendapat dan pendekatan kementerian terkini dari segi realitinya Bahasa Malaysia belum digunakan secara meluas dan memuaskan sebagai bahasa ekonomi, perniagaan, perdagangan dan langkah serius diambil oleh kerajaan tentang “kelonggaran” tindakan pihak kementerian terhadap penggunaan Bahasa Inggeris yang telah disalahgunakan oleh IPTS sejajar dengan peruntukan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dan Akta Pendidikan 1996.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah dan sedang merangka strategi agar Bahasa Malaysia digunakan secara meluas dalam semua sektor. Antaranya ialah pindaan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pertubuhan Bahagian Pembangunan Bahasa Sektor Swasta. DBP juga telah membuat kajian pada iklan dan papan tanda di tempat awam dan bercadang memasukkan

peruntukan khusus tentang penggunaan Bahasa Malaysia dalam undang-undang kecil Akta dan Ordinan yang sesuai supaya bahasa yang digunakan adalah tepat. Dengan adanya peruntukan seumpama ini diharapkan DBP dapat bertindak lebih tegas lagi dan penggunaan Bahasa Malaysia dapat diperluaskan juga di sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya masa sudah cukup untuk soal jawab.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No.4, 9 dan 11 hingga 70 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Polis Diraja Malaysia – Tindakan Berat Sebelah

11.05 pagi

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, inilah untuk memberi notis mengikut Peraturan Mesyuarat 18 untuk mengusulkan berikut:-

Bahawa Dewan ini membenarkan Ahli Parlimen kawasan Bintulu, Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing untuk menangguhkan Dewan dan membincangkan satu perkara tertentu, untuk kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu mengenai berat sebelah Polis Diraja Malaysia kepada syarikat perladangan di mana tanah Native Customary Right (NCR), telah ditolak oleh syarikat penanaman kelapa sawit di Ulu Niah, Sarawak. Tanah NCR kepunyaan kira-kira 43 keluarga orang Iban yang terdiri daripada wanita, kanak-kanak dan orang tua dari dua buah rumah panjang, iaitu rumah busang dan rumah bali di kawasan Niah, Miri sebahagiannya telah pun ditolak oleh kontraktor Sarawak Oil Palm, sebuah anak syarikat badan berkanun Land Custody Development Agencies (LCDA) Sarawak.

Hari ini pihak kontraktor telah menceroboh dan menolak satu kawasan luas yang mempunyai kebun getah, kebun buah-buahan, kelapa sawit dan tanaman

pertanian orang rumah panjang. Mirin atau satu upacara penawaran orang Iban untuk meminta pengampunan daripada roh tanah dan mendoa untuk sabar, aman dan keadaan seimbang dikembalikan, tetapi malangnya mirin dan tanah mereka ditolak. Masyarakat itu sekarang berada dalam keadaan berjaga-jaga bagi menghadapi penolakan tanah selanjutnya berlaku. Malangnya semua berlaku di bawah jagaan kakitangan polis. Kehadiran polis dilihat sebagai satu sokongan kepada tindakan yang diambil oleh syarikat tersebut, sebab itulah kontraktor melakukan apa saja yang mereka mahu.

Kenapa polis boleh membenarkan semua ini berlaku sedangkan telah mengetahui bahawa semua tanah itu telah dituntut oleh orang Iban mengikut adat. Beratus tahun sebelum kerajaan dibentuk, orang Iban telah pun tinggal di atas tanah Sarawak mengikut adat dan sehingga hari ini adat masih diamalkan. Syarikat tersebut mempunyai hak secara bertulis daripada kerajaan Sarawak tetapi pihak pribumi juga mempunyai hak menuntut tanah mengikut adat mereka yang berusia lebih 100 tahun. Kenapa polis boleh membenarkan tanah mereka ditolak dan dicerobohi sedangkan hak mereka sepatutnya dilindungi agar keadaan yang menyedihkan itu tidak berlaku. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bintulu pada 14 Julai 1999 jam 9.30 pagi. Teks Usul itu seperti yang dibacakan sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini dikembangkan oleh majlis mesyuarat pada hari ini saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan memenuhi tiga syarat:

Pertama, ialah bahawa perkara itu tertentu;

Kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan

Ketiga, ia hendaklah disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini mendapati bahawa perkara ini tertentu, ia adalah untuk kepentingan orang ramai. Walau bagaimanapun perkara ini tidak

perlu disegerakan. Jadi masalahnya seperti ini berkehendakkan kepada kepastian siapa daripada dua pihak yang terlagah yang mempunyai title yang lebih kukuh atau superior atau siapa yang memiliki tanah itu. Yang demikian masalah ini hanya boleh diselesaikan oleh mahkamah atau pun pejabat tanah yang berkenaan. Ini kerana tanah adalah di dalam bidang kuasa kerajaan negeri

Selain daripada itu saya difahamkan kehadiran polis di tempat kejadian itu adalah dengan hasrat untuk memberi perlindungan kepada kesemua pihak termasuk harta benda dengan tidak melebihi bidang kuasa di bawah undang-undang. Mereka tidak berhajat hendak memberi sokongan kepada mana-mana pihak. Oleh yang demikian usul ini ditolak.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 1999

Bacaan kali Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [14 Julai 1999].

Tuan Yang di-Pertua: Sila sambung jawapan.

11.10 pagi.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato’ Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung penggulungan saya daripada semalam. Saya ingin membuat penjelasan sedikit tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar tentang penunggang-penunggang motosikal yang meninggal. Apakah usaha yang kita jalankan? Kita telah menjalankan pelbagai usaha termasuk kempen, multimedia di semua peringkat sama ada TV ataupun di dalam surat khabar dan berbagai-bagai tempat yang lain.

Kita juga telah membuat piawaian baru dikuatkuasakan bagi topi keledar dan motosikal mulai tahun 1998 dan penguatkuasaan juga ditingkatkan dan kegunaan bahan pemantulan cahaya, pakaian warna cerah digalakkan untuk meningkatkan kebolehlihatan penunggang-penunggang motosikal. Oleh sebab itu kita lihat ada pengurangan kemalangan motosikal dengan kadar 9.5%. Misalnya pada tahun 1997 kita ada 3,286 kemalangan dan tahun 1998 2,979, ada penurunan. Mengenai pas-pas sementara yang diberikan semasa perayaan dan masa-masa lain kita telah berikan 'temporary variation' ataupun permit pembaharuan sementara yang dikeluarkan oleh JPJ.

Untuk pengetahuan umum pengusaha-pengusaha ini juga memerlukan insurans khas bagi masa dan tujuan. Jadi kalau masa itu masa untuk Tahun Baru China ataupun masa Hari Raya, masa itu ada dan tujuannya apa, kita minta insurans, ada insurans. Begitu juga dengan pegawai penguatkuasa kita telah memberi latihan yang lebih kepada penguatkuasa dan penguji di pusat-pusat latihan JPJ di Kota Bharu dan juga di pihak polis juga ada memberi maklumat bahawa PDRM juga mempunyai institut seperti Maktab Polis di Kota Bharu dan Cheras untuk meningkatkan keprofesionalan polis-polis ini termasuklah mereka diberi kursus, latihan berkenaan dengan perundangan, penyiasatan, penggunaan peralatan, penguatkuasaan dan komputer dan sebagainya.

Seperti yang dibangkitkan juga pusat latihan baru akan dibangunkan di negeri Melaka dan sekarang ini dalam proses perundingan dan kita akan berikan tender tidak lama lagi.

Berkenaan dengan cermin gelap, pihak yang berkuasa untuk memberi cermin gelap adalah budi bicara Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Menteri Pengangkutan adalah lebih prihatin dan tidak memberi mana-mana pihak cermin gelap dengan sewenang-wenangnya termasuklah menteri-menteri sendiri tidak ada cermin gelap. Baru-baru ini juga kita dapati banyak pihak meminta termasuk Gabenor Bank Negara pun minta kita tidak bagi. Kalau ada Yang Berhormat lihat

siapa menggunakan cermin gelap bolehlah beritahu kami, nombor kereta, kita boleh ambil tindakan tetapi kadang-kadang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Batang Lupar bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Dato' Timbalan Menteri. Soalan ahli Dewan Rakyat ataupun sesiapa sahaja yang buat laporan kepada polis ataupun JPJ itu kadang-kadang saya rasa sedihlah. Pada suatu malam saya memandu kereta, sebenarnya saya test drive satu kereta S70, apabila James Bond keluar kereta itu saya pun cuba hendak pandu kereta S70 itu. Apabila saya pandu kereta itu ada seorang 'gold finger' sebelah saya cuba hendak racing dengan S70 saya, jadi dia jalan laju, saya kata awak ini kalau jalan laju sangat nanti jatuh nanti. Saya cakap sendiri sahajalah itu. Sebab dia jalan laju.

Selepas itu dia memecut ke hadapan dengan lajunya kurang lebih dua minit selepas itu saya sampai bersama dengan dia dan saya nampak dia sudah langgar sebuah motosikal. Maknanya dari segi undang-undang traffic kalau siapa memandu dengan merbahaya sebelum kemalangan itu berlaku, orang boleh ditangkap memandu kereta dengan merbahaya. He created the situation before the accident which is very dangerous. That mean he drives dangerously, di bawah seksyen ini case decision. Jadi saya lapor kepada polis, semasa itu juga semasa saya hendak tolong budak pemandu yang macam ayam dipukul. Saya telefon dengan polis, bagi nama saya bagi nombor telefon saya sudah dua tahun sudah tidak ada polis berhubung dengan saya. Saya bagitahu 'telephone number' pejabat. Saya boleh tulis surat dengan JPJ berapa kali hal lori yang buat U-turn di tempat yang bukan tempat U-turn yang boleh membahayakan. Tidak pernah ada jawapan. Cuma sekali sahaja dalam sepuluh surat yang saya tulis, masa saya di Kuala Lumpur apabila saya tulis surat kompelin hal 'taxi driver'. Itu sahaja yang mana taxi driver dihukum RM100. Saya bukan hendak orang dihukum tetapi penjenayah jalan raya ini mesti kena dihukum juga.

Saya harap pihak Dato' bagi tahu dengan polis, bagi tahu dengan JPJ kalau lihat surat orang itu janganlah ambil ringan sangat. Kadang-kadang orang itu mempunyai perasaan hendak tolong jangan orang sebarang, ini Yang Berhormat guna 'letter head' Yang Berhormat pun tidak ada jawapan. Terima kasih Dato'.

Dato' Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, inilah satu masalah yang selalu kita bincangkan iaitu berkenaan dengan penguatkuasa. Masalah sekarang masyarakat dia hanya patuhi ataupun mengikut undang-undang jalan raya apabila dia nampak orang beruniform. Kalau ada penguatkuasa yang pakai uniform dia tengok depan ada uniform orang duduk tunggu telefon yang dia gunakan juga dia letak bawah. Kemudian ataupun kadang-kadang kita lihat bila tidak ada penguatkuasa mereka menjalankan apa yang mereka suka.

Kementerian Pengangkutan telah memberi satu arahan dan menggunakan satu prosedur yang mana penguatkuasa yang tidak pakai uniform di masa luar kerja pun boleh membuat pengaduan ataupun menyaman sesiapa yang salah. Tetapi bukan maknanya penguatkuasa yang tidak pakai uniform itu kalau dia lihat orang salah dia serta merta memberi saman. Orang itu akan dipanggil misalnya, dia pakai telefon, penguatkuasa yang tidak beruniform nampak dia. Dia kata, "Okay, pada 15 haribulan pada pukul tiga di Jalan Tuanku Abdul Rahman dekat dengan Kentucky Fried Chicken kereta ini menggunakan telefon. Kemudian dia harus datang ke pejabat untuk menerangkan sama ada dia lakukan atau tidak. 99% mereka terima akan hakikat ini. Ada satu dua orang sahaja yang challenge akan penguatkuasa ini.

Sekarang ini kita hendak pergi langkah setapak lagi kalau penguatkuasa yang tidak pakai uniform boleh membuat aduan macam ini. Bagaimana dengan kakitangan kerajaan yang berpangkat A ataupun ahli-ahli Yang Berhormat yang berpangkat seperti Ahli Yang Berhormat daripada Batang Lupar kalau dia buat kompelin bagaimana? Kadang-kadang kita juga menimbulkan masalah sebab orang yang membuat laporan seperti Yang Berhormat dia apabila sampai masanya dia tidak mahu pergi ke pejabat untuk mengesahkan kompelin ini ataupun kalau

disaman oleh yang si dituduh maka orang yang kompelin itu kena masuk court dan mensahihkan kompelin dan tuduhan dia tadi. Jadi banyak perkara ini tidak mahu dilakukan.

Walau bagaimanapun sekarang ini kita belum lagi menggunakan kuasa ataupun prosedur di mana orang lain daripada penguatkuasa JPJ yang tidak pakai uniform boleh membuat aduan. Walau bagaimanapun cadangan Yang Berhormat itu memang kita pertimbangkan dan saya juga boleh beri arahan yang tidak formal kepada JPJ untuk mengambil perhatian daripada Yang Berhormat yang membuat kompelin seperti ini. Saya ucap terima kasihlah tentang hal itu.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat saya pun sudah jawab sedikit tadi ialah tentang nombor plat. Kita tidak ada cadangan untuk memberi kepada sesiapa urusan nombor plat ini dan juga kita tidak menggalakkan mana-mana monopoli seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Kalau kita bagi pada satu pihak maka itu monopoli dan kementerian tidak menggalakkan ataupun bercadang untuk memberi monopoli ini kepada sesiapa.

Yang Berhormat dari Jelebu membangkitkan tentang penguatkuasaan juga iaitu 'seasonal safety' ini kita memanglah pada masa-masa yang tertentu sama ada pada masa perayaan kita mengadakan kempen yang lebih sedikit sebab masa itu 'volume traffic' tinggi dan sebab itu kita kena memperingatkan. Tetapi pada masa-masa lain penguatkuasaan berjalan seperti biasa juga. Bukan bermakna kita pada musim-musim tertentu sahaja kita membuat penguatkuasaan tetapi masa-masa lain pun seperti biasa juga. Tuan Yang di-Pertua,

Begitu juga tentang institut memandu seperti yang dinyatakan, memanglah kita galakkan sekolah-sekolah memandu yang kecil-kecil yang banyak ini apabila dibuat institut memandu, apa akan jadi kepada mereka. Maka kita galakkan institut-institut memandu, sekolah-sekolah memandu ini dicantumkan dan jadikan institut memandu. Tetapi kadang-kadang sekolah-sekolah memandu ini tidak mampu, sebab itu sekolah-sekolah memandu ini dicantumkan, dia panggil orang-orang yang boleh menolong dia, dijadikan joint venture. Ada juga kadang-kadang

kita beri institut memandu yang baru kepada golongan-golongan ataupun syarikat-syarikat yang bukan daripada sekolah-sekolah memandu dan kita mempunyai kuota sebanyak 90 buah di seluruh negara dan di Negeri Sembilan ada empat institut memandu. Institut memandu sekarang ini nampaknya berjalan dengan baik dan walaupun ada teething problem here and there.

Juga di dalam bayaran yang sama dan dicadangkan oleh semua pihak itu sedang kita kaji dan perkara ini telah dibangkitkan dalam beberapa mesyuarat di kementerian dan sekarang ini dalam kajian kementerian.

Juga ada disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat punca-punca kemalangan di jalan raya di kawasan-kawasan tertentu, memang kementerian telah mengenal pasti, kerajaan telah mengenal pasti lebih kurang 200 kawasan kemalangan di seluruh negara dan kita akan betulkan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Yang Berhormat dari Jelevu juga membangkitkan tentang kurikulum sekolah memandu yang baru dibuat dan kita lebih strict. Kalau kita mengikut pengalaman saya, saya biasa mengambil lesen di Amerika kalau dibandingkan dengan ambil lesen di Malaysia, saya ingat ambil lesen di Malaysia ini sepuluh kali susah daripada ambil di Amerika. Jadi, kalau di Amerika senang hendak dapat lesen.

Pada tahun 1992 kita mengadakan lima jam kelas teori mengenai highway code dan defensive riding sebelum layak memohon lesen L. Pemegang lesen L dikehendaki melalui latihan praktikal selama 16 jam sebelum dibenarkan menduduki ujian praktikal. Pada tahun 1994 syarat baru di mana calon yang lulus ujian praktikal diberikan lesen P iaitu tempoh probation dua tahun sebelum layak diberi full license iaitu competent drivers. Yang kita tengok P itu dekat kereta yang warna merah, yang itu dia baru dapat lesen, kena tunggu dua tahunlah. Maknanya lesen kita ini ketat juga bukanlah seperti yang dikatakan kadang-kadang kita beri lesen tidak ketat, sebab itu accident banyak dan sebagainya. Saya ingat memang ketat.

Keputusan sama ada - ada orang menyatakan bahawa, Yang Berhormat dari Jelebu juga membangkitkan sama ada kemalangan maut ini iaitu Seksyen 41, merasa waswas tentang bagaimana hendak caj dia, saya mendapat penerangan daripada polis dalam kes teksi ataupun penunggang motosikal yang bersalah, siasatan akan dijalankan terlebih dahulu sebelum mana-mana pihak didapati bersalah. Sekiranya simati yang salah, pemandu teksi tersebut tidak akan dituduh. Jadi ada yang bangkitkan, kalau langgar orang itu, orang itu mati, dengan sertamerta orang ini akan dituduh. Kalau disiasat awal kata dia yang mati itu salah, takkan hendak caj sidrebar yang hidup ini.

Justeru lesen pemandu tidak akan digantung malah tidak akan dituduh. Dia tidak akan dituduh, kalau tidak bersalah, dia tidak akan dituduh. Pemandu yang akan dituduh adalah mereka yang benar-benar melakukan kesalahan di bawah Seksyen 41. Sebagai contoh, kes berlaku di Ipoh di mana tujuh orang pekerja kilang dilanggar oleh sebuah kereta, pemandunya terbiar, bebas memandu keretanya setelah tujuh orang mati disebabkan kelalaian. Kita tidak mahu timbul perkara macam ini, dia bunuh tujuh orang mati, dia salah, masih bawa kereta juga. Pihak polis tidak akan menuduh mana-mana pemandu jika didapati tidak bersalah. Kes seperti ini hanya dirujuk ke mahkamah untuk inquest sahaja. Segala keputusan untuk menuduh mana-mana pemandu di bawah Seksyen 41 akan dirujuk ke pejabat Peguam Negara seperti yang dipohon oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan dan Bagan. Dia kena pergi Peguam Negara, bukan ikut suka saja. Tujuannya ialah untuk keluarkannya daripada memandu di jalan.

Seksyen 41, 44 bertujuan untuk put off the road, macam tujuh orang yang mati itu dia, takkanlah dah langgar tujuh orang, dia boleh bawa kereta lagi. Kita pun berasa macam mana ini, hairan juga. Kuasa untuk menggantung lesen ini seterusnya telah ada peruntukan dalam akta. Jadi, saya rasa banyak orang timbulkan perkara ini, macam mana hendak gantung lesen. Sebenarnya sekarang pun dah gantung lesen. Kalau ada buat kesalahan yang tertentu, pengarah JPJ boleh gantung lesen, bukan Seksyen 41, 44 sahaja. Seksyen-seksyen lain pun ada

boleh gantung lesen, buat tidak betul boleh gantung lesen. Didapati banyak juga orang yang datang merayu kepada saya untuk memansuhkan lesen mereka yang digantung, makna bukan Seksyen 41, 44 sahaja gantung lesen ini. Ada orang yang salah, dia hendak cari makan pun kita gantung lesen.

Ada beberapa orang Yang Berhormat juga bangkitkan kalau orang itu digantung lesennya, bagaimana dengan mata pencarian dia kalau dia bergantung kepada kerja sebagai pemandu, maka bagaimana?

Kita cadangkan kepada dia, kalau dia dituduh kerana memandu kereta maka lesen pandu keretalah kena tarik. Lesen lori diakah, lesen motosikal, kita tidak akan tarik, bukan mesti kita tarik semua sekalilah, dia masih boleh bawa lori, bawa traktor dan lain-lain kalau dia ada lesen. Bukan maknanya - salah satu, naik motosikal, di bawah Seksyen 41, lesen lain ditarik, semua lesen ditarik, tidak ya. Motosikal sahaja.

Berkenaan unit trafik sekolah yang dibangkitkan oleh saudara dari Jelevu setelah saya terangkan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, Teluk Intan bangun, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan, dua perkara. Satu, Yang Berhormat mengatakan bahawa ada undang-undang yang lain yang memberi kuasa untuk menarik lesen. Saya hairan dengan kenyataan ini, bolehkah Yang Berhormat senaraikan apakah undang-undang tersebut tetapi oleh kerana rang undang-undang yang memberi kuasa sekarang, yang dicadangkan oleh kerajaan di mana mengatakan bila seseorang dibawa ke mahkamah masa itu lesen akan dilucutkan. Manakah undang-undang yang sama yang ada diperuntukkan Road Transport Act atau undang-undang yang lain di mana caj sahaja, pada masa caj dan jika ada, mahkamah ada discretion, di sini mana ada discretion.

Yang kedua, justifikasi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa jika seseorang pemandu lori, kalau tidak pandu lori boleh bawa kereta. Adakah ini satu justifikasi yang rasional? Kalau dia adalah pemandu lori,

pemandu lorilah. Kalau sudah tarik lesen iaitu semalam Jelebu mengatakan pendapatan dia sebagai pemandu lori kalau dilucutkan lesen, takkan dia boleh diarah membawa teksi dan sebagainya. Yang itulah yang kita perlu 'address'kan. Macam mana undang-undang ini dapat menyelesaikan perkara itu.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Yang Berhormat, sebelum kita sampai di situ, kita hendak nasihatkan pada orang itu, bawa betul-betullah, don't be reckless, that will prevent the whole thing that will happening. If it happens, okey, this is how we settle the problem, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan perkara yang 5.3.6 Akta – seorang Ketua Pengarah JPJ boleh tarik, menggantung lesen seorang yang dipercayai sebagai penagih dadah. Adapun demerit system yang dikatakan KEJARA, bila dia demerit sampai ke satu tahap banyak sangat demerit dia, dia boleh tarik lesen.

Tuan M. Kulasegaran: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, bukannya Demerit System ini telah dihapuskan? Jikalau ada, berapa lesen yang telah digantung atas asas Demerit System.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tunggulah sekejap Yang Berhormat, belum sampai ke tempat itu, I will come to that, okay. Berkenaan dengan

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Bagan pula bangun.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Ya.

Tuan Lim Hock Seng: Saya ingin meminta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, beliau berkata jikalau seseorang pemandu yang memiliki lesen 'B' iaitu untuk motosikal, 'D' untuk kereta private atau 'E' untuk membawa kenderaan berat, 'H' untuk traktor, seseorang itu memiliki beberapa jenis lesen untuk memandu, jikalau beliau memandu motosikal dan accident parah maka adakah lesen motosikal sahaja yang kena tarik, yang lain masih lagi boleh dipakai? Itu sahaja, saya minta penjelasan.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Itu penjelasanlah. Saya beri satu contoh sahaja, bukan saya kata orang yang ditarik lesen teksi, disuruh memandu lori, kalau ia tidak ada lesen lori, tidak boleh memandu lorilah. Tetapi kalau ia ada tiga, empat lesen, kalau ia salah satu lesen, satu lesen itu sahaja yang ditarik balik. Katakan ia ada lesen motosikal, kereta, traktor dan lori, kemudian ia membuat salah satu daripada itu, ia boleh merayu supaya lesen ia yang membuat salah sahaja ditarik balik, bukan semua lesen yang ada.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya pegang lesen ini. [*sambil menunjukkan lesen*] Semua jenis lesen telah dicatat dalam lesen ini, bermakna saya kena serahkan lesen ini dan diberi satu lesen yang baru dan memotong jenis kenderaan dengan kesalahan yang telah dilakukan, betul?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Ya, ia boleh membuat rayuan, kalau JPJ tidak terima, saya tidak tahulah tetapi boleh membuat rayuan. Boleh terima dengan membuat rayuan tetapi saya hendak mengatakan, itu boleh dibuat.

Yang Berhormat dari Jelevu juga membangkitkan tentang JPJ di Melaka, sedang kita lakukan, ia ada mahkamah trafik, yang ini ada dibangkitkan juga sebab tidak ada mahkamah trafik. Buat masa ini kita tidak ada mahkamah trafik seperti yang ada di DBKL dan MPPJ. Walau bagaimanapun, di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh dan Penang ada Mahkamah Majistret yang mendengar kes-kes trafik secara khusus di mana kes-kes trafik akan hanya didengar seperti 7A di Kuala Lumpur, ada mahkamah-mahkamah tertentu.

Mengenai sistem Yang Berhormat katakan tadi, jumlah kes yang terlibat di bawah Sistem Kejara dari Januari hingga Jun 1999 ialah 84,962 yang terlibat. Sehingga ini 115 lesen memandu telah diserahkan bagi tempoh Januari hingga Mei 1999. Sejumlah 1,029 notis tunjuk sebab telah dikeluarkan untuk tempoh yang sama, memang ada ditarik lesen.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Mengenai rasuah yang selalu dibangkitkan, pada tahun 1998, tujuh orang Penguatkuasa JPJ telah dibuang kerja kerana terlibat dalam penyelewengan.

Sebab itu dikatakan penguatkuasaan mesti diketatkan, mesti dibuat itu dan ini, itulah yang kita telah buat.

Yang Berhormat dari Bandau, banyak menyebutkan tentang PUSPAKOM. Beliau mempunyai konsentrasi tentang PUSPAKOM, saya tidak tahu Puspakom yang mana dimaksudkan, mungkin juga PUSPAKOM di Kota Kinabalu. Tetapi kalau kita melihat PUSPAKOM buat masa ini, ia menjalankan pemeriksaan mengenai brek, asap, mengenai enjin dan oleh sebab banyak kereta maka diminta membuat appointment. Saya sendiri telah melawat beberapa PUSPAKOM dan saya dapati juga oleh sebab banyak kereta yang menunggu maka dinasihatkan supaya membuat appointment.

Ramai Ahli Yang Berhormat membangkitkan seperti Yang Berhormat dari Teluk Intan, mengapa kita tidak membuat pemeriksaan kereta-kereta yang lama, itu cadangan dan banyak dibincangkan. Misalnya sekarang kita hanya memeriksa kenderaan public iaitu kenderaan-kenderaan yang membawa orang, membawa barang dan sebagainya, setiap enam bulan maka ia masuk ke PUSPAKOM, diuji dari segi brek, dari c.c., macam mana enjin dan sebagainya. Kalau didapati okay, maka barulah diberi kelulusan dan barulah dapat disc kereta itu dan barulah boleh dibawa keluar; kalau tidak, ia akan ditahan.

Ada juga yang mencadangkan supaya semua kereta terutama sekali kereta yang ada sekarang, sebelum mendapat road-tax baru setiap tahun, ia dimasukkan ke PUSPAKOM maka diuji dahulu, kalau okay barulah boleh diberi road-tax. Itu satu cadangan yang saya rasa juga akan menimbulkan banyak masalah. Ada juga sekarang ini, kita menggalakkan, bukan sahaja wajib tetapi kita menggalakkan kereta-kereta yang dibeli second-hand pergi ke PUSPAKOM untuk disemak supaya dia tidak ditipu. Kadang-kadang 'chassis'nya, siapa hendak check, kereta yang dicuri kadang-kadang chassisnya dipadam, digantikan dengan nombor chassis yang baru maka kita menggalakkan bayar RM40, pergi ke PUSPAKOM, check supaya kita tidak ditipu kemudian nanti.

Juga kita cadangkan kepada orang-orang yang hendak membeli kereta supaya membayar RM10, pergi ke JPJ mana-mana negeri, keluarkan dia punya sejarah (history) kereta tersebut, supaya kita tahu bila kereta ini diimport, didaftar, warna apa, di mana ia dikeluarkan dan sebagainya. Apabila kita membeli, kita tidak tertipu ataupun kereta ini masih dituntut oleh finance company mana dan sebagainya, bayar RM10 sahaja kepada JPJ dan JPJ boleh memberi all these information ataupun hendak test kereta sama ada kereta itu boleh digunakan, kalau kedai-kedai second-hand yang menjual kereta, saya cadangkan supaya membawa kereta yang second-hand itu, pergi ke PUSPAKOM, dapat sijil, paparkan di skrin kereta, 'Tested OK'. Saya mencadangkan tetapi bukan compulsory. Ada juga dicadangkan supaya kereta 30 tahun, 40 tahun diperiksa dahulu, barulah boleh dijual kembali maka itu akan memakan masa sedikit, kita ada implikasi-implikasi yang tertentu.

Yang Berhormat dari Bandau juga banyak membangkitkan tentang PUSPAKOM, kalau beliau boleh beri spesifik kepada saya, saya boleh mengambil tindakan yang tertentu.

Yang Berhormat dari Tuaran juga membangkitkan tentang 'Drink dan Drive', beliau meminta ban semua alkohol. Kita ini pelaksana, sesiapa yang membuat salah kita laksanakanlah, kalau hendak ban dahulu, itu bukanlah keadaan kita termasuk banyak dalam bidang yang lain. Yang mustahak bagi kita ialah orang yang melaksanakan, kalau tidak betul, kita jalankanlah, sama ada minum arak atau minum apakah, hendak ban seluruh minuman keras, itu bukan tanggungjawab Kementerian Pengangkutan. Itu cadangan yang umum, Yang Berhormat.

Berkenaan dengan Putrajaya, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, Putrajaya bukanlah sebahagian daripada Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuaran bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Satu perkara yang saya bangkitkan kelmarin yang saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak respon ataupun tidak ada tercatat iaitu mengenai masalah di mana kemalangan itu disebabkan kegagalan pihak-pihak berkuasa ataupun kementerian-kementerian yang berkenaan untuk menyelenggarakan jalan raya. Jadi, biasanya pihak polis akan mengambil tindakan terhadap pemandu walaupun sebab accident ataupun bukan sebab accident tetapi disebabkan oleh masalah jalan raya.

Di dalam undang-undang yang ada di sini, tidak ada peruntukan yang boleh diguna pakai untuk menangani kejadian seperti ini. Bukankah wajar pihak kerajaan ataupun kementerian membentuk satu tribunal khusus untuk ini supaya pihak kementerian yang berkenaan boleh dipanggil oleh tribunal untuk memastikan sama ada benar bahawa jalan raya itulah yang menyebabkan kemalangan ataupun mungkin tidak ada signboard yang sebenarnya tidak diselenggarakan. Bukankah ini penting untuk diambil tindakan? Saya meminta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Semalam Yang Berhormat tidak ada, sebab saya ada bangkitkan perkara itu. Mengikut siasatan yang dijalankan oleh Polis Diraja, faktor kecacatan jalan raya ini ialah 3% yang menyebabkan jalan raya bengkok atau berlubang. Kebanyakannya ialah 94% adalah faktor manusia, 2% adalah faktor mekanikal dan 1% disebabkan oleh cuaca. Kalau banjir, seperti yang dikatakan oleh salah seorang Yang Berhormat yang membangkitkan tentang banjir, ada accident. Tetapi kecacatan jalan raya adalah 3%. Okay.

Apabila ada kecacatan jalan raya, takkanlah kita hendak tentulah ada siasatan yang akan dibuat, apa sebab dia accident. Dan Yang Berhormat ini menyatakan dia ini accident sebab jalan itu bengkok-bengkok. Kalau 10,000 orang lain lalu tidak jadi apa-apa, bagaimana dia lalu boleh jatuh? Saya pun hairan jugalah. Diakah atau faktor kemanusiaanakah atau sebab apakah? Itu sebab kita siasat. Macam di Kuala Lumpur, kereta lalu di Jalan Damansara setiap

pagi lebih kurang 80,000 atau 90,000, yang masuk ke Kuala Lumpur seramai 1.2 juta.

Kadang-kadang tidak pasal-pasal dia langgar sebab corner depan Parlimen ini tidak baguskah ,maka, dia langgar. Maka kita kata ini sebab jalan raya, corner itu tidak elok, sebab itu jatuh, tapi kita hendak tahu mengapa 1 juta orang lain lalu tidak ada apa-apa pun. I ingat tidak perlu buat tribunallah tentang hal itu.

Yang Berhormat dari Kepong menyatakan bahawa berkenaan dengan Putrajaya. Putrajaya ini, memang tidak dijadikan sebahagian Kuala Lumpur tetapi dia hendak beri kuasa kerajaan tempatan kepada Perbadanan Putrajaya, sebab dia bukan sebahagian daripada wilayah Kuala Lumpur. Sebab itu dia beri kepada perbadanan itu. Seperti di Pasir Gudang juga, dia ada perbadanan, dia menjalankan kerja-kerja kerajaan tempatan tetapi dia tidak termasuk dalam Akta Kerajaan Tempatan 1978, seperti Kuala Lumpur juga, lebih kurang.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu penjelasan. Mengapa kita tidak jadikan Putrajaya sebagai sebahagian daripada Wilayah Persekutuan walhal itulah yang kita maksudkan.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Yang Berhormat, hendak jadikan itu memang senang tetapi ini terlibat dengan tanah dan sebagainya, tanah kerajaan, tanah Selangor dan sebagainya. Ia banyak melibatkan proses lain. Yang Berhormat, saya pun terfikir juga kadang-kadang tetapi untuk soalan Yang Berhormat, itu sahaja yang saya dapat jawab. Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga ada membangkitkan tentang mengambil darah ini. Ada dua tiga orang juga ada membangkitkan soal ambil darah.

Sebenarnya, kita mengambil darah ini apabila kita tidak boleh ambil sampel nafas, misalnya kalau dia mabuk dan kemudian dia pengsan. Jadi, kita tak boleh hendak ambil nafas. Jadi, kita kena ambil darah dan bukan bermakna yang mengambil darah itu polis atau sesiapa ambil. Dia mesti ada pegawai-pegawai perubatan yang berdaftar mesti ada di situ dan dia mesti mendapat 45-C5, keputusan untuk mengambil sampel darah ini hanya boleh dibuat oleh seorang

doktor. Dia tidak boleh ambil ikut suka. Nanti, Yang Berhormat ingat Kementerian Pengangkutan ini macam dracula, suka mengambil darah orang.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang betul kita mesti sediakan seorang doktor di situ untuk menentukan semua dijalankan dengan lebih teratur. Walau bagaimanapun, maksud saya bukan sahaja secara teknik bahkan secara undang-undang. Mengapa kita tidak adakan satu peruntukan ataupun satu undang-undang untuk menjadikan keengganan memberi sampel ini satu kesalahan seperti mana yang dibuat di negara-negara lain, United Kingdom misalnya.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Ya. Saya ingat Yang Berhormat, itu satu cadangan yang baik yang dibangkit. It is a good proposal. Dia tidak mahu beri dikira bersalah. Saya ambil perhatian mengenai hal itu.

Yang Berhormat dari Tuaran ada membangkitkan fasal 29 iaitu peruntukan di mana di bawah Subordinate Court Act 1948 yang menyebut antara lain bahawa jika dalam akta itu ada peruntukan yang menyebut secara spesifik bahawa magistrate boleh membicarakan apa-apa kes yang hukumannya melebihi bidang kuasanya, maka beliau boleh membicarakan kes itu, denda RM10,000 itu, maka mengikut Subordinate Court Act 1948, dia bolehlah saman lebih daripada RM10,000. Dan perkara ini pun berlaku dalam akta-akta lain termasuklah Akta Kastam 1967, seksyen 118, bermakna perkara ini telah ada sebelum ini. Dan...

Tuan Yunof Edward Marinking : *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuaran. Ya. Tuaran tidak sebut....

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Marinking: Penjelasan. Yang Berhormat Tuan Speaker, dia bekas hakim. Jadi, saya rasa kalau had kuasa majistret itu telah ditentukan oleh enabling power. Undang-undang penalti tidak boleh memberi dia kuasa lebih dari yang enabling power. I think Tuan Yang di-Pertua sebagai bekas hakim, boleh beri penjelasan. *[Disampuk]* Boleh beri bantuan. Dan mungkin juga ini akan membuang masa perbincangan oleh kerana peguam-peguam di mahkamah

akan berlawanan dan ini akan membuang masa dan juga membuang wang. Mengapa mesti membuat undang-undang yang mungkin tidak boleh dilaksanakan?

Ini juga, pada pendapat saya, bertentangan dengan peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan oleh kerana seseorang itu haruslah menghadapi penalti yang sama dengan undang-undang ataupun kuasa. Jadi, adakah kita hendak memberi majistret kuasa lebih daripada apa yang dia seharusnya ada mengikut perlembagaan dan juga undang-undang kehakiman. Jadi, saya rasa ini perlu diperiksa betul-betul. Terima kasih.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Yang Berhormat, yang dibangkitkan ialah sama ada majistret boleh saman lebih daripada RM10,000. Ya? Itu yang Yang Berhormat bangkitkan? Yang Berhormat membangkitkan bahawa adakah majistret ini mempunyai kuasa untuk menyaman lebih daripada RM10,000.

Tuan Yunof Edward Maringking: Mengikut undang-undang ini, judicial act, dia punya maksimum yang dia boleh fine ialah RM10,000.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Ya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tetapi mengikut undang-undang akta pindaan di sini, dia boleh guna maksimum di mana sampai berapa ribu sekalipun.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Ya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Lebih daripada RM10,000?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Itu yang saya baca tadi, mengikut Subordinate Court Act 1948, yang menyebut antara lain bahawa jika dalam akta itu ada peruntukan yang menyebut secara spesifik bahawa majistret boleh membicarakan apa-apa kes yang hukumannya melebihi bidang kuasanya, maka beliau boleh membicarakannya. Peruntukan yang mempunyai kesan yang sama juga akan dinyatakan dalam akta-akta lain. Misalnya Akta Custom 1967, seksyen 118, maknanya ada sebelum inipun dia boleh ada kuasa untuk saman lebih daripada RM10,000 itu atau penjara lebih daripada lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat sudah terang.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tetapi Tuan Yang di-Pertua, peruntukan mengatakan hanya membicara bukan mengenakan [*disampuk*]...bukan memberi kuasa untuk penalize lebih daripada itu.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Kita ada dalam akta ini. Tidak mengapalah, ini undang-undang yang dinyatakan, kalau Yang Berhormat... boleh challengelah kemudian nanti. Tetapi, dari segi undang-undang, dari segi akta ini, itu yang dinyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak perbetul sedikit sahaja tentang banyak orang mengatakan kita ini mempunyai kemalangan yang tertinggi sekali di dunia. Sebenarnya ini tidak benar, Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali Yang Berhormat dari Gelang Patah. Banyak kita tengok dalam surat khabar mengatakan bahawa kita ini mempunyai kemalangan yang tertinggi dalam dunia. Saya hendak perbetulkan bahawa ini tidak benar sebab kalau kita lihat dari segi kematian dalam 10,000, kita hanya 8.4 dalam tahun 1996 dan tiap-tiap 10,000 pada tahun 1998 kita 6.2. Dalam negara-negara ASEAN, kita yang kedua, yang paling rendah sekali ialah Singapura sebanyak 4.2, jadi kita tidak mahu dapat stigma ini dalam mana-mana perbincangan dan sebagainya.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang membincangkan perkara ini.

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri jalan, Yang Berhormat ya.

Dato' Dr. Ibrahim bin Saad: Tidak payahlah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Tuan M. Kulasegaran: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya cadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 54(2) bahawa rang undang-undang ini dihantar ke Select Committee memandangkan ada beberapa kekeliruan terutama

sekali kuasa undang-undang yang sangat luas diberi kepada rang undang-undang yang dicadangkan ini.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul di bawah 54(2) iaitu rang undang-undang ini dirujuk kepada Select Committee.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 7 - Pindaan

Tuan M. Kulasegaran: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Nanti dulu Yang Berhormat, nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri kemukakan pindaan dahulu. Ya.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa subfasal 7(a) ini dipinda seperti berikut:

Masukkan perkataan “boleh” sebelum perkataan “didenda” yang terdapat dalam baris dua; dan

masukkan perkataan “hendaklah” sebelum perkataan “dihukum” yang terdapat dalam baris empat.

Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Di atas pindaan, Yang Berhormat. Di atas pindaan. Kalau di atas lain, nanti dulu ya.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya merujuk kepada

Tuan Pengerusi: Di atas pindaan, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Di atas pindaan saya tid ak ada.

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Nanti dulu ya.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pindaan hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Pengerusi: Fasal 7, ya.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan. Saya telah timbulkan perkara ini semasa saya berbahas semalam terutama saya merujuk kepada Fasal 7(c) yang memberi satu kuasa yang terlampau kepada pihak-pihak yang membawa satu-satu kes ke mahkamah di mana keputusan yang dibuat oleh pegawai penyiasat nampaknya sangat mustahak di mana bukan dibuat oleh seorang peguam atau pendakwa raya tetapi keputusan ini adalah dibuat oleh mana-mana inspektor yang menjalankan penyiasatan. Memandangkan perkara ini sangat serius di mana seseorang yang mempunyai lesen memandu dapat ditarik balik dengan hanya membawa satu kes ke mahkamah walaupun ada kes atau tidak ada kes, memberi banyak kuasa kepada pihak pendakwa untuk melucutkan lesen sehingga kes didengar.

Apakah assurance yang boleh diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa perkara-perkara yang tidak mengandungi justifiable reason, dengan izin, tidak akan berlaku supaya pihak pendakwa yang kita tahu kerap kali kita pergi mahkamah, pihak pendakwa hanya membawa satu kes sesuka hati banyak kali dengan tidak ada penyiasaan yang penuh. Ini dibawa oleh pegawai-pegawai inspektor yang baru, yang tidak ada pengalaman dan sebagainya. Apakah assurance yang boleh diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa perkara macam ini tidak akan berlaku di mana seorang yang memiliki lesen tidak akan dianiayakan

Selain daripada itu saya juga telah timbulkan, jika sesuatu kes dibawa ke mahkamah dan kes itu mengambil, katakan tiga tahun, empat tahun, lima tahun atau sepuluh tahun untuk diselesaikan, adakah wajar bahawa sehingga keputusan kes seseorang yang mempunyai lesen ini dilucutkan, apakah asasnya dan macam manakah seorang pemilik lesen dapat mengambil tindakan yang lain di mana boleh disyorkan bahawa pegawai pendakwa tidak akan menggunakan kuasa untuk kebaikan orang-orang yang kena tuduh. Bolehkah diberi satu kenyataan atau assurance dibuat supaya esok hari bila kes ini dirujuk ke mahkamah perkara macam ini tidak akan terjadi kerana sudah ada banyak kes di mana kes-kes trafik dibawa ke mahkamah dan tidak ada saksi-saksi dan Discharge Not Amounting to Acquittal (DNA) diberi oleh Mahkamah Majistret. Selepas itu kes itu dibawa balik selepas dua tahun, tiga tahun atau lepas empat tahun, ada kes-kes sepuluh tahun pun dibawa, orang yang melanggar pun sudah lupa, saksi-saksi tidak ada, macam mana perkara ini boleh dielakkan. Tolong Yang Berhormat Timbalan Menteri beri satu kenyataan.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Pengerusi, saya ingat Yang Berhormat dari Teluk Intan ini merugikan masa Dewan ini. Semalam sudah dijawab perkara ini, Yang Berhormat. Pagi ini pun sudah dijawab, apa lagi hendak jawab ini? You want me to repeat the same thing? Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, ini adalah satu cara mengelak, kalau tidak tahu cakap tidak tahu.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Okaylah, saya cakap di luar.

Tuan M. Kulasegaran: Jangan, jangan, mana ada kata? Bila?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Semalam saya jawab dan Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan.

Tuan M. Kulasegaran: Bukan, bukan, saya ada. Mungkin saya tidak ada di sini tetapi saya ada di bilik saya dan apakah assurance yang boleh diberi?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Yang Berhormat, saya sudah terangkan perkara ini – tentang penggantungan lesen ini iaitu bila dia kena accident, lesen dia tidak digantung lagi. Bila dia dibawa ke mahkamah, first hearing itu baru dia digantung lesennya, okay. Dia bukan kena hari ini, hari ini digantung. Itu pertama. Lepas itu, lepas pergi mahkamah, lepas ada sebutan yang pertama Yang Berhormat bimbang bahawa Yang Berhormat takut kata pendakwa ini tidak retilah, tidak itulah dan sebagainya, maka dia mungkin caj tidak betul dan sebagainya. Maka, oleh sebab itu orang ini akan digantung, itu satu assumption sahaja. Perkara ini yang serius melibatkan undang-undang, sudah tentulah pihak yang berkenaan sama ada polis dan sebagainya, mereka ada profesionalismenya, mereka akan jalankan tugas mereka yang sebaik mungkin. Kita tidak boleh assume otherwise, Yang Berhormat.

Perkara yang kedua, katalah apabila dia sharing sampai court itu bersidang, lesen dia itu akan ditarik balik dan akan digantung. Kita tahulah dalam sistem court kita bahawa mungkin dia akan bersidang satu minggu, satu bulan. Dalam hal ini, saya tidak boleh memberi jaminan bila dia akan bersidang. Itu terpulanglah kepada yang berkenaan sama ada daripada lawyer dia ataupun polis yang merayu supaya dia bersidang dengan cepat. Kalau dia dapat bersidang dengan cepat, siapa mahu perkara-perkara ini berlarutan.

Adakah Yang Berhormat ingat saya mahu perkara ini berlarutan dua, tiga tahun dan menganiaya orang itu yang tidak ada lesen. Siapa pun tidak mahu.

Janganlah seolah-olah Yang Berhormat sahaja yang memikirkan tentang hal ini, nampaknya kita ini villain tidak suka perkara-perkara ini. Kita pun mahu perkara ini cepat tetapi kadang-kadang ia lambat, bagaimana kita hendak buat, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Fasal 7 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 8 – Pindaan:

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Subfasal 8(a) dipinda seperti berikut;

Memasukkan perkataan “boleh” sebelum perkataan “didenda” yang terdapat dalam baris dua; dan

memasukkan perkataan “hendaklah” sebelum perkataan “dihukum” yang terdapat dalam baris tujuh.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 8 diperintah jadi sebahagian daripada undang-undang.

Fasal 9 – Pindaan:

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan Bahawa Fasal 9 dipinda seperti berikut:

Memasukkan perkataan “boleh” sebelum perkataan “didenda” yang terdapat dalam baris dua; dan

memasukkan perkataan “hendaklah” sebelum perkataan “dihukum” yang terdapat dalam baris empat.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 9 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 10 – Pindaan:

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Pengerusi: saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 10 dipinda seperti berikut;

Subfasal 10(a) menggantikan perkataan “boleh” yang terdapat sebelum perkataan “dihukum” dengan perkataan “hendaklah”.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 10 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 11 – Pindaan:

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Pengerusi: saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 11 dipinda seperti berikut;

Memasukkan perkataan “boleh” apabila disabitkan sebelum perkataan “didenda” yang terdapat dalam baris dua; dan

memasukkan perkataan “hendaklah apabila disabitkan” sebelum perkataan “dihukum” yang terdapat dalam baris enam.”

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 11 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 12 – Pindaan:

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 12 dipinda seperti berikut;

Memasukkan perkataan “boleh” sebelum perkataan “didenda” yang terdapat dalam baris dua; dan

memasukkan perkataan “hendaklah” sebelum perkataan “dihukum” yang terdapat dalam baris enam.”

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 12 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 13 – Pindaan:

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 13 dipinda seperti berikut;

Memasukkan perkataan “boleh” sebelum perkataan “didenda” yang terdapat dalam baris dua; dan

memasukkan perkataan “hendaklah” sebelum perkataan “dihukum” yang terdapat dalam baris enam.”

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 13 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 14 – Pindaan:

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 14 dipinda seperti berikut;

Memasukkan dengan memasukkan perkataan “boleh” sebelum perkataan “didenda” yang terdapat dalam baris dua; dan

memasukkan perkataan “hendaklah” sebelum perkataan “dihukum” yang terdapat dalam baris enam.”

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 14 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Fasal 15 hingga 21 diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Fasal 22 – Pindaan:

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan;

“Subfasal 22(a) Rang Undang-undang dipinda dalam teks Bahasa Kebangsaan, digantikan perkataan “sama ada dilakukan oleh pekerja yang sama atau sebaliknya dan” dengan perkataan “oleh pekerja yang sama”.

The English translation is as follows,

Subclause 22(a) of the Bill are amended by substituting for the words “Whether committed by the same employee or otherwise and” dengan perkataan “by the same employee”.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 22 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Fasal 23 hingga 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 1999

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.13 tgh.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, untuk menyatakan kuasa dan fungsi suruhanjaya itu bagi perlindungan

dan pemajuan hak asasi manusia di Malaysia, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya atau bersampingan dengannya.

Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 yang dibacakan kali yang kedua sekarang adalah bertujuan untuk menubuhkan sebuah suruhanjaya yang mempunyai mandat yang antara lain untuk terus menggalak dan mempertahankan hak asasi manusia bagi rakyat Malaysia .

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order, ya.

Tuan M. Kulasegaran: Point of order 91, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya bacakan, *“91. Dengan tidak menyentuh perjalanan Perkara 52 dalam Perlembagaan seseorang ahli itu hendaklah memberitahu Setiausaha dengan seberapa segeranya jika ia tidak dapat menghadiri sesuatu mesyuarat Majlis”*. Memandangkan rang undang-undang ini sangat mustahak, adakah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua telah menerima apa-apa arahan dari Ahli Parlimen, Menteri satu pun tidak ada hanya dari Yang Berhormat dari Kota Tinggi yang ada ini. Dari Peraturan Mesyuarat 91 diikuti, kalau sedemikian, berapa yang telah memberi sebab-sebab mengapa mereka tidak dapat hadir hari ini?

Tuan Yang di-Pertua: Nanti saya hendak tanya dahululah kepada Setiausaha perkara berkenaan dengan pemberitahuan ini lazimnya tidak diberitahu dan kadang-kadang diberitahu. Jadi saya akan mengambil tahulah tetapi dengan tidak kehadiran mereka itu tidak akan membatalkan Mesyuarat ini. Yang demikian saya mintalah Yang Berhormat sambung.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat dari Teluk Intan belajar sedikit berkenaan Standing Order oleh kerana kalau ada kuorum kita boleh menjalankan Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum membincangkan dengan terperinci peruntukan yang terkandung dalam rang undang-undang ini, saya terlebih dahulu ingin menyentuh beberapa perkara yang dianggap penting untuk perhatian dan

renungan Ahli-ahli Yang Berhormat. *[Disampuk]* Saya fikir biar saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Lepas itu boleh dibincang dan dibahaskan.

Topik hak asasi menjadi satu perkara yang menarik minat pelbagai golongan. Apa yang jelas ialah apa yang dilakukan oleh kerajaan akan sentiasa ada pihak yang tidak puas hati. Macam-macam persoalan akan ditimbulkan. Mengapa tidak dirundingi sebelum Akta ini dibentangkan di Parlimen. Jika dirundingi pula, akan ditanya mengapa syor dan cadangan mereka tidak diambil kira atau tidak dimuatkan dengan sepenuhnya. Sudah tentu kita tidak mungkin dapat memuaskan semua pihak.

Saya ingin menegaskan bahawa rang undang-undang yang dikemukakan ini, saya fikir Tuan Yang di-Pertua, lebih baik, lebih senang. Yang Berhormat, mengikut point of order kalau saya tidak beri jalan, tidak boleh jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana...

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tidak bagi jalan, tunggu dahulu.

Seorang Ahli: Duduk, duduklah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Bila saya

Tuan Lim Kit Siang: Kita bincang sekarang ini juga.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Lepas itu kita bincanglah.

Tuan Lim Kit Siang: Kita mahu dapat penjelasan...

Tuan M. Kulasegaran: Penjelasan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya baru mula, hendak buat apa ada penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan saya hendak teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehlah Yang Berhormat teruskan

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi jalan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya akan berikan penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang:apa ini. Kita bincangkan hak asasilah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Lepas ini.

Tuan Lim Kit Siang: hak asasi. Kalau perbahasan pun tak beri hak asasi, apa guna

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya tengok Yang Berhormat menyalahgunakan hak asasi.

Tuan Lim Kit Siang: beri penjelasan, boleh?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, biar saya terangkan berkenaan hak asasi oleh kerana nampak ada kejahilan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, biarlah Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Hak asasi ada dua hala.....

Tuan Lim Kit Siang:beritahu apa?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat boleh tanya, saya boleh beri jalan ataupun saya tidak boleh beri jalan. Saya mengatakan biar saya teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu beri jalan.....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu saya sudah cakap.

Tuan Lim Kit Siang:hak asasi, okay.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya sudah cakap.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu hak asasi, okay.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya sudah cakap.

Tuan Lim Kit Siang: Buat keputusan, tetapi tidak apalah hak asasi, okaylah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu modal murah.

Tuan Lim Kit Siang:untuk arah pembangunan....

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Really childish lah.

Tuan Lim Kit Siang: tidak apalah kalau begitu.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Okay. fikir hak asasi sahaja dia bising. Itu maksud hak asasi, cetak sekali.

Tuan Lim Kit Siang:takut, apa mahu.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Lepas ini cakap, saya tidak ada takut. Lepas ini cakap.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Okay, biar saya bercakap sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat Tanjong, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehlah, bolehlah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir tukang bising ramailah. [*Ketawa*] Ini bising tidak ada asas itu yang susahnyanya, bercakap tidak habis-habis.

Saya ingin menegaskan Tuan Yang di-Pertua, bahawa Rang Undang-Undang yang dikemukakan ini bukanlah satu PR exercise oleh kerajaan. Adalah tidak adil dan tidak tepat sekiranya niat baik dan kejujuran kerajaan dipertikaikan serta diberikan pandangan serong dan sinis tanpa mendengar ataupun mengambil maklum terlebih dahulu tentang pandangan kerajaan mengenai hak asasi.

Keputusan kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia seharusnya dialu-alukan oleh semua pihak kerana melalui suruhanjaya ini persoalan-persoalan mengenai hak asasi manusia dapat dibincang dengan secara meluas dan terbuka. Berbagai pihak telah memberikan pandangan dan pendapat masing-masing mengenai perkara ini. Amalan kebebasan bersuara adalah suatu hak yang dijamin oleh undang-undang. Namun demikian, kerajaan tidak akan

sekali-kali melepaskan tanggungjawabnya untuk mentadbirkan negara mengikut mandat yang diberikan oleh rakyat selaras dengan amalan demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kita tidak akan terikut-ikut dengan desakan individu dan kumpulan tertentu yang cuba membakukan dunia mengikut acuan mereka. Terdapat juga minat sesetengah pihak yang cuba memberikan arahan kepada kita tentang bagaimana hendak menguruskan negara kita sendiri. Atas nama kepentingan sejagat, terdapat juga pihak luar yang cuba membentuk pemikiran kita. Ada juga antara mereka yang mengatakan untuk menunjukkan bukti amalan demokrasi sebenarnya [*Disampuk*]. Tuan Yang di-Pertua, kalau dia kacau saya hendak bercakap, ayat saya tergantung. Habis saya bercakap, Yang Berhormat boleh bercakap. Yang Berhormat boleh bertanya apa-apa.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan cakap, kita mahu dapat penjelasan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya hendak teruskan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau begitu, izinkan. Jangantidak mahu beri penjelasan. Bukan cakapnanti cakap.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Lepas itu cakaplah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: apa takut. [*Ketawa*]

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Duduk, duduk.

Tuan Lim Kit Siang:hak asasi apa itu?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Duduk, duduk. Tanya, lepas itu nanti saya jawablah.

Tuan Lim Kit Siang:spesifik. Jangan go round the world.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, manusia ini dia keluar seluruh dunia tanpa tahu apa dia hendak tanya. Tetapi Yang Berhormat dari Tanjong biasalah, biasa.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mana tahu.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tadi, sudah cakap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat daripada Tanjong, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Hendak bagi minta penjelasan?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Dia cakap masuk, masuk jalan, jangan masuk jalan salah. Mengikut peraturanlah tetapi bercakap juga, tidak ikut peraturan. Macam mana hendak bagi hak asasi sedangkan tidak pandai gunakannya.

Tuan Lim Kit Siang: Okay, minta penjelasan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ada juga antara mereka[Disampuk].

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dia tidak beri jalan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak mahu bagi, jangan

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Patut dia duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: jangan go round the world.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang pergi keliling dunia..

Tuan Lim Kit Siang: Hak saya untuk bertanya.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Duduk, tolong duduk. Okay, duduk, duduk, duduk! Dia, kehormatan dua hala, duduklah kalau fahamkah.

Ada juga antara mereka yang mengatakan untuk menunjukkan bukti amalan demokrasi sebenarnya berlaku, kerajaan perlu dikutuk dan dikritik dengan hebat. Hak asasi, kebebasan dan demokrasi tidak seharusnya dijadikan alat untuk kita menyempitkan pemikiran seolah-olah hanya suara menentang kerajaan sahaja yang menjadikan kebebasan dan demokrasi hidup dengan subur.

Demokrasi adalah amalan dua hala dengan tatasusila yang diasaskan kepada nilai-nilai kebijaksanaan, keadilan, integriti dan semangat keehsanan yang mendalam.

Justeru itu, amatlah penting hak itu dilihat bersama dengan tanggungjawab yang disandarkan kepada adab, sopan, kewajaran dan kewarasan bagi mencapai keamanan dan kesejahteraan.

Apabila kita memperkatakan tentang hak asasi manusia di negara ini, ia perlu dirujuk bukan sahaja kepada jaminan undang-undang sebagaimana terkandung di Bahagian II Perlembagaan Negara. Undang-undang tidak akan menjamin keamanan, kesejahteraan, kebebasan dan demokrasi jika pembunuhan kejam dilakukan, jika kita masih menyaksikan di serata dunia diskriminasi atas dasar perbezaan kaum, agama, jantina ataupun pegangan politik. Apakah makna kebebasan jika berjuta umat manusia termasuk kanak-kanak kurang makanan, tiada tempat berteduh, perkhidmatan kesihatan yang tidak memuaskan serta tiada kemudahan pendidikan dan pekerjaan. Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi di mana pilihan raya di peringkat negeri dan nasional diadakan semenjak mencapai kemerdekaan. Parti-parti politik wujud dan terlibat dalam sistem demokrasi berparlimen.

Apa yang perlu dibina ialah suasana dunia yang sebenarnya-benarnya menghormati digniti kemanusiaan dan keadilan sosial, sebagai tanggungjawab bersama.

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat golongan tertentu di negara kita yang tidak langsung memikirkan tentang kepentingan negara sendiri. Mereka mudah

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuaran bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Penjelasan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya akan teruskan. Mereka mudah memperkecilkan usaha negara dan memuji negara lain. Pepatah

Inggeris menyatakan “Charity and sensitivity begin at home”, dengan izin, yang bermaksud sikap murah hati dan sensitiviti itu bermula dengan amalan kita di negara ataupun di rumah kita sendiri.

Terdapat juga golongan tertentu yang dengan cepat mahu mengambil negara-negara luar sebagai contoh dan teladan tanpa memahami dan menghayati latar belakang amalan sebenar di negara tersebut. Huru-hara kononnya itulah yang dikatakan demokrasi. Kita seharusnya berusaha untuk keluar dari keadaan buruk

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Apabila Yang Berhormat Menteri membuat tuduhan liar, dia invite

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya jemput lepas ini, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong boleh bercakap.

Tuan M. Kulasegaran: Beri penjelasan, beri jalanlah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya tidak beri jalan lagi. Lepas itu boleh!

Tuan M. Kulasegaran: Jangan takut.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa takut, berani buat tuduhan yang liar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong, dia tidak beri jalan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kena mengena, bukan takut!

Tuan Michael Lisa Kaya: Please respect the Dewanlah, respect the Dewan!

Tuan M. Kulasegaran: Ini macam tape recorder sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Takut beri penjelasan.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Lepas itu bercakaplah.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan!

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sekarang saya bentangkan, kemudian – okay!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong, cukuplah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tetapi ini taktik yang digunakan oleh pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuduhan yang liar.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tidak ada liar, fasal sebab betullah, Yang Berhormat bercakap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Tak berani!

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, bila Yang Berhormat bercakap, saya akan dengar apa Yang Berhormat bercakap dan saya tahu banyak perkara Ahli Yang Berhormat bercakap nanti merayau dan melulu.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kita seharusnya berusaha untuk keluar dari keadaan

Tuan Lim Kit Siang: Hendak beri jalan atau tidak beri jalan?

Tuan M. Kulasegaran: Challenge!

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya hendak bercakap Yang Berhormat, duduklah dahulu. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak bercakap, Yang Berhormat bercakaplah, saya tengok nanti macam mana.

Tuan Lim Kit Siang: Dengar, dengar!

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tengok – tak payah dengar! Mereka bercakap dengar susah.

Kita seharusnya berusaha untuk keluar dari keadaan buruk kepada keadaan yang lebih baik. Malang sekali bagi negara jika ada orang mengambil contoh secara membuta tuli dari negara lain tanpa menyelidik mengapa perubahan perlu dilakukan di negara-negara tersebut. Di Malaysia pilihan raya diadakan secara bebas. Parti-parti politik diberikan hak untuk mengambil bahagian dalam pilihan raya. Tidak ada amalan di negara kita di mana kerajaan ditukar melalui “*coup*”

d'état”, mengamalkan pemerintahan ala tentera, ataupun pemerintahan secara diktatorial. Kita juga tidak membenarkan penggunaan buruh kanak-kanak dan penjualan seks di kalangan mereka yang di bawah umur.

Di negara kita juga wujud pelbagai persatuan dan organisasi bagi memperjuangkan hak dan kepentingan kumpulan masing-masing. Kita sentiasa mengambil kira tentang kepentingan rakyat teramai sebelum membuat keputusan yang muktamad di dalam pelbagai perkara yang melibatkan kepentingan yang pelbagai. Walau bagaimanapun, kerajaanlah yang akhirnya terpaksa memikul tanggungjawab mengurus negara bagi membawa manfaat dan pembangunan kepada semua lapisan rakyat. Saya berharap agar perkara ini dapat kita hayati di semua peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia, kita mengamalkan sistem pemisahan kuasa mengikut tiga cabang. Badan kehakiman terbentuk dan tersusun dengan sistemnya yang telus untuk memberikan peluang kepada pihak yang terlibat dalam pertikaian untuk merujuk kepada mahkamah mengikut kehendak dan tuntutan undang-undang.

Alhamdulillah, kerana wujudnya perpaduan dan kestabilan politik kerajaan dapat menumpukan usahanya ke arah pembangunan negara dan berjaya mengeluarkan rakyat dari belenggu kemiskinan serta membuka peluang pendidikan yang seluasnya kepada semua rakyat. Kita telah berjaya melahirkan keadilan sosial untuk membolehkan semua golongan rakyat tidak berasa tersisih dari arus perdana pembangunan ekonomi negara. Sekolah, prasarana serta kemudahan awam untuk penduduk desa dan bandar diadakan. Negara kita aman dan damai kerana wujud kebebasan dan kesaksamaan terhadap digniti dan hak rakyat. Rakyat bebas dari diskriminasi atas asas kaum, agama dan kepercayaan.

Kita juga menikmati hak untuk menjamin kehidupan yang bebas dan selamat tanpa mengira taraf dan kedudukan seseorang. Kita juga menikmati kebebasan dan tidak dijadikan alat untuk diperhambakan. Begitu juga setiap rakyat tidak boleh dizalimi dan diseksa. Setiap individu diiktiraf sama rata di sisi

undang-undang. Hak untuk diberikan perlindungan dan keadilan adalah mengikut sistem perundangan dan mahkamah yang bebas.

Akta Suruhanjaya Hak Asasi seharusnya dilihat secara positif ke arah memelihara kepentingan dan merealisasikan aspirasi rakyat. Akta ini bertujuan untuk membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat bagi mengemukakan apa juga rasa tidak puas hati bagi disemak dan dikaji oleh Suruhanjaya.

Jangan kita cepat membuat tuduhan hanya kerana adanya beberapa undang-undang pengawalan tertentu maka kita menafikan wujud amalan hak asasi sebenar seperti yang kita amalkan di negara ini. Sesungguhnya kita harus akur bahawa tidak ada kebebasan yang boleh diwujudkan secara mutlak. Kita perlu menghormati peraturan dan undang-undang, apabila mengamalkan kebebasan untuk diri dan kumpulan. Kita harus menghapuskan sikap prejudis dan berat sebelah apabila berhadapan dengan sesuatu yang mampu mendatangkan kebaikan kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 yang dibentangkan pada hari ini bertujuan untuk menubuhkan sebuah suruhanjaya yang mempunyai mandat antara lain untuk terus menggalak dan mempertahankan hak asasi manusia bagi rakyat Malaysia.

Hak asasi manusia adalah perkara berkenaan dengan hubungan sesama individu dan juga hubungan antara individu dan negara. Dalam hal ini, terdapat pelbagai pendekatan yang boleh dilaksanakan oleh sesuatu kerajaan untuk menjamin keharmonian hubungan tersebut. Kebanyakan hak asasi manusia dilindungi melalui pengubalan dan kewujudan undang-undang tertentu.

Kini, kerajaan menyediakan ruang dan saluran pilihan kepada rakyat Malaysia untuk mengutarakan masalah salah laku, pelanggaran dan pencabulan hak asasi manusia mereka melalui penubuhan sebuah Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ada menyebut dengan jelas mengenai kepentingan menggalak dan

mempertahankan hak asasi manusia terutamanya keazaman masyarakat antarabangsa untuk, dengan izin, *“to reaffirm faith in fundamental human rights, in the dignity and worth of the human person, in the equal rights of men and women and of nations large and small ...”*

Selain itu, enam artikel lain dalam Piagam PBB, iaitu artikel-artikel 1, 55, 56, 62, 73 dan 76 turut menyentuh isu hak asasi manusia. Artikel-artikel tersebut antara lain menekankan pentingnya hak asasi dan kebebasan asas atau, dengan izin, fundamental freedom semua manusia digalakkan dan dihormati tanpa mengira agama, bangsa, jantina dan bahasa.

Pada tahun 1948, Pengisytiharan Sejagat Mengenai Hak Asasi Manusia atau, dengan izin, Universal Declaration on Human Rights, telah diterima pakai oleh Sessi Ketiga Perhimpunan Agung PBB dengan 48 buah negara menyokong dan lapan buah negara berkecuali. Tiada negara yang mengundi menolak.

Pengisytiharan ini telah menyenaraikan prinsip-prinsip atau amalan-amalan am mengenai hak asasi manusia untuk dipertimbangkan oleh semua negara bagi diamalkan di negara masing-masing. Memandangkan pengisytiharan berkenaan merupakan satu pernyataan semata-mata, tiada ikatan undang-undang yang dikenakan ke atas negara yang tidak menerima pakai prinsip-prinsip dan amalan-amalan am yang digariskan. Selepas merdeka, Malaysia telah meneliti dan mempertimbangkan prinsip-prinsip dan amalan-amalan am pengisytiharan tersebut. Prinsip-prinsip dan amalan-amalan am yang boleh diterima pakai telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dengan sewajarnya seperti yang terkandung dalam Fasal-fasal 5 hingga 13.

Susulan kepada penerimapakaian Pengisytiharan Sejagat Mengenai Hak Asasi Manusia, PBB telah menggubal dan menerima pakai 25 suratcara berkaitan isu hak asasi manusia secara khusus mengenai wanita, kanak-kanak, pekerja, penghapusan penyeksaan atau penderaan, penghapusan, perhambaan dan lain-lain. Setakat ini, Malaysia telah menandatangani enam daripada suratcara-suratcara

tersebut dan lima daripadanya telah pun diratifikasikan. Kini, kerajaan sedang mengkaji dan meneliti 19 lagi suratcara yang lain.

Selain menjadi negara-negara ahli atau dengan izin, “State Parties” kepada suratcara-suratcara antarabangsa tersebut kebanyakan negara mengambil langkah menubuhkan institusi-institusi hak asasi manusia dalam rangka usaha untuk melindungi, mempertahankan dan menggalakkan hak asasi manusia di negara masing-masing. Institusi-institusi ini berbeza dari segi nama, mandat, struktur organisasi, penekanan isu, fungsi dan lain-lain lagi. Sesetengahnya hanya berbentuk badan perunding atau dengan izin, “consultative body” sementara yang lain mempunyai bidang kuasa melebihi perundangan.

Setiap negara adalah bebas untuk memilih menubuhkan institusi kebangsaan hak asasi manusia mengikut kehendak dan keperluan masing-masing. Walau bagaimanapun, ciri-ciri institusi yang ditubuhkan harus selaras dengan prinsip-prinsip yang termaktub dalam ‘Prinsip-prinsip mengenai Status Institusi Kebangsaan’ atau dengan izin, “Principles relating to the Status of National Institution” atau lebih dikenali sebagai Prinsip-prinsip Paris ataupun dengan izin, “Paris Principles”. Prinsip-prinsip Paris seterusnya telah diterima pakai oleh Sesi Ke-48 Perhimpunan Agung PBB pada tahun 1993. Penubuhan sesebuah institusi kebangsaan mengenai hak asasi manusia dianggap unik kerana ia tidak mengambil alih peranan agensi-agensi kerajaan, badan kehakiman dan perundangan, badan agama, parti-parti politik ataupun pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan atau dengan izin, “Non Governmental Organisations (NGOs)”. Bahkan, institusi sebegini saling melengkap (complement) peranan dan tanggungjawab antara satu sama lain berhubung isu hak asasi manusia dalam sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebutkan, cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia telah lama dirancangan oleh kerajaan. Semasa penggubalan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia ini Prinsip-prinsip Paris telah digunakan sebagai garis panduan. Status kebebasan Suruhanjaya ini telah diberi keutamaan dan ia dianggap sebagai ciri

utama oleh kerajaan untuk menjamin Suruhanjaya yang bakal ditubuhkan mempunyai ketrampilan tersendiri dan boleh diterima oleh orang ramai.

Pendirian Malaysia dalam isu-isu hak asasi manusia sememangnya mendapat pengiktirafan dari masyarakat antarabangsa. Malaysia telah menjadi ahli suruhanjaya bagi pihak hak asasi manusia “the commission on human right” Bangsa-Bangsa Bersatu dari 1993 hingga tahun 1998. Pada tahun 1995 Malaysia telah dipilih menjadi Pengerusi suruhanjaya berkenaan. Dalam menghadapi, Tuan Yang di-Pertua, isu hak asasi manusia pendirian Malaysia senantiasa berpandukan kepada prinsip-prinsip berikut:-

- (a) commitment yang sepenuhnya terhadap prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa mengenai hak asasi manusia dan lain-lain instrument hak asasi manusia untuk mengguna pakai prinsip-prinsip dan instrument-instrument ini ia perlu mengambil kira nilai-nilai tempatan;
- (b) mempercayai bahawa semua hak asasi manusia adalah sejagat, tidak boleh dipisahkan dan berkait rapat antara satu sama lain;
- (c) berpegang kepada prinsip-prinsip objektiviti, adil dan saksama serta tanpa memilih;
- (d) menolak sebarang usaha untuk mempolitikkan hak asasi manusia;
- (e) menolak penggunaan hak asasi manusia sebagai syarat kepada bantuan kewangan dan pembangunan atau sebagai cara melindungi perdagangan;
- (f) memberi pemerhatian sepenuhnya dan menghormati kedaulatan negara dan integriti wilayah serta tidak campur tangan dalam hal-hal dalam negeri sesebuah negara;
- (g) menyokong hak untuk pembangunan sebagai satu hak sejagat dan merupakan sebahagian dari asas kepada hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan bahawa akta suruhanjaya ini memenuhi Prinsip-prinsip Paris. Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat juga telah diberi perhatian selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.

Saya memohon memperkenalkan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 yang dikemukakan ini, mengandungi 23 Fasal.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian I bertajuk “Permulaan” di mana ia telah menggariskan tajuk dan tarikh berkuat kuasanya Akta serta takrif-takrif ungkapan, istilah dan perkataan yang digunakan dalam akta iaitu:-

Fasal 1, mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai penetapan tarikh mula berkuat kuasanya akta yang dicadangkan.

Fasal 2, takrif beberapa ungkapan, istilah dan perkataan yang digunakan dalam rang undang-undang ini.

Di Bahagian II bertajuk “Penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia” pula ia menggariskan kaedah penubuhan, fungsi dan bidang kuasa, jumlah anggota dan tempoh perkhidmatan anggota, fungsi Pengerusi dan Naib Pengerusi, mesyuarat, imbuhan, pemecatan dan perletakan jawatan anggota iaitu:-

Fasal 3, mengadakan peruntukan bagi penubuhan.

Fasal 4, memperkatakan fungsi dan kuasanya;

Fasal 5, mengenai keanggotaan suruhanjaya dan tempoh jawatan anggota;

Fasal 6, mengenai Pengerusi dan Naib Pengerusi;

Fasal 7, mesyuarat Suruhanjaya;

Fasal 8, Pengerusi dan elaun anggota Suruhanjaya;

Fasal 9, jawatan seseorang anggota Suruhanjaya menjadi kosong;

Fasal 10:....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tanya dalam menggubal undang-undang ini khasnya mengenai tempoh, kenapa pilihan dibuat bahawa tempoh commissioner untuk dua tahun, walhal ada tempat-tempat di negara-negara yang

lain supaya mengadakan security of denial supaya ada kebebasan untuk suruhanjaya menjalankan kuasa tugas mereka adalah tempoh lima tahun, tujuh tahun, sungguhpun renewable boleh membaharukan kenapa dua tahun dan adakah negara-negara yang lain yang ada tempoh sedemikian pendek?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Tanjong, berkenaan tempoh ini kita boleh pilih dua tahun, lima tahun atau kita tidak mempunyai masa untuk diberhentikan atau masa untuk berakhirnya jawatan tetapi kita memilih pendekatan untuk peringkat pertama bahawa ahli-ahli suruhanjaya ini dua tahun selepas itu renewable adalah yang terbaik. Sama ada negara-negara lain mempunyai pendekatan yang sama ataupun tidak, itu saya boleh semak berkenaan keanggotaan oleh kerana pendekatan tiap-tiap negara berlainan, ada yang tidak ditubuhkan melalui akta, ada yang ditubuhkan melalui akta dan ada yang ditubuhkan semata-mata sebagai badan bukan kerajaan. Ini pendekatan yang dibuat oleh negara masing-masing. Jadi itu pendekatan yang kita ambil bagi peringkat ini dan kemudiannya perkara ini mungkin dilihat, itu tidak boleh saya memberikan apa-apa jaminan buat masa ini, dua tahun adalah tempoh yang telah ditetapkan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Dalam keterangan tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa mengikut keadaan negara masing-masing, saya bertanya dalam usaha untuk menggubal rang undang-undang ini adakah pernah kerajaan menimbang meminda perlembagaan untuk menubuhkan suruhanjaya ini supaya adalah satu asas yang lebih kuat, yang lebih kukuh yang menunjukkan betapa berat keprihatinan kerajaan mengenai menubuhkan jawatan ini sebagai constitutional amendment setaraf dengan jawatan-jawatan tinggi yang lain seperti kehakiman, Suruhanjaya Pilihanraya dan lain-lain.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kita telah menimbang pendekatan-pendekatan yang disebutkan dan akhirnya kita membuat keputusan bahawa di dalam perlembagaan kita terkandung

berkenaan soal-soal dengan izin fundamental liberties. Oleh itu ianya perlu dilaksanakan oleh satu Suruhanjaya tanpa meminda perlembagaan itu sendiri dengan mengadakan Suruhanjaya dan Suruhanjaya ini tidak mengambil alih badan-badan bukan kerajaan untuk memberikan teguran atau membuat laporan kepada Suruhanjaya oleh kerana ia satu suruhanjaya di mana ahlinya dipilih oleh Yang di-Pertuan Agong. Oleh itu ia memberikan kebebasan kepada ahli-ahli dan kita berharap apabila kita memilih ahli-ahlinya kelak ia akan terdiri daripada mereka yang mempunyai reputasi kredibiliti yang dapat diterima oleh rakyat teramai. Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada fasal yang telah saya sebutkan tadi:

Fasal 9, berkenaan anggota Suruhanjaya bila ia menjadi kosong, apa yang perlu dilakukan.

Fasal 10, berkenaan pemecatan jawatan seorang Suruhanjaya yang hanya boleh dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong.

Fasal 11, memperkatakan berkenaan perletakan jawatan oleh seseorang anggota Suruhanjaya.

Sedangkan Bahagian III pula bertujuk “Kuasa Siasatan Suruhanjaya”. Disini digariskan cara dan keadaan di mana anggota Suruhanjaya dapat memulakan proses siasatan bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai sesuatu aduan pencabulan hak asasi manusia iaitu:

Fasal 12, memberikan kuasa kepada Suruhanjaya untuk menyiasat penyataan pelanggaran dan pencabulan hak asasi manusia.

Fasal 13, memperkatakan tatacara yang perlu diikuti jika pelanggaran dan pencabulan hak asasi manusia telah didedahkan.

Fasal 14, memperuntukkan Suruhanjaya dengan kuasa, antara lain, mendapatkan dan menerima keterangan daripada dan untuk memeriksa saksi serta membenarkan atau sebaliknya orang ramai mengikuti siasatan di bawah Fasal 12.

Fasal 15, memperkatakan mengenai pemberian keterangan di hadapan Suruhanjaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Tuaran bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat telah menjelaskan tentang kuasa Suruhanjaya ini nanti tentang aduan orang awam, akan tetapi tidak ada peruntukan di dalam undang-undang ini. Apakah kuasa Suruhanjaya tentang mengambil tindakan tanpa merujuk kepada Jabatan Perdana Menteri ataupun kementerian-kementerian yang berkenaan. Ini bererti pada pandangan saya Yang Berhormat with the respect this Suruhanjaya ini seolah-olah macam harimau yang tidak ada gigi. Jadi, saya minta penjelasan, kenapa ini dirangka sedemikian. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya akan ambil kira dan jawab soalan ini bila saya gulung nanti segala perkara. Tetapi kalau kita hendak ada harimau kita hendak tentukan harimau tidak membuas. Oleh itu dia mempunyai kuasa, mempunyai cara, dia tidak perlu rujuk kepada agensi dan jabatan kerajaan tetapi kalau maklumat diperlukan daripada agensi dan jabatan kerajaan semestinya dia mendapatkan maklumat daripada agensi dan jabatan kerajaan. Kalau dia perlu maklumat daripada orang ramai dia akan mendapatkan maklumat kepada orang ramai, dia sudah tidak tertakluk kepada maklumat yang diberikan oleh jabatan kerajaan sahaja sebab itu saya bacakan, dia boleh mengambil dan membuka siasatan ini kepada orang ramai dan mengambil apa-apa juga saksi yang difikirkan perlu. Sesuatu Suruhanjaya yang tidak bebas. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, biarkan saya habiskan akta ini, selepas itu di dalam mereka berbahas biarlah mereka sebutkan perkara-perkara yang mereka hendak sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV, berkenaan kakitangan Suruhanjaya. Dia menggariskan kaedah setiausaha, pegawai dan pekhidmat Suruhanjaya dilantik, kaedah perwakilan kuasa serta perlindungan kepada anggota, pegawai dan pekhidmat Suruhanjaya iaitu:

Fasal 16, memberikan Suruhanjaya kuasa untuk melantik pegawai-pegawai yang berkenaan,

Fasal 17, mengadakan peruntukan bagi perwakilan kuasa Suruhanjaya.

Fasal 18, untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan anggota, pegawai dan pekhidmat Suruhanjaya,

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V adalah peruntukan Am dan Fasal-fasalnya adalah seperti berikut:-

Fasal 19, ialah berkenaan dana Suruhanjaya.

Fasal 20, memperuntukkan bahawa Akta Badan Berkanun hendaklah terpakai bagi Suruhanjaya ini.

. Ini perkara yang

Fasal 21, Suruhanjaya - Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara ini boleh berbincang dan berbahas. Suruhanjaya dikehendaki mengemukakan suatu laporan tahunan kepada Parlimen. Jadi, soal dia tidak mempunyai gigi atau kuasa tidak berbangkit terpulanglah kepada Ahli-ahli Parlimen untuk membincangkannya.

Fasal 22, bertujuan untuk memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan jika difikirkan perlu; dan

Fasal 23, bertujuan memperuntukkan Suruhanjaya kuasa berhubung kawalan tata tertib ke atas pegawai dan perkhidmatannya.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tegaskan di sini bahawa mandat Suruhanjaya ini seperti disebut dalam Fasal 4(1) ialah seperti berikut:-

- (i) memupuk kesedaran dan memberi pendidikan berhubung isu-isu hak asasi manusia,
- (ii) menasihati dan membantu kerajaan dalam merumuskan perundangan, arahan dan tatacara pentadbiran serta mengesyorkan langkah-langkah perlu yang hendak diambil;
- (iii) mengesyorkan kepada kerajaan berhubung menandatangani, meratifikasi atau menyertai suratcara-suratcara antarabangsa mengenai hak asasi manusia; dan

- (iv) menyasat aduan berkenaan pelanggaran dan pencabulan hak asasi manusia.

Anggota-anggota Suruhanjaya ini akan diberi kuasa untuk melawat tempat tahanan dan mengeluarkan kenyataan awam berkaitan hak asasi manusia apabila perlu. Selain itu, Suruhanjaya perlu mengemukakan laporan tahunan kepada Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia merupakan satu langkah penting dalam menyediakan ruang dan saluran kepada orang ramai untuk mengemukakan aduan-aduan salahlaku atau pencabulan hak asasi manusia yang berlaku. Adalah diharapkan Suruhanjaya ini kelak boleh berperanan sebagai sebuah institusi yang berkesan dalam menangani isu-isu pelanggaran dan pencabulan hak asasi manusia.

Suruhanjaya ini, melalui peranannya dalam memupuk kesedaran dan memberi pendidikan berkaitan hak asasi manusia kepada orang ramai, akan dapat mempertingkatkan tahap keperhatian dan kefahaman orang ramai mengenai isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya sebutkan, matlamat akhir penubuhan Suruhanjaya ini adalah untuk terus menggalak dan mempertahankan hak asasi manusia rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia untuk menyatakan kuasa dan fungsi Suruhanjaya itu bagi perlindungan dan pemajuan hak asasi manusia di Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Tanjong.

12.44 tgh.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sangat kesal bahawa Yang Berhormat Menteri memulakan ucapan beliau. Apabila mengenalkan rang undang-undang, Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dengan satu permulaan yang begitu offensive, yang menyerang pertubuhan-pertubuhan dan rakyat Malaysia yang ada perbezaan pendapat dengan beliau atau dengan kerajaan, Barisan Nasional mengenai hak asasi dan apabila rakyat atau perbezaan pendapat dengan Kerajaan Barisan Nasional bukan bererti bahawa mereka tidak taat setia bahawa mereka boneka atau kunci-kunci kuasa asing yang mahu menjahanamkan negara.

Itulah satu sikap sangat dikesali dan dengan sikap itu nampaknya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang dicadangkan hari ini adalah niat yang lain daripada apa tatacara dalam rang undang-undang ini.

Saya sangat kesal bahawa apabila Yang Berhormat menteri kata ada pihak-pihak yang selalu menyalahkan pihak kerajaan, tanya kenapa tidak ada perundingan. Kalau ada perundingan, kenapa syor-syor mereka yang akan dikemukakan kita terimasebagai alasan bahawa tidak perlu perundingan. Inilah satu sikap yang tidak menerima pelbagai pendapat di negara kita dan sebab itu saya rasa ini bukan satu tanda baik untuk memulakan satu bab yang baharu.

Sebenarnya apabila, hari ini satu Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dikemukakan, dia patut menjadi satu perkara yang istimewa dan semua rakyat sangat gembira. Membayangkan bahawa negara Malaysia masuk satu bab yang baru di mana Kerajaan Barisan Nasional akan main stream hak asasi sebagai satu agenda utama kerajaan tetapi adakah ini benar. Adakah kita masuk dalam satu zaman yang baharu di mana hak asasi akan diberi tempat yang tinggi dan bukan dilihat sebagai perkara-perkara yang kotor yang patut dipinggirkan.

Yang Berhormat Menteri berkata, bahawa di negara kita dan di mana-mana tempat pun tidak ada kebebasan mutlak. Betul! Tidak sesiapa yang menuntut kebebasan mutlak absolute freedom – mana, sesiapa, mana parti yang menuntut

kebebasan mutlak. Apa yang rakyat tuntut ialah hak asasi dan selaras dengan pengisytiharan-pengisytiharan universal dan ini satu isu yang sangat penting dan di mana kita parti DAP ada menyuarakan sama ada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang akan dicadangkan hari ini akan menjadi alibi institution. Satu institusi yang memberi alibi untuk dengan izin, legitimize pencabulan hak-hak asasi di Malaysia dan bukan sebaliknya untuk memberi perlindungan dan kemajuan hak-hak asasi di Malaysia.

Dan ini bukan sahaja pandangan DAP atau parti pembangkang yang lain, ini pun soalan-soalan yang ditanya oleh masyarakat madani. Soalan-soalan yang ditanya oleh rakyat Malaysia dan sebab itu kita di Dewan yang mulia ini dalam perbahasan adalah wakil-wakil daripada masyarakat madani, ada wakil-wakil dari NGO-NGO yang menunjukkan betapa prihatin mereka mengenai isu ini. Kita semua mahu satu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia kalau ia adalah satu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang sebenar-benarnya boleh menjalankan tugas untuk melindungi dan memajukan hak-hak asasi.

Dalam Dewan ini kita ada Presiden HAKAM – Ramdas Tikamdas, kita ada Presiden ERA – Marimuthu, kita ada wakil-wakil dari SUARAM, kita ada wakil-wakil dari JIM., ABIM, URUS, WAO – Selangore Graduate Society , Sisters in Islam, IDRAAW, UN Women Rights – lebih kurang 16 orang. Mereka semua prihatin oleh kerana Yang Berhormat Menteri tidak rela, tidak sanggup untuk mengadakan satu consultation dengan mereka. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri ada kata rang undang-undang ini digubalkan atas Paris Principles tetapi satu inti semangat Paris Principles ialah untuk melibatkan segala lapisan masyarakat, untuk melibatkan masyarakat madani dalam proses mengambil keputusan mengenai hak-hak asasi dan ini termasuk menggubalkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia – mana?

Dengan langkah yang pertama Yang Berhormat Menteri sudah melanggari, sudah mengetepikan Paris Principles yang tidak mahu melibatkan masyarakat madani, tidak mahu melibatkan NGO-NGO dalam proses penggubalan rang

undang-undang ini. Kalau inilah permulaan untuk Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, bagaimana rakyat boleh yakin bahawa ia tidak akan menjadi satu alibi institution untuk memberi legitimacy kepada pencabulan hak-hak asasi yang begitu ketara, yang begitu bermaharajalela dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab mengapa ada banyak soalan mengenai tujuan tulen di belakang usaha untuk kemukakan rang undang-undang ini oleh kerana negara kita sekarang dalam masa di mana khasnya dalam 18 bulan kebelakangan ini, kita lihat hak-hak asasi rakyat jelata dicabuli dan dengan satu magnitude , dengan satu skala yang tidak pernah kita lihat dalam dekad 90-an. Mungkin kalau kita mahu ingat balik masa di mana ada hak asasi dicabuli dengan besar-besaran ialah pada tahun 1987, 1988 dan 1999 tetapi dalam 18 bulan kebelakangan ini kita ulangi zaman gelap untuk hak asasi manusia Malaysia dan dalam zaman gelap hak asasi Malaysia adalah cadangan untuk satu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dicadangkan, mengapa?

Bolehkah Yang Berhormat Menteri kata tadi bahawa kita dalam Malaysia ada mengamalkan bebas bersuara, bahawa ada pilihan raya yang adil, bahawa semua doctrine of the separation of powers, adakah Yang Berhormat Menteri sendiri percaya semua dakwaan ini. Kita baca satu buku *Executive Power*. Dulu Timbalan Presiden Semangat 46 sekarang tokoh pemimpin UMNO, apa yang terkandung dalam buku itu *Executive Power* ialah bahawa bukan sahaja tidak ada hak-hak asasi dan semua hak asasi yang terkandung dalam Part II dicabuli tetapi tidak pun ada keluhuran undang-undang, tidak ada the rule of law, tidak ada doctrine of separation of powers, semua kuasa dipusatkan, dikuasai bukan sahaja ditangan eksekutif tetapi seorang Perdana Menteri. Mana ada doctrine of separation of powers, mana ada rule of law.

Sistem kehakiman akhirnya, khasnya dalam 18 bulan kebelakangan ini sudah menjadi satu sistem di mana mengenai dispensation of justice completely irrelevant, irrelevant mengenai keadilan, sistem kehakiman semua irrelevant mengenai memberi keadilan di negara kita dan bagaimana kita boleh kata, di

samping itu, itu latar belakang hak asasi di Malaysia. Bukan sahaja sekarang dalam cadangan rang undang-undang ini, beberapa badan ada kemukakan pandangan-pandangan dan memorandum-memorandum. Sebenarnya dalam satu conference mengenai Suruhanjaya Hak Asasi Nasional yang diadakan di Equatorial Hotel di Kuala Lumpur pada 3 dan 4 Julai yang dianjurkan oleh HAKAM, ERA Consumer dan SARAM selepas forum itu khasnya untuk bincang mengenai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, Presiden HAKAM – Ramdas Tikamdas bagi pihak NGO-NGO ada memberi kenyataan bahawa sungguhpun semua NGO di negara Malaysia mengalu-alukan pada prinsipnya cadangan kerajaan untuk mengadakan, untuk menubuhkan satu suruhanjaya hak asasi tetapi mereka merasa kesal kerana kurang ketulusan dalam proses menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat diminta sambung petang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Oh ya, ya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Mesyuarat]

2.31 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Semasa mesyuarat ditangguhkan saya sedang membincangkan mengenai rang undang-undang yang dikemukakan untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang sepatutnya dialu-alukan oleh semua pihak tetapi bukan sahaja ada kurang antigression tetapi ada begitu banyak skepticism dan negative vibes di semua kalangan masyarakat madani. Dan saya ada sebut bahawa selepas satu forum Suruhanjaya Kebangsaan Hak Asasi Manusia ke arah mewujudkan mekanisme ASEAN yang dianjurkan bersama oleh

HAKAM, SUARAM dan ERA Consumer, Presiden HAKAM, Ramdas Tikamdas ada buat satu kenyataan di mana mengandungi satu resolusi forum ini yang berbunyi: “Bahawa kami pertubuhan badan-badan bukan kerajaan di Malaysia yang menghadiri forum Suruhanjaya Hak Asasi Manusia secara prinsip mengalu-alukan langkah Kerajaan Malaysia untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Kebangsaan Hak Asasi Manusia akan tetapi –

- (1) berasa kesal kerana tiada ketelusan daripada pihak kerajaan dalam proses pembentukan suruhanjaya tersebut;
- (2) berasa kesal kerana pihak kerajaan tidak mengumumkan kepada rakyat draf rang undang-undang suruhanjaya ini walaupun ia akan dibentangkan dalam masa dua minggu lagi di Parlimen;
- (3) ingin mengesahkan bahawa jawapan bertulis daripada pihak kerajaan terhadap memorandum yang dihantar oleh 36 NGO dan parti politik, gagal menjawab isu yang dikemukakan oleh kami, seperti kurang mengadakan dialog dengan orang umum, kebebasan dan kuasa mandat bagi suruhanjaya tersebut;
- (4) kami ingin menegaskan kembali pendirian kami bahawa pihak kerajaan dengan segera harus:-
 - (i) mengumumkan kepada rakyat kandungan draf rang undang-undang tersebut;
 - (ii) mengadakan perbincangan umum dengan individu dan organisasi yang prihatin tentang isu ini selain daripada agensi dan pejabat kerajaan yang relevan;
 - (iii) secara alternatif sekurang-kurangnya merujuk kepada jawatankuasa terpilih untuk mendapatkan pandangan umum mengenai suruhanjaya ini setelah rang undang-undang tersebut dibentangkan.

Sungguhpun Yang Berhormat Menteri tadi lagi sekali kata bahawa rang undang-undang ini digubalkan selaras dengan Paris Principles tetapi ia tidak diikuti oleh kerana tidak melibatkan masyarakat madani dalam proses

penggubalan. Dan apabila kerajaan dengan cara yang lazim menunjukkan contempt dan derision kepada pendapat-pendapat masyarakat madani dan boleh melanggar prinsip inti Paris Principles inilah tidak memberikan satu suasana yang baik bahawa kita akan mengadakan satu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang boleh melaksanakan tugas statutory ialah bagi perlindungan dan kemajuan pada hak-hak asasi. Yang sebenarnya skepticism dan negative vibration di kalangan orang dan juga masyarakat madani lebih mendalam, bukan sahaja cara rang undang-undang digubalkan.

Dalam empat dekad sejarah Malaysia, hak asasi sudah menjadi satu mangsa yang terbesar dalam budaya political hegemony Barisan Nasional yang memerintah negara ini yang sebelumnya Perikatan. Dalam empat dekad ini, khususnya dalam 18 tahun selepas di bawah pemerintahan Mahathir, adalah satu proses hakisan yang relentless mengenai hak-hak asasi dan kebebasan demokratik rakyat Malaysia sehingga kita boleh kata bahawa tanpa menghadapi pertikaian bahawa demokrasi Malaysia dan hak asasi di Malaysia hari ini sangat buruk apabila dibanding 18 tahun dahulu apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih jawatan Perdana Menteri ataupun 42 tahun dahulu apabila negara kita mencapai kemerdekaan.

Sekarang Malaysia ada empat Pengisytiharan Darurat, oleh kerana Pengisytiharaan Darurat yang pertama dalam tahun 1963 masa konfrantasi dengan Indonesia dan kedua, tahun 1967 apabila ada krisis politik untuk menggulingkan Ketua Menteri pada masa itu Stephen Kalong Ningkan; dan ketiga, Peristiwa 13 Mei 1969; dan keempat 1977 ada komplot untuk menjatuhkan kerajaan PAS. Semua masih wujud, semua masih terpakai, semua masih belum dimansuhkan dan undang-undang yang sangat repressive yang digubal dalam masa penjajahan British untuk menguasai kuasa negara ini bukan sahaja masih terwujud tetapi adalah banyak dipinda yang menjadi lebih repressive, lebih draconian.

Satu contoh yang baik ialah Akta Rahsia Rasmi, bukan sahaja ia menjadi lebih draconian daripada Akta ibu di United Kingdom tetapi ia sudah dipinda di

mana sesiapa yang bersabit salah akan menghad di bawah Akta Rahsia Rasmi akan dikenakan hukuman penjara satu tahun yang mandatori. Tak kira kesalahan itu besar atau kecil, tak kira kesalahan itu adalah menerima atau simpan atau apa-apa jenis kesalahan itu. Kenapa? Oleh kerana supaya kerajaan ini akan boleh lebih secretive untuk melindungi korupsi, kronisme dan nepotisme, bukan untuk satu kerajaan yang lebih terbuka, lebih accountable, lebih demokratik. Inilah sangat ironic khasnya dalam masa teknologi maklumat dan Malaysia mahu counterlead untuk membawa masyarakat kita kepada masyarakat teknologi dan pengetahuan.

Bagaimana penubuhan satu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia boleh memberi perlindungan dan memajukan hak asasi kalau semua undang-undang ini begitu draconian, dan begitu repressive tidak dimansuhkan. OSA, ISA, Printing Presses and Publications Act, Akta Hasutan, Police Act dan Pengisytiharan-pengisytiharan Darurat, keempat-empatnya. Sebenarnya kewujudan akta-akta yang repressive dan draconian ini sama ada ISA, OSA, Printing Presses and Publications Act, Sedition Act, Police Act, semua memberi notis bahawa Suruhanjaya Hak Asasi Manusia apabila ditubuhkan tidak boleh berkesan. Tidak boleh ada kredibiliti, tidak ada kewibawaan oleh kerana suasana politik tidak membenarkan satu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ada kredibiliti.

Bagaimana rakyat Malaysia boleh harap bahawa rang undang-undang ini akan membawa satu bab politik yang baharu, satu bab hak asasi yang baharu di mana Kerajaan Barisan Nasional akan bermula menghormati dan akur 'human rights' dan 'fundamental liberties' walhal dalam 18 bulan lalu kita melihat satu bab hak asasi yang begitu gelap dan hitam. Mengenai latar belakang ini kalau dalam 18 bulan ini kita menghadapi satu masa bab hak asasi begitu gelap, apa artinya rang undang-undang ini? Saya rasa latar belakang ini lebih baik saya memetik, untuk menggambarkan kedudukan hak asasi 18 bulan ini, memetik daripada Utusan Hak Asasi 1998 yang ada dibuat oleh Presiden HAKAM dalam bulan Disember lalu iaitu Ramadas Tikamdas.

Dengan izin, inilah Human Rights Day Message 1998.

1. *On the occasion of the 50th anniversary of the Universal Declaration of Human Rights, one would have hoped to celebrate positive developments in fundamental liberties, the rule of law and principles of natural justice. But unfortunately, the year 1998 will be recorded in our history as a period of the nightmare for human rights.*
2. *The human rights diary for 1998 began with the Lim Guan Eng episode being the focus of public concern raising grave constitutional issues in the context of parliamentary democracy and the oath of office of a Member of Parliament... [Disampuk]*

Apa takut? Takut dengar betapa gelap 18 bulan ini untuk hak asasi Malaysia. Boleh melanggar hak asasi tetapi takut mendengar. Apa itu? Itulah 'human rights day message' President Hakam. Faham atau tidak faham? Jangan takut, kalau berani melanggar hak asasi jangan takut dengar pendedahan pencerobohan hak asasi. *This shameful saga will forever remain in the public conscience as a brooding reminder that law divorced from justice is like morality divorced from ethics, both leading ultimately to their own disrepute.*

3. *Basic and constitutionally and entrenched fundamental liberties such as the right of peaceful assembly have been indiscriminately breached and abused. On 31st May 1998 a peaceful assembly in a closed hall in a hotel organized by DAP was met with flagrant coercive show of police force with full FRU gear, batons, police shields and police trucks as if there was an imminent breakdown of law and order when all that was sought to be done was to discuss basic and fundamental rights and liberties guaranteed under the Constitution.*

On 3rd June 1998, consumers were prevented by the Police from attending a forum to discuss the water crisis in the Klang Valley when the police permit was cancelled at the last minute leading the President of FOMCA to express his hope that the state of democracy in the country would not recede to the same critical level as the dams in the Klang Valley.

4. *While the democracy was steadily receding with the dams, imminent ecological disaster was ignored. The Sungai Gombak in the heart of Kuala Lumpur became a “River of Death” when nine tones of decaying fish were found in a residential area of high density and no information was released to the public as to the source of and consequences of a bio-ecological disaster of such magnitude.*

The SUN on 27th May 1998, carried a report attributed to the River Engineering Division Head, the Drainage and Irrigation Department that the Official Secrets Act has been consistently abused by authorities which claim confidentiality of information to hide weaknesses in their administration. He stated that “some officials hide behind the Act’s provisions because it provides the perfect way out of having to face the music”.

5. *The year 1998 will also be infamously remembered for the rampant abuse and misuse of the draconian Internal Security Act (ISA). The Act itself is inherently a violation of the rule of the law and the Universal Declaration of Human Rights but this year must be distinguished by the most imaginative and innovative use of the Act in circumstances that could never have been contemplated when the legislation was passed.*

(i) *Three persons were arrested under the ISA for spreading rumors on the internet with the Deputy Minister of Home Affairs being quoted as saying that “We want to impose a deterrent sentence to send a clear warning to everybody not to play around with the internet”.*

(ii) *The police also arrested and detained a lorry driver under the ISA for allegedly bringing in illegal immigrants and harboring them.*

(iii) *One Dr. Munawar Ahmad Aness, a prominent academic was arrested under the ISA ostensibly for matters relating to national security but was then speedily charged for an offence under section 377D of the Penal Code for gross indecency, leaving the public*

stunned and puzzled as to how an alleged act of sodomy can be a matter of national security to justify an arrest pursuant to the ISA.

- (iv) *Dato' Seri Anwar after being dismissed as Deputy Prime Minister and Finance Minister was arrested in his home on 20th September 1998 by the Police Special Task Force with balaclava and an armoury of fire-power as if they were storming a terrorist fortress. He was not initially arrested under the ISA but his detention was subsequently converted into an ISA detention with the Deputy Minister of Home Affairs being quoted to say that:*

“Anwar was to have been produced in court yesterday but police decided against it at the last minute following the tense situation created by his supporters outside the Jalan Raja Court Complex”. It is now public knowledge that in fact Dato' Seri Anwar had sustained serious injuries while in police custody on the same night of his arrest, with the scars still shockingly visible after nine (9) days when he was finally brought to court for trial. Was his detention converted “at the last minute” into an ISA detention so as to avoid him being brought before a Magistrate “within twenty four hours” as stipulated in Article 5(4) of the Federal Constitution?

Even now the public still awaits the disclosure of the police and medical reports relating to the injuries and a confirmation or otherwise of the complaint that he was denied medical treatment for five (5) days during police custody.

- (v) *Another seventeen (17) persons perceived as friends and supporters of Anwar were detained under the ISA one by one and thereafter released without condition leaving the public outraged at the misuse and abuse of the “national security” and “public order” concerns to justify their detention without trial.*

- (vi) *The Act continues to be invoked arbitrarily against persons clearly not “terrorists and their sympathizers” but “ordinary citizens of this country” (YTM Tuanku Abdul Rahman; Bar Council Seminar, December 9 & 10, 1988)*
6. *The year 1998 will also be remembered for the alarming number of alleged criminals killed in police shootings raising the question as to what is reasonable force employed by the police in the apprehension of suspected criminal.*
- (i) *In January (NST 29/1/98) seven suspects who had planned to rob two supermarkets in Tawau, Sabah were shot dead by the police. According to the newspaper report “The suspects, three of whom were armed with guns, were cruising in a car when they realized that they were being trailed by a group of policemen; they then fired two shots in the direction of the policemen who returned fire killing them” - all seven of them.*
- (ii) *On 10 March 1998 (NST, 11/3/98) five men were shot dead as they emerged from the Bank Bumiputra Malaysia Berhad branch in the Universiti Putra Malaysia campus in Serdang. They were believed to have robbed the bank and were armed with a pumpgun, an axe, a dagger and two toy pistols. They were shot dead when they attempted to escape despite being ordered by the police to surrender.*
- (iii) *On 2nd October 1998 on the outskirts of Kuala Lumpur a contingent of police laid a siege around a residential house and shot and killed three men and two women whom they suspected to be involved in a kidnapping, one of whom turned out to be 8 months pregnant and whose alleged involvement in any crime still remains a mystery.*
- (iv) *The same night on the East Coast near Tumpat, an armed police shot and killed six men who the police claimed were a gang of armed*

criminals, some of whom were Relia members and government servants.

To be sure, crime does not pay. But in fighting and combating crime, the police cannot assume the roles of a judge, jury and executioner, all rolled into one. Nothing is more repugnant to society than authorized lawlessness.

- 7. Further aggressive police reaction to the recent street demonstrations with water canons, truncheons, canes, police shields and police boots becoming an all too common feature does nothing to promote public confidence in the police force. Such confidence and public perception of professionalism in the police force is indispensable for a peaceful, progressive and just society.*
- 8. At the core of public perception of the Rule of Law is a sense of justice and fairness and this is the responsibility of all the three branches of government, the Executive, Legislature and Judiciary. Respect for human rights in state governance is the only sure way of ensuring public confidence and support as we move into the next century.*

On this 50th Anniversary of the Universal Declaration of Human Rights, and as a step forward into the 21st century, HAKAM calls upon the government to publicly declare its respect for and commitment to the principles enshrined in the Universal Declaration and to ratify the international human rights instruments particularly the International Covenant on Civil and Political Rights and the Covenant on Economic Social and Cultural Rights. This will clearly signify our reaffirmation of universal human rights values and also fulfil the promise of our Proclamation of Independence which gave birth to our nationhood.

*Ramdas Tikamdas
President – HAKAM*

10 December 1998”

Bolehkah kesemua kles-kes yang ada disebut dalam Utusan Hak Asasi itu boleh disiasat oleh Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menjawab nanti apabila masa datang untuk menggulung perbahasan. Dengan senario atau bank drop hak asasi yang begitu gelap dalam 18 bulan yang lepas, memanglah rakyat Malaysia ada hak untuk tanya sama ada penubuhan Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia ialah hasil satu kesedaran, satu keinsafan kerajaan bahawa rekod hak asasi kerajaan begitu buruk bahawa ada satu plot dalam reputasi nasional dan antarabangsa negara yang perlu diperbetulkan supaya imej hak asasi Kerajaan Malaysia diperbaiki atau sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional langsung tidak hirau mengenai rekod hak asasi yang begitu buruk dan tindakan undang-undang untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia sebenarnya hanyalah satu cynical, satu usaha yang begitu cynical supaya mengadakan ‘alibi institution’ untuk mengesahkan segala pencabulan hak-hak asasi.

Nampaknya, on the balance of it apa yang senario yang kedua mungkin benar bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak begitu prihatin untuk mahu satu hak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia untuk melindungi dan memajukan hak asasi tetapi menggunakannya sebagai satu alat dalam psychological war fair untuk menunjukkan bahawa ia adalah segala tindakan yang diambil untuk melindungi kepentingan Barisan Nasional dan bukan untuk hak-hak asasi rakyat Malaysia. Mungkin itulah sebabnya tadi Yang Berhormat Menteri terus terang mengakui bahawa beliau tidak comply dengan Paris Principal untuk melibatkan segala NGO-NGO dan masyarakat madani dalam proses menggubalkan rang undang-undang ini, ‘ada udang di sebalik batu.’

Tentu ini akan mempengaruhi, suka tidak suka, kredibiliti, kebebasan, kewibawaan dan mandat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan mungkin itupun sebab kenapa daripada awal kerajaan sudah cripple Suruhanjaya Hak Asasi

Manusia dengan peruntukan-peruntukan di mana definisi human rights begitu sempit dan bukan sepatutnya seluas-luasnya untuk memberi makna kepada hak asasi rakyat Malaysia. Sungguhpun dalam preamble rang undang-undang ada disebut bahawa suruhanjaya ini ialah untuk melindungi kemajuan hak asasi di Malaysia tetapi kalau kita mengikut Seksyen (2) definisi human rights sangat sempit yang tertakluk kepada apa yang ada dalam Perlembagaan, fundamental liberties Perlembagaan.

Kalau hak asasi diberi definisi yang begitu sempit barulah merujuk kepada fundamental liberties yang termaktub dalam Bahagian 2 Perlembagaan Persekutuan tidak bererti, oleh kerana kita tahu bahawa Bahagian 2 dalam Perlembagaan Persekutuan adalah memberi pengecualian untuk menafikan hak-hak fundamental itu daripada dinikmati sepenuhnya oleh rakyat jelata. Banyak undang-undang yang diluluskan di bawah Bahagian 2 yang menidakkan hak-hak tersebut. Semua undang-undang yang saya sebut tadi, ISA, OSA, Printing Presses and Publications Act, Sedition Act, Police Act, Universities and University Colleges Act semua sebenarnya inconsistent dan melanggar hak asasi mengikut Universal Human Rights standard. Tetapi mengikut Part 2, fundamental liberties Perlembagaan Malaysia mereka syak dan kalau Suruhanjaya Hak Asasi manusia akan mengikuti peruntukan dalam Bahagian 2 Federal Constitution, tidak berguna.

Bukan sahaja ada satu sistem kehakiman yang sepatutnya menjadi custodian, guardian, fundamental liberties, tetapi kenapa kita tidak memberi makna yang seluas-luasnya mengenai human rights selaras dengan Universal Human Rights standard sebagai asas jurisdiction Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Saya tahu bahawa ada Seksyen 4(4) di mana ada diperuntukkan bahawa Suruhanjaya Hak Asasi Manusia bagi maksud akta ini, perhatian hendaklah diberikan terhadap Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia 1948.

Setakat itu, pengisytiharaan itu tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. So what you give with one hand, you take away with the other.

Jurisdiction Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia berbalik kepada Part 2, Federal Constitution.

Saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh memberi pertimbangan yang sedalam-dalamnya dalam perkara ini. Kalau kita mahu satu Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia yang berkesan, yang bererti ialah patut diberi kuasa untuk menjalankan tugasnya mengikut istilah hak-hak asasi seluas-luasnya, mengikut Universal International Human Rights Standard dan untuk membolehkan ini dibuat, kerajaan perlulah memberi ratifikasi, iktiraf United Nations Instruments mengenai hak-hak asasi khasnya International Covenant on Civil and Political Rights, the International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights, the Convention Against Torture and Other Forms of Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment.

Saya sokong seruan yang dibuat oleh NGOs dan masyarakat madani bahawa Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia patut dirujuk kepada satu jawatankuasa terpilih (select committee) khasnya supaya masalah definition on human rights yang menjadi asas jurisdiction Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia bolehlah ada satu perbahasan yang sedalam-dalamnya dan seluas-luasnya.

Saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh menerima, sangat ridiculous mengatakan satu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia kalau jurisdiction nya terhad kepada Bahagian 2, Perlembagaan Persekutuan mengenai fundamental liberties. Bukan sahaja ia redundant kepada peruntukan-peruntukan yang ada dengan kehakiman tetapi ia 'mengikat tangan' Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Mungkin kita perlu rujuk kepada perundangan-perundangan yang ada di negara-negara yang lain, bagaimana mereka memberi interpretasi mengenai hak asasi.

Di India mereka mempunyai Protection of Human Rights Act 1993, Act India itu - definition human rights ialah dengan izin, *the rights relating to life, liberty, equality and dignity of the individual guaranteed by the constitution or embodied in the International Covenants and enforced by courts in India and*

International Covenants defined as meaning the International Covenant on Civil and Political Rights and the International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights, yang telah diluluskan oleh the General Assembly of the United Nations on the 16th December 1966.

Kalau kita semak perundangan-perundangan yang sama di Filipina mengenai definition human rights seperti yang berikut dalam akta Filipina, The Commission of Human Rights Act 1998. *Definition of human rights for purpose of this Act, unless the context indicates otherwise, human rights shall mean the supreme, inherent and inalienable right to life, to dignity and to self-development. It is concerned with issue in both areas of civil and political rights and economic, social and cultural rights obligations to which the Philippines Government is a state party. Political Rights are those rights which enable us to participate in running the affairs of the government either directly or indirectly.*

Civil rights are those rights which the law will enforce at the instance of private individuals for the purpose of securing to them the enjoyment of their means of happiness. Economic and social rights are those rights which enable the people to achieve social and economic development, thereby ensuring them their well-being, happiness and financial security. Cultural rights are those rights that ensure the well-being of the individual and foster the preservation, enrichment and dynamic evolution of national culture based on the principle of unity in diversity in a climate of free artistic and intellectual expression.

Tuan Yang di-Pertua, select committee - suatu jawatankuasa terpilih untuk Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia boleh memberi pertimbangan yang mendalam untuk perkara ini. The mandate untuk Suruhanjaya Hak Asasi Manusia patutlah seluas-luasnya selaras dengan international standard kalau Suruhanjaya Hak Asasi Manusia tidak akan suatu hari menjadi irrelevant kepada hak asasi di Malaysia. Seperti sistem kehakiman sekarang, sudah menjadi irrelevant kepada keadilan di Malaysia.

Saya berharap bahawa kita boleh mendapat satu kenyataan yang tegas nanti mengenai pendirian kerajaan, mengenai ratifikasi International Covenants for Civil and Political Rights and International Covenants of Social, Economic and Cultural Rights.

Kenapa dalam tahun 1966, Kerajaan Malaysia boleh mengundi dan menyokong dalam General Assembly International Covenants in Civil and Political Rights tetapi untuk 33 tahun Kerajaan Malaysia enggan untuk memberi ratifikasi kepada International Covenants ini. Apa yang paling penting akhirnya ialah tanpa satu budaya politik yang menghormati hak-hak asasi manusia, tidak mungkin satu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia boleh beroperasi dengan berkesan dan will be well untuk memberi perlindungan dan kemajuan untuk hak-hak asasi.

Pada Disember tahun lalu, the United Nations Special Rapporteur untuk memajukan, melindungi hak dan kebebasan pendapat dan pandangan, UN Special Rapporteur on the promotion and protection of the right to freedom of opinion and expression, Abid Hussain telah mengeluarkan satu laporan yang sangat mengutuk kedudukan freedom of expression and opinion di Malaysia dan itulah UN Special Rapporteur. Selepas satu lawatan lima hari ke Malaysia di bulan Oktober tahun lalu dan dia berpendapat bahawa dengan izin, *freedom of opinion is systematically curtailed in Malaysia. The domestic press muzzled* dan beliau menunjuk keprihatinan mengenai *the extent to which laws such as the Internal Security Act, the Sedition Act and the Printing, Presses and Publications Act were used to suppress and repress expression and to curb peaceful assembly.*

Pernahkah Kerajaan Malaysia membuat satu respon yang rasmi kepada laporan UN Special Rapporteur on a freedom of opinion and expression. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri Luar Negeri nampaknya sekarang ini sudah menjadi menteri yang bertanggungjawab terhadap hak-hak asasi di Malaysia.

Sungguhpun beliau tidak ada kuasa terhadap menteri-menteri yang penting yang melibatkan pencabulan hak-hak asasi seperti Kementerian Dalam Negeri tetapi sekurang-kurangnya sebagai menteri yang ditugaskan untuk PR exercise

dalam negeri dan di luar negara, sepatutnya memberi sekurang-kurangnya satu jawapan, apa respon Malaysia kepada laporan UN Special Rapporteur on freedom of expression and opinion, laporan yang begitu damning.

Bolehkah Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang terkandung dalam rang undang-undang ini berjalan dengan berkesan? Saya hendak memberi satu contoh, sehingga Operasi Lalang 1987, rakyat Malaysia khasnya tahanan ada hak untuk recourse kepada mahkamah. Untuk mencabar keputusan (discretion) menteri untuk melaksanakan kuasanya menahan seseorang di bawah ISA, course of judicial redress tetapi apabila saya dan Saudara Karpal Singh yang sekarang masuk [*Sambil menunjuk kepada Y.B Jelutong yang masuk ke dalam Dewan*] Kami berdua ada dalam Kem Kamunting dengan senyap, pindaan undang-undang dibuat kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk mengecualikan judicial

Saya mahu tanya, sungguhpun inilah sekarang tidak ada recourse kepada mahkamah, sungguhpun ada penyalahgunaan kuasa, itulah satu pencabulan hak asasi, itu satu infringement of human rights. Sungguhpun tidak boleh dibawa ke mahkamah tetapi sekarang bolehkah seorang rakyat Malaysia yang menjadi mangsa Ministerial abuse of power di mana ISA disalahgunakan. Beliau bukan seorang yang menjadi ancaman kepada security, mungkin satu ancaman kepada keselamatan Barisan Nasional. Bolehkah beliau buat laporan kompelin kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia supaya perlanggaran, pencabulan hak-hak asasi ini disiasat dan perkara ini dibetulkan, sungguhpun the courts of law is closed. Bolehkah?

Kalau tidak boleh, apa gunanya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia? Keadaan ini berbeza daripada apa yang ada dalam Fasal 12. Oleh kerana Fasal 12 ialah untuk mencegah Suruhanjaya Hak Asasi Manusia daripada melayani atau meneruskan siasatan kes-kes di mana sudah menjadi kes di dalam mahkamah. Sebenarnya, ini adalah peruntukan yang sangat luas, sangat tidak sihat yang boleh memberi banyak peluang untuk penyalahgunaan kuasa, untuk memberhentikan

siasatan, kompelin mengenai pencabulan hak-hak asasi oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia supaya dengan satu cara, dengan membawa kes ini ke mahkamah.

Saya rasa ini perlu satu pertimbangan yang lebih mendalam dan oleh itu lagi satu sebab mengapa rang undang-undang ini patut dirujuk kepada Select Committee supaya semua senario ini boleh dikaji dengan lebih mendalam oleh semua pihak yang prihatin mengenai hak asasi di Malaysia. Kalau kita mahu satu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang berkesan, kita perlu pesuruhjaya-pesuruhjaya yang berwibawa, yang berani untuk menegur, mengkritik malah melawan Kerajaan Barisan Nasional, oleh kerana eksekutif akhirnya bertanggungjawab apabila ada semua kompelin terhadap violation on human rights.

Adakah senang kita mencari orang, rakyat Malaysia yang rela, dengan izin, dan rela untuk 'stick their neck out to antagonize the powers that be', kalau mereka mahu menjalankan tugas mereka sebagai komisioner-komisioner Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dengan jujur, ikhlas dan berani. Adakah, khususnya, apabila kuasa sekarang dipusat dalam tangan seorang Perdana Menteri. Siapa rela berdiri untuk act on Perdana Menteri untuk mempertahankan hak-hak asasi rakyat Malaysia?

Dan sebab itulah mengapa begitu banyak perhatian diberi kepada syarat-syarat, prasyarat-prasyarat kalau Suruhanjaya Hak Asasi Manusia mahu berjalan dengan berkesan khususnya mengenai penubuhan, mengenai perlantikan, mengenai funding, oleh kerana sangat susah untuk kita dapat orang yang berkaliber, orang yang berkaliber untuk melindungi dan memajukan hak-hak asasi manusia. Kita boleh ada satu sistem kehakiman, kita ada hakim-hakim tetapi adakah sistem kehakiman boleh mendapat kepercayaan, keyakinan orang ramai mengenai kebebasan sistem kehakiman. Ini pun tidak boleh. Kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap kebebasan sistem kehakiman sudah jatuh, sudah jahanam.

Sekarang kita mahu satu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang rela dan berani melawan kerajaan dan kuasa-kuasa tertentu dalam kerajaan yang tidak

pernah ragu-ragu untuk menyalahguna institusi-institusi kerajaan untuk kepentingan-kepentingan tertentu. Adakah itu senang? Dalam satu budaya politik di mana kerajaan begitu angkuh dan tadi ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ditunjukkan tadi, begitu angkuh, mengkritik orang yang bersependapat dengan kerajaan, beliau cap sebagai anti-national, disloyal, boneka kuasa luar. Begitu angkuh.

Manalah ada iklim dan suasana untuk satu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang boleh berjaya. Sebagai contoh, Artikel 10(1)(b) dalam Perlembagaan, Bahagian 2 ialah mengenai "*fundamental right of every citizen to have the right to assemble peaceably and without arms*". Itu adalah satu fundamental liberty dalam Bahagian 2 - "*..have the right to assemble peaceably and without arms*" tetapi sudah dikecualikan, exception dibuat sehingga hak ini sudah hilang. Sungguhpun ini ada termaktub di dalam Artikel 10(2)(b) yang membenarkan, dengan izin, "*such restrictions as it deems necessary or expedient in the interest of the security of the Federation or any part thereof or public order*", that such a fundamental "*..right to assemble peaceably and without arms*" had been completely removed

Bulan lalu, pemimpin-pemimpin parti pembangkang mengadakan satu perjumpaan dengan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai dan pegawai-pegawai tertinggi di Bukit Aman.

Dalam perjumpaan itu, saya ada membuat cadangan bahawa pihak polis patutlah mengkaji untuk membenarkan rakyat menghormati hak rakyat berdemonstrasi dengan aman seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan – peaceable assembly, itulah yang termaktub dalam Perlembagaan. Tetapi Ketua Polis Negara merasa bahawa keselamatan dan public order di Malaysia tidak membenarkan satu fundamental liberty yang termaktub dalam Perlembagaan itu dinikmati. Bolehkah kita menggambarkan satu situasi di mana Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia cukup bebas apabila mendapat kompelin daripada orang ramai mengenai pelanggaran hak asasi mereka yang termaktub dalam Perlembagaan mengenai peaceable assembly khasnya mengenai penyalahgunaan kuasa oleh polis

yang menggunakan excessive force untuk memberhentikan satu demonstrasi yang aman. Bolehkah kita gambarkan satu senario di mana Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia boleh membuat satu keputusan atau satu perakuan bahawa rakyat Malaysia ada hak itu. Apa yang polis buat ialah melanggar hak asasi rakyat Malaysia. Saya rasa tidak, oleh kerana budaya politik tidak membenarkan dan budaya politik bukan sahaja tidak membenarkan satu suruhanjaya begitu tetapi juga tidak membenarkan satu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia berjalan dengan bebas dan berwibawa.

Saya ada sebut mengenai kegagalan usaha kerajaan untuk mematuhi Prinsip-prinsip Paris melibatkan masyarakat madani dan orang ramai dalam proses menggubalkan rang undang-undang ini dan sebenarnya Paris Principles adalah meletakkan garis-garis panduan mengenai composition and guarantees of independence and pluralism untuk Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan antara lain dengan izin, *“In order to ensure stable mandate for the members of the national institution without which there can be no real independence, their appointment shall be effected by an official act which shall establish the specific duration of the mandate. This mandate may be renewable, provided that the pluralism of the institution’s membership is ensured.”*

Pagi tadi saya ada bertanya Yang Berhormat Menteri, kenapa memilih dua tahun sebagai tempoh pelantikan commissioners suruhanjaya ini?. Oleh kerana ia sangat pendek dan tidak conducive untuk satu keadaan untuk memberi kebebasan dan kewibawaan kepada jawatan ini, saya rasa kita tidak boleh terima jawapan bahawa jawatan ini boleh dilantik semula oleh kerana prasyarat ialah bahawa apabila seseorang dilantik, beliau tidak boleh, tidak perlu untuk succumb pengaruh-pengaruh kerajaan hari itu.

Itulah sebab di negara-negara lain seperti di India pelantikan ialah untuk lima tahun, di Filipina pelantikan untuk Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia adalah untuk tujuh tahun dan dua ahli yang lain untuk lima tahun dan dua lagi ahli yang lain untuk tiga tahun, adalah satu tempoh yang cukup stable supaya

suruhanjaya-suruhanjaya boleh menjalankan kuasa mereka tanpa fear or favour. Saya rasa ini pun patut menjadi satu tajuk untuk kajian yang lebih mendalam oleh satu select committee Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia.

Saya sangat tertarik dengan peruntukan Perkara 5(1) di mana tidak lebih daripada dua puluh orang anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia boleh dilantik. Mungkin ini will make history dalam dunia mengenai National Human Rights Commission – the biggest number – 20, macam tallest building, biggest airport, biggest prime minister’s office, biggest prime minister’s resident. Kenapa perlu 20? Bukankah satu suruhanjaya yang ada 20 anggota tentulah sangat unwieldy. Sangat susah dan dalam peruntukan kata bahawa kuorum ialah 2/3. Mengikut Seksyen 7(4) yang memperuntukkan bahawa “*The members of the Commission shall use their best endeavours to arrive at all decisions of the meetings by consensus failing which the decision by a two-thirds majority of the members present shall be required*”. Saya tahu bahawa kerajaan ada kata sekarang mungkin tidak bercadang untuk melantik 20 orang, mungkin 12 orang, tetapi apa rasional ada 20 orang? Adakah ini sebagai satu fall-back position, kalau tempoh pelantikan dua tahun tidak cukup untuk menghalang commissioner yang berani untuk menjalankan tugas mereka untuk melindungi dan memajukan hak asasi, lagi satu fall-back position, perlu two-thirds dan kalaulah datang satu masa di mana ada 2/3 commissioner begitu, ada kaliber dan berani, yang rela berdiri di atas hak-hak asasi sungguhpun tidak disukai oleh pihak kerajaan, masih ada fall-back position untuk melantik lapan orang yang lain sehingga 20 orang dilute komposisi. Nampaknya ini timbul banyak soalan, apa tujuan ada 20?.

Oleh kerana saya percaya Kementerian Luar Negeri, Jabatan Peguam Negara, Draftsman Office tentu ada buat rujukan kepada perundangan-perundangan di negara-negara lain, bolehkah kita tahu di negara-negara lain yang ada National Human Rights Commission, berapa bilangan anggota-anggota atau ahli yang mereka ada, di mana ada 20 orang.

Peruntukan dalam rang undang-undang mengenai pelantikan commission ialah “Members of the commission shall be appointed from amongst prominent personalities including those from various religious and racial backgrounds” – prominent personalities, siapa prominent personalities party hacks Barisan Nasional? Dewan Negara, kita tahu apa kriteria pelantikan. Kalau kita ikut Perlembagaan Perkara 45(2) mengenai pelantikan Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ialah “..shall be persons who in his opinion have rendered distinguished service or have achieved distinction in the professions, commerce, industry, agriculture, cultural activities or social service”. Mana? Katak-katak adalah! [Ketawa]

Semenjak kemerdekaan, beratus orang Senator dilantik, bolehkah rakyat ingat siapa Senator yang sebenarnya yang tentu boleh dikatakan menyumbang dan layak mengikut Perkara 45 – “...persons who have rendered distinguished service or have achieved distinction in the professions, commerce, industry, agriculture, cultural activities or social service”. Distinguished service as party hacks ada, party hacks Barisan Nasional. Kalau itulah contoh, teladan saya rasa orang yang akan dilantik sebagai commissioner Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia kita pun sangat kkuatirlah. Sebab itu saya rasa rang undang-undang ini patutlah lebih spesifik mengenai kriteria, pelantikan dan juga satu mekanisme pelantikan supaya apa yang berlaku mengenai pelantikan ahli-ahli Senator tidak akan berlaku dalam pelantikan commissioner bagi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Teluk Intan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang:yang tidak memberikan sinecures untuk hack-hack parti politik....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Teluk Intan bangun, di belakang.

Tuan Yunus bin Rahmat: Mahu kacau boskah!

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, penjelasan. Sebelum ini Yang Berhormat dari Tanjong memberitahu bahawa orang-orang yang dilantik ke Senate ini tidak mengikut peruntukan undang-undang, tetapi di antara satu orang yang telah dilantik adalah yang saya rasa mengikut itu adalah Ben Steven dan saya tidak boleh lupa apa yang beliau cadangkan di Dewan Negara dan beliau mengatakan bahawa Senate perlu dibubarkan, perlu dihapuskan dan orang-orang macam ini tidak pernah dilantik, lepas tempoh masa dia di Senate, dia telah 'dihapuskan' dari Senate. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kerajaan tidak peka kepada kehendak rakyat, kerap-kali apa yang dimaksudkan di Federal Constitution elak dari diimplementasikan.

Tuan Lim Kit Siang: Perbahasan bukan mengenai Senatelah, perbahasan.....

Dato' Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, perbahasan bukan mengenai Senate, apa itu...Perbahasan bukan mengenai Senate, perbahasan mengenai...*[Disampuk]* Nanti, nanti, perbahasan mengenai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, tetapi kalau perbahasan ialah mengenai Senate, kita setuju, saya setuju ini satu rubbish dump di mana selain daripada segelintir orang yang ada kaliber terbanyak, ahli-ahli Senator ialah waste of public funds, a drain of public resources, abuse of Constitution of Provision dan patut dibubarkan.

Dato' Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, tadi beliau mengatakan bahawa semua yang dilantik ke Dewan Senate beliau ada sebut berkenaan dengan angka 400 orang.....

Tuan Lim Kit Siang: 400? Tidak ada.

Dato' Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:tetapi sekarang ini pun kita ada dua orang wakil dari PAS Kelantan dan pernah satu masa dahulu kita ada wakil-wakil daripada PBS. Yang tidak ada hanya wakil daripada DAP kerana DAP tidak pernah memerintah sama ada Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri.

Jadi, adakah Yang Berhormat sebutkan tadi termasuk juga wakil-wakil daripada PBS dan PAS yang pernah ada di Dewan Senate?

Tuan Lim Kit Siang: Malangnya, Yang Berhormat sudah menjadi menteri tetapi fahaman, constitution masih sangat cetek. Saya sebut mengenai kategori-kategori ahli-ahli Senator yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Mereka yang dilantik oleh Perdana Menteri ialah perlu mengikut kriteria ini. Mereka yang mewakili negeri-negeri itulah kategori yang lain, bukan lantikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Mereka mewakili negeri-negeri, mungkin Yang Berhormat Menteri tidak faham. Tidak apalah, ini satu constitutional lesson sekarang dia lebih faham. *[Disampuk]*
[Ketawa] Beri kursus free, saya tidak caj komisen. *[Disampuk]*

Dato' Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, masalah

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum beri jalan.

Dato' Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Masalah hendak lantik

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum beri jalan, Peraturan Mesyuarat. Nanti saya mahu beri satu lesson untuk Peraturan Mesyuarat. *[Ketawa]* Saya belum beri jalan, ya dan mahu minta jalan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Dia minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Okay, boleh.

Dato' Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu daripada DAP dan PAS tidak ada lantikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana lantikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah atas nasihat Perdana Menteri. Tetapi kalau kita hendakkan standard di Dewan Negara itu tinggi, yang kita pilih daripada Dewan Undangan Negeri pun boleh kita pilih yang standardnya tinggi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh berbincang mengenai perkara ini sama ada kita perlu ubah sistem perlantikan termasuk yang ada dalam Perlembagaan sebenarnya ada peruntukan untuk 'direct elections' kepada Senate. Itu pun saya setuju kita melaksanakan supaya tidak ada penyalahgunaan kuasa dalam perlantikan parti hacks dan political has been dalam Dewan Negara.

Tadi sebelum saya diganggu oleh Yang Berhormat Menteri, saya cadangkan supaya kita lebih spesifik mengenai kriteria, 'spelt out' pada orang yang 'proven integrity and competent' semacam dia. Dan ada satu sistem, satu mekanisme perlantikan dan non governmental mechanism di mana perlantikan dibuat atas perakuan semacam ahli-ahli satu jawatankuasa yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen, daripada semua pihak dan wakil-wakil NGO supaya kita ada orang yang benar-benar berwibawa, credible dilantik sebagai anggota-anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia.

Akhirnya, saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri akan mematuhi Prinsip-prinsip Paris untuk melibatkan masyarakat madani dan rakyat dalam semua proses membuat keputusan bersangkut paut dengan hak-hak asasi dan ambil langkah yang pertama dengan menunjukkan kepada jawatankuasa terpilih supaya satu konsultasi yang lebih mendalam mengenai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia boleh diadakan untuk membetulkan kelalaian beliau oleh kerana sampai sekarang beliau tidak ada konsultasi yang sedalamnya dengan masyarakat madani dan untuk menunjukkan bahawa rang undang-undang ini bukanlah PR exercise. Pagi tadi beliau kata ini bukan satu PR exercise, sama ada ini satu PR exercise bukan ditentukan oleh penafian beliau tetapi dengan tindakan beliau. Sangat mustahak atau lebih mustahak bahawa kerajaan perlu memulakan, mengambil tindakan untuk rectify instruments hak asasi antarabangsa, yang pokok ialah International Covenant on Civil and Political Rights and International Covenant of Social, Economic and Cultural Rights, supaya kedua-dua khasnya boleh

menjadi basic source of reference and authority kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Parit Sulong.

3.36 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999.

Pertama kali saya mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T. kerana akhirnya negara ini mempunyai satu rang undang-undang mengenai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang saya yakin akan dapat memberi keadilan yang sewajar-wajarnya kepada seluruh rakyat yang dipercayai yang mungkin menjadi mangsa kepada pencabulan hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada fungsi suruhanjaya ini adalah memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubung dengan hak asasi manusia. Ini terkandung dalam Fasal 4(1)(a), untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia.

Dalam konteks ini, saya amat bangga oleh kerana rang undang-undang ini mentafsirkan hak asasi manusia selaras dengan fundamental liberties terkandung dalam Bahagian 2, Perlembagaan Negara. Dalam hal ini juga saya merayu semoga suruhanjaya ini di samping menangani sebarang aduan, di samping cuba memberi keadilan terhadap tuduhan pencabulan dan sebagainya. Saya harap suruhanjaya ini memainkan peranan sebagaimana yang termaktub tadi iaitu memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubung dengan hak asasi manusia.

Saya menuntut perkara ini diberi priority yang tinggi, oleh kerana sekarang ini pada penglihatan saya, pada pandangan saya terdapat pelbagai persepsi yang bercelaru mengenai apa itu hak asasi manusia yang paling serasi dengan negara kita. Ketua Pembangkang tadi mengatakan bahawa mengapa tidak kita

mengambil ukuran daripada Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejangat tahun 1948 sebagai sandaran kepada fundamental liberties yang dimaksudkan di dalam hal rang undang-undang ini. Kepada saya, dunia yang semakin berkembang, saya melihat bagaimanakah sekarang ini ada pihak-pihak luar khususnya pihak Barat yang cuba mempertahankan dominasinya dengan menggunakan isu-isu hak asasi manusia. Dahulu diperkatakan dia menggunakan perkataan 'Free World' (Dunia Bebas), kemudian digunakan 'Globalisasi', sekarang digunakan 'Universalism' dan ada juga akhir-akhir ini digunakan perkataan hak asasi manusia sebagai satu pengukur kebebasan dunia luar yang tidak sama piawaiannya dengan dunia mereka.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah pun dikritik mengenai double-standard, sikap-sikap double-standard Barat mengenai hak asasi manusia. Kalau saya boleh meminjam seorang penulis yang sering dipinjam 'quotation'nya dalam perbincangan kita iaitu Samuel P. Huntington. Dalam bukunya *'The Clash of Civilizations and the Remaking of New World Order'*, dalam muka surat 184 dia mengatakan, dengan izin:

"None-Westerners also do not hesitate to point to the gaps between Western principle and Western Action. Hypocrisy, double standards and "but not" are the price of universalist pretensions. Democracy is promoted but not if its brings Islamic fundamentalist to power; nonproliferation is preached for Iran and Iraq but not for Israel; free trade is the elixir of economic growth but not for agriculture; human rights are an issue with China, but not with Saudi Arabia; aggression against oil-owning Kuwaitis is massively repulsed but not against non-oil-owning Bosnians. Double standard in practice are the unavoidable price of universal standards of principle".

Ini hakikatnya. Negara Barat yang cuba menonjolkan hak asasi manusia secara bebas tetapi sebenarnya menggunakan hak asasi manusia mengikut ukurannya untuk mempertahankan dominasinya, untuk mempertahankan ketuanannya.

Jadi, saya mendesak supaya suruhanjaya ini memberi satu persepsi hak asasi manusia kepada seluruh rakyat Malaysia, hak asasi manusia yang serasi kepada rakyat Malaysia menurut acuan Malaysia.

Tadi, Yang Berhormat Menteri sewaktu membentangkan rang undang-undang ini ada mengatakan, dia kata, “Saya berharap kita tidak akan terikut-ikut dengan desakan individu dan kumpulan tertentu yang cuba membakukan dunia mengikut acuan mereka”, – membakukan dunia - bermakna yang cuba standardized pandangan mengikut pandangan mereka. Kita tidak mahu tunduk. Kita satu negara yang sovereign,. satu negara yang bebas, merdeka dan Perlembagaan itu juga adalah satu perkara doktrin yang telah pun dipersetujui sewaktu kita menjelang kemerdekaan. Itulah doktrin yang kita harus jadikan sandaran di dalam kita menegakkan ataupun mendefinisikan hak asasi manusia dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak double standard yang digunakan oleh pihak Barat mengenai hak asasi manusia. Jadi, saya minta pihak pembangkang khususnya berilah definisi hak asasi manusia mengikut mereka selaras dengan Malaysia, serasi dengan Malaysia. Ini bawa ukuran Barat.

Pada tahun 1948, Malaysia belum merdeka. Apabila Deklarasi Hak Asasi Manusia sejagat dibuat pada tahun 1948, kita belum merdeka. Sekarang kita telah merdeka, adakah kita sebuah bangsa yang merdeka mahu tunduk lagi kepada satu doktrin yang boleh mengongkong kemerdekaan mereka? Ini persoalan-persoalan yang harus kita ketengahkan kepada generasi muda khususnya ataupun kepada golongan yang lupa sejarah.

Ada juga satu golongan manusia yang mentafsirkan hak asasi manusia adalah bersamaan dengan modern liberalism bersamaan dengan individualism, bersamaan dengan anti-establishment attitude terhadap authorities. Ini juga hak asasi manusia yang sedang diperjuangkan di Barat dan ini juga ada elemen-elemennya, norma-normanya menyusup di kalangan setengah orang-orang kita. Oleh sebab itu atas nama kebebasan, ada golongan yang bebas, berasa bebas untuk

bergerak tanpa mengambil kira kebajikan orang lain, sebab itu kononnya atas cara mencari keadilan ada kalangan-kalangan yang bergerak sehingga menyebabkan kesusahan ataupun kekelamkabutan kepada pihak lain.

Guru mengenai hak asasi, pakar mengenai freedom, John Stewart Mill mengatakan: *“Di dalam kita mencari kebebasan untuk mempertahankan hak asasi, cara kita mencari kebebasan untuk mempertahankan hak asasi mestilah juga cara itu tidak menjejaskan kebahagiaan orang lain di dalam mencari kebebasannya”*. Itu John Stewart Mill mengatakan apabila dia memperkatakan soal freedom dan freedom soalnya dikaitkan dengan fundamental liberties, selalunya dikaitkan dengan hak asasi manusia.

Jadi, saya amat terkilan, Tuan Yang di-Pertua, apabila Ketua Pembangkang mengatakan berapa kali dia ulang tadi - universal, declaration of human rights, berapa kali dia ulang dalam ucapan dia? Berapa kali dia mengatakan dalam Perlembagaan, kita ada freedom of movement, ini buku yang ditulis oleh Tun Mohamed Suffian Hashim, mengenai *An Introduction to the Constitution of Malaysia*. Dalam buku ini ada diulas mengenai fundamental liberties. Sebagaimana John Stewart Mill mengatakan di dalam kita mencari kebahagiaan, cara kita mencari kebahagiaan juga tidak harus menjejaskan cara orang lain mencari kebahagiaan. Bermakna freedom ada limitation dia dan Perlembagaan ini juga fundamental liberties di dalam negara kita mempunyai limitation. Ada undang-undang yang berkaitan dengan public order, ada undang-undang yang berkaitan dengan national security. Memang harus dan kita perlu.

Negara ini bukan negara satu kaum, negara ini negara berbilang kaum. Sewaktu negara ini merdeka, percantuman perkauman, integration itu belum lagi intim, belum lagi masak, belum lagi matang. Sehingga hari ini masih lagi ada golongan yang cuba memanjangkan semangat perkauman yang boleh membawa kepada perpecahan di dalam negara ini. Adakah di dalam senario ini, kita mengambil satu doctrine human rights kebebasan secara total, pintas, .bawa masuk ke dalam negara, we adopt and we implement. Akan kucar-kacir Malaysia

akhirnya, itu hakikat. Jangan kita cuba bercakap tanpa mahu berpijak kepada realiti dan kebenaran. Apabila kita mahu bercakap mengenai negara kita, kita berpijak kepada realiti dan kebenaran di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dua, tiga bulan yang lalu, saya menghadiri satu seminar antarabangsa mengenai demokrasi - International Seminar on Democracy, dianjurkan oleh satu badan yang berwibawa, Wilson Park, salah satu cabang kepada Kementerian Luar Negeri di United Kingdom. Seluruh participant dari seluruh dunia mengakui there is no perfect model for democracy, tidak ada satu model demokrasi yang perfect. Saya rasa sama juga, tidak ada satu acuan, kebebasan yang selaras dan serasi untuk mana-mana negara - tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Yang Berhormat, Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang berpendapat bahawa dengan nilai-nilai sejagat yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Tinggi tadinya, kita setuju ada nilai-nilai sejagat untuk hak-hak asasi manusia, ini berzaman. Perkara ini bermula dihebahkan pada 2500 tahun yang dahulu mengenai hak-hak asasi ini dan mencapai satu kemuncak dan kita di sinilah nampaknya Yang Berhormat dari Parit Sulong kurang mengetahui bahawa yang asas hak asasi manusia sekarang, Convention Declaration of Human Rights, yang pertama kali dideklarasikan ialah di Parlimen Perancis semasa revolusi di Perancis, 300 tahun yang lepas.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Okay.

Dr. Tan Seng Giaw: Itulah bermulanya, asasnya. Bukan sejak tahun 1948. Jadi kita perlulah meneliti sejarah dengan lebih mendalam, bukan begitu cetek.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak cetek, mungkin dia yang cetek. Soal hak asasi manusia bermula diperbincangkan oleh Jean Rousseau, saudara faham, salah seorang penulis kritik Perancis yang awal,

yang ulung, saya faham. Soal hak asasi manusia, kebebasan dan demokrasi telah menerusi proses evolusi yang panjang.

Kalau kita menerima bahawa prinsip dan doktrin ini terpaksa melalui evolution, mengapa kita harus terap satu doktrin yang rigid secara total kepada negara kita? Ini tidak adil. Tidakkah mungkin kita harus memberi ruang kepada fundamental liberties yang termaktub di dalam Perlembagaan melalui proses evolusinya agar selaras dan serasi dengan kehendak, cita rasa manusia yang berbilang kaum di dalam negara ini.

Jadi, saya menjawab, satunya saya tidak cetek.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Cukuplah, saya sudah jawab. Kalau keraguan daripada Yang Berhormat dari Kepong bahawa saya beranggapan cetek, tidak betul. Jadi, saya hendak tegaskan di sini, saya hendak mengulangi sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua,

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Dia bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dahulu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya hendak mengulangi sekali lagi, bahawa seluruh prinsip yang cuba kita ketengahkan untuk regulate human live di dalam dunia ini adalah prinsip-prinsip lama yang telah pun menerusi proses of evolution, proses evolusi yang panjang. Proses evolusi, proses adaptasi, penyesuaian dan sebagainya. Tidak ada mana-mana doktrin yang boleh kita ceduk secara total lepas itu dilaksana kepada satu senario yang amat asing.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak adil!

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, hendak beri jalan?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang kita bersetuju, tidak boleh ceduk semua 100% kerana keadaan tidak serupa, situasi tidak serupa tetapi bolehkah Yang Berhormat bersetuju bahawa, dengan izin, ‘Universal Declaration of Human Rights states that all persons are born free and equal and dignity and rights.’ Bolehkah kita terima prinsip ini, doktrin ini, bolehkah?

Saya ulang, ‘The Declaration states that all persons are born free and equal and dignity and rights.’

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sewaktu Thomas Jefferson mengatakan ‘all men are equal’ di Amerika masa itu masih lagi melaksanakan slavery, perhambaan.

Saya hendak mengatakan sewaktu Thomas Jefferson mengatakan ‘all men are equal, no men are more equal than others’, dengan izin, waktu itu penindasan terhadap slavery ataupun pengabdian masih lagi berleluasa. Saya hendak mengatakan

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Dia bangun lagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduk dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Dia tidak beri jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya hendak katakan, oleh kerana saudara mengatakan Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948 mengatakan yang itu. Saya juga hendak bertanya kepada Yang Berhormat, Fasal 29 Deklarasi Hak Asasi Manusia mengatakan, dengan izin, “*Everyone has duties to the community in which alone the free and full development of his personality is possible*”. Tun

Suffian menegaskan dalam bukunya, apa yang ada di Malaysia ada di Filipina, cuma yang ada di Filipina disambung dengan, ... *the duties of the citizen and non citizen*, supaya diingatkan mereka harus loyal, mereka harus bertimbang rasa, mereka harus melihat kepada kedaulatan negara dan sebagainya.

Malaysia tidak, Malaysia silence, mengapa tidak bertanya? What are your duties to your nation now?, dengan izin.

Jadi, jangan cuba hendak duga saya dalam hal ini, saya baca banyak.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, dia bangun pula.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ada nilai-nilai yang sejagat, yang lebih penting dan saya pun bersetuju sekarang di Amerika Syarikat bukan semestinya ada human rights dengan 100%. Ada kadangkala dan dalam komuniti tertentu tidak wujud human rights. Ini memang ada di Amerika Syarikat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukup. Dia mengganggu kelancaran pemikiran saya. [*Ketawa*] You disturb my fluent of thought, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, nilai-nilai kesejagatan wujud di mana-mana, ajaran Buddha ada nilai-nilai kesejagatan, ajaran Hindu ada, apatah lagi agama Islam. Universal qualities wujud di mana-mana. Dasar Ekonomi Baru mempunyai nilai-nilai sejagat, adakah membela orang yang tidak ada itu salah, adakah berdosa? Ini semua nilai-nilai universal values, semua ada, tak payah kita kata ini adalah kita ceduk daripada Deklarasi Hak Asasi Manusia sejagat. Terlalu rendah pemikiran, inferior lah you ini, you diperangkap oleh inferiority complex's. Kalau letak UN Declaration, ah! jaguhlah kita. Kalau acuan Malaysia, you are too small, apa benda ini?

Tuan Yang di-Pertua, inilah mentaliti yang cuba merosakkan Malaysia. Jadi, izinkanlah saya. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya minta suruhanjaya ini

membina satu kerangka, perspektif, hak asasi manusia yang amat serasi dengan manusia-manusia di Malaysia dahulu. Ini saya hendak cakap.

Apa gunanya kita melalak mengenai dunia luar, kalau dunia kita tidak ada orang yang hendak jaga. Generasi masa depan siapa yang hendak jaga. Kita sekarang ini meletakkan landasan-landasan dasar, polisi inisiatif kepada generasi di masa akan datang. Tetapi kalau generasi kita di masa akan datang tidak diberi satu input, satu perspektif, satu guideline hak asasi manusia yang serasi dengan negara ini, saya yakin negara ini akan jadi porak-peranda.

Apatah lagi sekarang ini wujud elemen-elemen yang kuat di antara globalization dengan nationalism. Globalization versus nationalism, dengan izin, iaitu pertembungan nilai globalisasi dengan nasionalisme.

Globalisasi mahu mewujudkan satu rupa bentuk manusia yang amat sejagat walaupun dalam kesetiaannya. Bermakna kesetiaannya hanya kepada dunia. Dunia ini kalau tanah yang bumi kita pijak ini porak-peranda orang – tak apa, I am a universal citizen. Kita tidak mahu, di dalam kita mahu mem' provoke universalism atau globalization dalam tindakan, economic activity kita, kita harus menanamkan semangat nasionalisme yang lebih mantap, yang lebih kukuh supaya negara ini walaupun terbuka kepada ruang WTO dan sebagainya, tetap mempunyai orang yang amat patriotik untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatannya. Itu amat penting.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Kepong bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kacau betul!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya hendak memberi peringatan kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong bahawa adakah dia sedar misalnya dengan kawalan tukaran asing, Yang Amat Berhormat bukanlah orang yang pertama, kita di sini ada menyebutkan hal yang seumpama itu dan kita juga bukan tidak bersetuju, kita tidak membenarkan kapitalisme dan

laissez-faire dengan begitu sahaja dan sebagainya. Ini tidak disebutkan, ini petikan yang bukan-bukan sahaja.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Sikap DAP apabila benda nampak baik barulah dia kata 'kami bukan tidak bersetuju', kalau tidak dia bisu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, Menteri.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat ini tidak mendengar Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bercakap. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bercakap 'gelap' sahaja. *[Ketawa]* Tidak ada satu yang baik, ini dia mengaku banyak yang baik.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Sebab itulah dia tak masuk ISA. *[Ketawa]* Dah masuk ISakah?

Dr. Tan Seng Giaw: Hak-hak asasi saya dicabuli dan kalau tidak silap saya mungkin Yang Berhormat pun kalau tidak berwaspada akan dicabuli juga hak-hak asasi. *[Ketawa]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak akan izin diri saya dicabul. Tuan Yang di-Pertua, yang itu on the other site.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita balik kepada perkara yang serius. Saya belum habis cerita lagi, saya masih lagi happening on the question, salah satu tugas Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini adalah untuk educate. Kita memberi satu pelajaran terhadap hak asasi manusia, kesedaran dan sebagainya. Yang saya harap perkara ini amat relevan, perkara ini amat dituntut. Oleh kerana sekarang ini dengan perkembangan dunia yang kita tidak boleh elakkan, dengan wujudnya gelombang globalisasi yang amat hebat, kita tidak boleh takut kalau tidak dipunyai, diberikan satu foundation, satu asas perception hak asasi manusia ala-Malaysia mengikut acuan Malaysia, kita semua akan dihanyutkan oleh gelora yang amat dahsyat. Dan pada ketika itu sovereignty ataupun kemerdekaan, kedaulatan negara ini mungkin akan turut dihakis, itu yang saya katakan penting, yang pertamanya.

Yang keduanya, dalam hal ini juga harus dititikberatkan soal hak asasi manusia harus diberi perspektif sejarah yang betul supaya jangan orang yang menjadi warganegara, dia melupakan tanggungjawab kepada kenegaraan itu. Ini penting. Di Filipina dituntut, is being spelt out clearly, dengan izin, di dalam perlembagaannya, mengatakan, apabila you menerima fundamental liberties, it must, orang kata bertimbal balaslah. Apabila kita menerima, kita mempunyai hak yang paling asas di dalam hidup kita di dalam sesuatu negara, kita juga mempunyai tanggungjawab yang paling asas kepada negara.

Saya tidak mahu menuntut supaya perkara ini dimaktubkan dalam Perlembagaan. Oleh kerana saya rasa memang cukup untuk diberi satu pembelajaran sahaja, proses pendedahan mengenai persepsi hak asasi manusia dan pertimbalbalasan dengan tanggungjawab kepada negara. Itu paling pokok yang saya tuntutan mengenai rang undang-undang ini.

Seterusnya ada juga dinyatakan di sini segala-galanya Amerika adalah baik, segala-galanya daripada Barat adalah baik - tidak baik. Banyak penulis khususnya penulis yang kritikal mengenai demokrasi Amerika, contohnya Chormsky, very well known writers mengenai demokrasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Rompin bangunya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Hendak bertanya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Mohd. Jarjis: Ya. Saya terkejutlah sikit dengar apa yang Yang Berhormat dari Parit Sulong kata bahawa ada suara-suara di Dewan ini yang mengata Amerika yang baik, Barat yang baik. Saya hendak bertanya siapa bercakap di Dewan ini, saya rasa Dewan ini mestilah orang Malaysia menjaga kepentingan negara kita. Adakah di kalangan kita ini ada Ahli Parlimen di Dewan ini sudah menjadi wakil Senate Amerika. Saya hendak minta penjelasan sikit daripada Yang Berhormat dari Parit Sulong ini.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Dia belum lagi sampai standard hendak jadi wakil Senate Amerika, tetapi dia ini menjadi burung kakak tua, orang yang

terperangkap dengan inferiority complex yang mengatakan “what ever from the West, those are the best” Itu sahaja dan orang ini ada setengah wujud dalam DAP, ada setengahnya wujud dalam PAS. Itu saya kata, tadi pun Ketua Pembangkang seolah-olah dia kata “What is from the West is the best” Kalau kita ikut acuan diri sendiri yang orang Cina kata “cokia”. Tak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Menteri bangun.

Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong sama ada beliau sedar atau tidak bahawa Amerika sampai ke hari ini masih ada 39 lagi international conventions yang belum ditandatangani oleh Amerika. Ini termasuk International Covenant On Economic, Social and Culture Right, Convention On the Rise of the Child dengan izin, Convention on the Elimination of All Forms Of Discrimination Against Women, lepas itu ada berkenaan dengan managers dan sebagai yang belum ditandatangani oleh Amerika. Jadi bermakna, Amerika sendiri pun tidak sampai ke tahap yang dikehendaki oleh perfection ini, belum sampai. Jadi kalau Amerikalah menjadi negara yang dipandang tinggi oleh pihak pembangkang, saya rasa mereka patut lihat kepada negara mereka sendiri, kerana kita lebih baik.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya bangga dengan menteri yang baru ini. Sebenarnya memang betul, ini rekod dalam tangan kita, ada di sini semua. Saya kata dia inilah sahaja betul, dia hendak menunjukkan bahawa seolah-olah I am the very champion of human right, sayalah paling jaguh mengenai hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemari tadi ini deterring democracy oleh Chomsky, dia penulis yang kritikal mengenai democracy di Amerika. Dia mengatakan dia hendak menjadi champion democracy, okay. Adakah pernah Amerika membiayai operasi ‘covert’ bermakna operasi bawah tanah untuk menghancurkan, mewujudkan politik terrorism di El Salvador. Ini ada tertulis.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*].

The so called champion of democracy membiayai satu operasi bawah tanah untuk mewujudkan politics of terrorism di negara-negara Amerika, Amerika Selatan. Banyak lagi negara yang menjadi mangsa kepada Amerika, dia berdiri mengatakan I am the very champion of democracy - sampai sana tu pembangkang semua terperangkap. Amerika is the very champion of democracy, dengan izin.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*].

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduklah Kepong, tak payah! Saya bagi sahabat saya dari Rompin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Mungkin Yang Berhormat Kepong tak bersetuju, dia mungkin lain daripada yang lain. Itu ada kekosongan jawatan Timbalan Setiausaha Agung itu belum diisi. Saya hendak bertanya tadi Yang Berhormat dari Parit Sulong ada mengatakan peranan Amerika di El Salvador macam suruh orang merusuh, memberontak. Baru-baru ini Naib Presiden dia sendiri berkata, di negara kita. Macam mana pandangan Yang Berhormat dari Parit Sulong tentang perkara ini?. Ini bukan hanya kalau Yang Berhormat kata dia bercakap, hanya berlaku di Amerika, yang sebenarnya dia dah mula di negara kita sendiri. Ini pembangkang tak kata apa, DAP tak kata apa.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Memang, memang betul apa yang ditegaskan oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Rompin, memang waktu Algore datang sini, saya tidak dengar Yang Berhormat dari Kepong buat kenyataan. Mungkin Yang Berhormat dari Kepong skeptical, you baca ini "*Massive campaign of political terrorism in El Salvador conducted with US backing and initiative*" Ini dia. Ini jaguh kepada hak asasi manusia. Ada yang setengah sympathizer dia di belakang hendak dengar orang bercakap, ada yang hantar memorandum.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*].

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu, nanti dulu saya kata, I'll give you. Yang ada hantar memorandum, ini daripada persatuan penyelidikan (IRA) untuk pengguna, dia tidak kenal saya pun dia hantar hendak buat apa. Apa ini, now you tell me.

Dr. Tan Seng Giaw: Okay.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Malaysia baik atau Amerika baik. Cakap! kalau tidak saya tidak bagi peluang bercakap.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak bercakap...

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Now I am holding the floor.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, ya hendak minta jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kalau dia hendak cakap Amerika is the best, tak payahlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat sedar pada bulan Jun saya berada di persidangan antarabangsa di Buenos Aires. Saya ada membangkit masalah Amerika Syarikat yang menolong negara-negara dictator seperti Marcos voicing with the dictator, saya ada sebutkan dengan terus terang di antarabangsa...

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Okaylah.

Dr. Tan Seng Giaw: ...dan tak payah kita bangkit di sini. Tadi pun saya mula dengan Amerika Syarikat yang tidak begitu mempunyai human rights.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ikut saya sahaja, kemudian tuduh kita.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana Kepong membela diri, syabas. Tapi Teluk Intan atau Jelutong mana ada, senyap sahaja, semua senyap. Jadi, sekarang ini pokoknya saya minta rakyat Malaysia khususnya generasi muda NGO-NGO diberi satu persepsi frame work human right yang benar, yang serasi dengan kita. Jangan mereka cuba idolize, cuba idolakan orang-orang, doctrine daripada Amerika, dari luar itulah yang sebaik-baiknya, Malaysia tak guna, negara ini kita punya, bumi ini kita punya, langit ini kita yang terpaksa menjunjung, jangan kita idolakan ideologi pandangan-

pandangan luar untuk menghancurkan negara kita sendiri [*Sorak*]. Itu yang penting.

Seorang Ahli: Jawaplah Kepong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Contoh-contoh yang saya sebutkan tadi cukuplah untuk menunjukkan bahawa kita harus yakin kepada apa yang kita buat. Kita harus yakin kepada hasil permuafakatan Malaysia yang menjelma dalam bentuk doctrine iaitu Perlembagaan Negara yang hari ini kita jadikan asas, sebahagiannya fundamental liberties hak asasi manusia yang dimaktubkan dalam rang undang-undang ini. Itu yang saya hendak.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta supaya diberikan persepsi hak asasi dan kebebasan ini kepada generasi muda Malaysia khususnya supaya tidak wujud apa yang saya katakan bahawa kebebasan hak asasi adalah bersamaan dengan individualism dan juga satu sikap antagonistic, sikap pertembungan, sikap konfrantasi terhadap authority, ini bahaya. Apa yang berlaku di Barat hari ini kerajaan dilihat majoriti dengan sikap yang amat antagonistic, sikap yang amat confrontational. Kita tidak mahu generasi Malaysia ini dia diberi peluang untuk mengkritik, mengecam, tetapi secara positif mereka tidak harus menuntut satu ruang supaya dia bebas menjadi antagonistic, menjadi confrontational membabi buta sebagaimana yang dijelaskan oleh Menteri Luar Negeri tadi sewaktu membentangkan rang undang-undang ini oleh kerana sikap ini amat merbahaya kepada kelangsungan negara kepada survival negara di masa akan datang. Ini amat saya tuntut supaya kita mempunyai sebuah negara yang maju, yang progressive. Mmudah-mudahan di masa akan datang negara yang sanggup untuk berhadapan dengan challenges, cabaran-cabaran globalisasi yang amat mendesak kepada seluruh umat sejagat pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak masukkan di sini adalah, tadi pembangkang mengatakan budaya politik yang negatif dalam negara, budaya politik yang negatif apa dalam negara ini. Saya tidak faham budaya politik, tetapi orang PAS tidak ada. Budaya politik sekarang di negara ini saya

rasa, Malaysia salah satu negara yang lebih baik kalau dibanding dalam region. Kalau kita ambil wilayah ini sahaja, kita bandingkan Thailand, kita bandingkan Singapura, kita bandingkan Indonesia, kita bandingkan Filipina dengan negara kita, adakah kita mempunyai budaya politik yang amat “*bobrok*”, Kepong tahu erti “*bobrok*”? Itu perkataan Jawa “*bobrok*” yang amat busuk, yang amat parah. Adakah kita mempunyai budaya politik yang amat parah atautah kita masih lagi mempunyai budaya politik yang boleh dihormati. Kalau budaya politik negara ini, kalau budaya politik kerajaan pemerintah adalah amat parah, tidak ada pembangkang, we have one party system macam negara jiran kita.

Tadi kita dikatakan belum menandatangani beberapa covenant human rights. Kita lihatlah Singapura, macam mana Singapura, kereta kebalnya pun dibentuk bersama dengan Kerajaan Israel. Amerika pandang sebelah mata terhadap Israel, kalau Amerika pandang mata sebelah kepada Israel boleh tak saya buat satu congakkan bahawa Amerika juga tutup mata sebelah kepada Singapura. Boleh dikatakan. Amerika tutup mata sebelah kepada kerajaan Saudi Arabia, tetapi Amerika tidak hendak tutup mata sebelah kepada Iraq, Amerika tak hendak tutup mata sebelah mengenai Iran, tetapi dia tutup mata sebelah kepada Israel, kerana apa, kerana Amerika dikuasai oleh Israel, oleh Yahudi, economist, politician semua sekali adalah Yahudi. Saya bukan hendak perkauman, tetapi inilah hakikatnya yang berlaku dalam dunia pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu ketika dahulu Republik Rakyat China amat diperangi oleh Amerika Syarikat oleh kerana dia kata tidak melaksanakan ataupun dia mempunyai rekod violation on human rights, dengan izin, yang amat parah - negeri China. Sebab itulah Amerika hendak lanyak negeri China.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berdiri di sebelah China oleh kerana pengalaman China dengan pengalaman kita mungkin dengan pertalian Asian values, kita mungkin boleh bekerjasama, dia kata, “I know what is right for my country”. Kita tahu apa yang baik untuk negara kita, buat apa kamu hendak

bising? Dengan hal itu, maka Amerika pun sudah mula diam mengenai dia punya serangan mengenai non human rights compliance kepada negeri China.

Apabila Perang Vietnam telah menjadi huru hara dan Amerika dituduh oleh seluruh dunia maka Senat Amerika, salah satu Jawatankuasa Senat Amerika, dia kata “We used human rights SPR”. Itu perkataannya. Kalau Yang Berhormat dari Tanjong hendak menuduh human rights digunakan oleh SPR, tuduh Amerika sewaktu dia diancam oleh dunia, oleh kerana aggression dia di dalam Perang Vietnam. Dia menggunakan human rights SPR untuk memperbetulkan image yang telah buruk, dia kata untuk mempertahankan orang-orang yang bebas daripada aggression communist to protect the free people from communist aggression, maka dia masuk ke Vietnam, dia kata atas hak asasi manusia.

Jadi, saya harap kawan-kawan saya macam Kepong ini, kalau hendak cakap mengenai human rights cakaplah apa yang perlu diperbetulkan, jangan bawa perbandingan daripada negara luar, not all those glitters adalah perkara yang menawan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya dengan bangganya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seputeh.

4.15 ptg.

Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini menyentuh beberapa perkara tentang Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia yang dibentangkan sebentar tadi. Perlu diambil perhatian di sini bahawa supremacy of executive di Malaysia sudah lengkap dan berkesan melalui banyak akta-akta Parlimen. Eksekutif ini sering digambarkan oleh media tempatan dan media elektronik sebagai benar dalam sebarang keputusan dan tindakan yang diambilnya. Kita boleh lihat kuasa eksekutif dengan pelaksanaan undang-undang darurat, penahanan tanpa perbicaraan di bawah ISA dan bermacam-macam kuasa yang dilakukan sewenang-

wenangnya di bawah berbagai undang-undang di samping krisis kehakiman tahun 1988 juga memberi sumbangan kepada keruntuhan peranan rule of law.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sekatan kebebasan yang amat memedihkan di Malaysia dengan meluluskan ISA, Peruntukan Kuasa-kuasa Darurat, Artikel 150, Emergency Public Order dan Prevention of Crime Ordinance 1959.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak payahlah. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kita mahu tolong dan puji, bukan kacau.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak apalah. I am going to deliver, okay.

Tuan M. Kulasegaran: Rompin sendiri sekarang berhak.

Tuan Liew Ah Kim:dan Restricted the Resident Ordinance, memberi kuasa mutlak di dalam tangan eksekutif. Undang-undang ini diluluskan adalah mempunyai objektif menindas kuasa kementerian tertentu untuk menangkap sesiapa pun tidak berlandaskan keadilan kehakiman. Kebanyakan undang-undang yang dikuatkuasakan memberi kuasa berlebihan kepada eksekutif dengan tidak terdapat sebarang mekanisme yang menjadi check and balance.

Parlimen disalahgunakan untuk mewujudkan undang-undang baru mengikut selera rakus Barisan Nasional. Adalah sangat malang kerana pihak eksekutif hanya menggunakan kuat kuasa yang diberikan oleh Parlimen untuk menghalalkan apa sahaja tindakan yang menguntungkan kerajaan. Demi memancarkan cahaya keadilan, saya mengalu-alukan pembentangan National Human Rights Commissions Bill di Parlimen. Sejauh mana hak asasi manusia ini berkaitan dengan langkah berani untuk mara ke hadapan, namun pendirian rang undang-undang ini bukanlah sangat memuaskan.

Walau bagaimanapun, sebagai langkah permulaan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini mestilah dibentuk sebagai sebuah badan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan memberikan laporan kepada Parlimen. Ianya juga mestilah

dimasukkan satu clause yang menyebut “that’s any law which is in consistence where the universal principle of human rights shall be void” .

Pertama dan yang penting, saya berpendapat perlantikan ahli-ahli yang menganggotai suruhanjaya ini mestilah bebas dan bukan dikongkong oleh kerajaan terutama yang memegang jawatan pengerusi. Ahli-ahlinya mestilah terdiri dari wakil-wakil kesatuan sekerja, NGO, dewan perniagaan kerajaan, semua parti pembangkang dan lain-lain badan yang sesuai.

Perwakilan semua badan ini mestilah mempunyai hak yang sama. Ini untuk menjamin suruhanjaya berkenaan benar-benar bebas dari bayang-bayang kerajaan bagi memastikan kewibawaannya tidak dipertikaikan. Manakala penubuhan human rights committee ini tidak dianggap sebagai window dressing sahaja.

Kedua, kerajaan mestilah memasukkan semua principle di bawah United Nations Universal Declaration of Human Rights 1948 ke dalam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di mana Deklarasi Bangsa-Bangsa Bersatu itu diterima sebagai hak asasi universal yang seragam.

Justeru, kerajaan tidak wajar mengetepikan Deklarasi Bangsa-Bangsa Bersatu ini di dalam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia ini sekalipun ianya menyakitkan untuk dilaksanakan.

Ketiga, bagi memberi lebih makna kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini maka saya mendesak kerajaan menghapuskan Internal Security Act 1960 (ISA), Official Secrecy Act 1972 (OSA), University and College University Act 1971, Residence Ordinance , Public Order dan Prevention of Crime Ordinance untuk memerangi Komunis kerana undang-undang ini tidak termasuk dalam prinsip-prinsip hak asasi manusia. Undang-undang ini adalah bertentangan dengan nature.

Akta Hasutan 1948, Printing, Presses and Publication Act 1984, Akta Kesatuan Sekerja, Akta Universiti dan Kolej Universiti, Society Act dan Criminal Producer Code perlu dipinda bagi diselaraskan dengan Deklarasi Bangsa-Bangsa

Bersatu. Mereka yang ditangkap masih di dalam soal siasat polis perlu diberi hak secukupnya untuk bagi membanteras salah guna kuasa dan kekerasan polis sudah menjadi pengetahuan umum. Apabila seseorang ditangkap, mereka perlu diberitahu hak-hak bagi menghubungi peguam secara peribadi pada bila-bila masa.

Tuan Yang di-Pertua, hak-hak yang tidak patut diberikan atau dikecualikan ialah kes-kes seperti penderhakaan, penganasan ataupun pemberontakan dan seumpamanya. Menghubungi peguam boleh dilakukan secara memanggil melalui telefon ataupun dengan bertulis. Permintaan seperti ini mesti dibenarkan secepat mungkin seperti keperluan dalam sebarang kes yang ditangkap dalam tempoh 24 jam, dari waktu mereka ditangkap dan bukan setelah dibawa ke Balai Polis. Selepas seseorang meminta nasihat perundangan, beliau tidak boleh lagi diwawancara ataupun disoal siasat setelah kehadiran peguamnya. Dengan adanya perlindungan di dalam Criminal Procedure Code, pernyataan sukarela yang diperolehi polis melalui ugutan, kekerasan atau kekasaran dan pujukkan boleh dielakkan. Apabila seseorang ditahan mereka mesti diberitahu, satu, sebab-sebab ditangkap, dua, hak mendapatkan seseorang yang boleh memberitahu bahawa beliau ditangkap atau ditahan, dan ketiga, hak mendapatkan khidmat penasihat perundangan.

Saya menerima bahawa pihak eksekutif perlu dibenarkan mempunyai kuasa-kuasa substantial untuk melaksanakan pentadbiran tetapi bukan membiarkannya mengambil semua hak asasi bagi menyuarakan pendapat yang tidak sehaluan dengan eksekutif. Pihak eksekutif perlu menimbangkan sebarang pandangan yang disampaikan oleh pihak pembangkang, NGO dan orang ramai yang boleh memberi feedback kepada pihak eksekutif untuk memperbaiki pentadbiran demi kebaikan kepada negara.

Justeru itu, saya menyeru kerajaan mengambil perhatian terhadap enactment bill ini dan mari kita melihat jauh ke hadapan, ke arah sebuah masyarakat yang selaras dengan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Jawapan Lisan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kepada soalan saya yang dikemukakan pada 12 Julai 1999, menyebut jumlah permohonan bagi menubuhkan parti-parti politik dalam tempoh 1995 hingga 30 Jun 1999 adalah sebanyak 22 buah dan daripada jumlah itu hanya satu parti politik telah diluluskan. Manakala 10 buah permohonan telah ditolak dan bakinya masih lagi dalam pertimbangan Pendaftar Pertubuhan. Bagi memastikan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia benar-benar ikhlas diwujudkan maka kerajaan tidak perlu banyak berdalih sebaliknya mempercepatkan kelulusan menubuhkan parti-parti politik sebagai landasan kepada kebebasan bersuara. Adalah menghairankan bagaimana daripada jumlah 22 buah permohonan, hanya satu sahaja diluluskan dalam tempoh empat tahun yang lalu, manakala 10 buah lagi ditolak dengan tidak memberikan sebab-sebab khusus.

Tuan Yang di-Pertua, selepas 42 tahun merdeka, kerajaan baru mengemukakan Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia ke Parlimen sekalipun agak terlambat setelah berlakunya berbagai pencabulan kemanusiaan yang keterlaluan termasuk pengakuan Tan Sri Rahim Noor bekas Ketua Polis Negara, membelasah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Anwar Ibrahim, bekas Timbalan Perdana Menteri ketika dalam tahanan polis di Bukit Aman.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Tak boleh, tak bolehlah, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Ianya bukan sahaja memalukan kerajaan malah meletakkan negara dan rakyat Malaysia begitu aib kepada masyarakat dunia. Malaysia bolehlah dianggap setaraf dengan pemerintah primitif apabila pencabulan hak asasi manusia tidak dibendung.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita berbicara mengenai penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini, jangan abaikan tentang pemilikan tanah, pendidikan dan kebebasan berpersatuan. Rakyat berhak memiliki tanah sama ada setingan, penoreh getah di estet-estet mahupun golongan petani. Mereka sering

menjadi mangsa kepada pemaju-pemaju perumahan apabila kerajaan meluluskan Akta Pengambilbalik Tanah yang bertentangan dengan hak asasi manusia. Apakah maknanya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini dijadikan pameran semata-mata kalau beratus-ratus penduduk setingan di Sungai Nipah, Batu 3. Selangor terus menjadi penumpang di tanah air sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya menyokong Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia ini dengan memberi amaran bahawa ianya mestilah menjadi penting bagi melindungi hak asasi rakyat Malaysia dan bukan menjadi barang permainan Barisan Nasional untuk mengaburi mata dunia. Suruhanjaya ini mestilah memastikan hak asasi manusia dihormati dan dipertahankan supaya Malaysia dilakar dalam peta dunia sebagai negara yang menghormati dan mempertahankan hak asasi manusia.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

4.31 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia ini dan juga setelah mendengar Yang Berhormat dari Kota Tinggi, saya mempunyai beberapa komen walaupun saya tidak akan mengambil masa yang begitu panjang berbanding dengan Yang Berhormat dari Tanjong.

Di sini kita perlu tahu di Filipina, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia telah pun diadakan sejak tahun 1987. Mungkin di Thailand akan diadakan lebih lewat daripada Malaysia dan mungkin akhir tahun ini. Ini bermakna negara di rantau ini sedang bersiap sedia untuk mengadakan suruhanjaya hak asasi manusia. Mungkin pihak Malaysia tidak mahu ketinggalan. Walau bagaimanapun, apakah tujuan untuk mengadakan suruhanjaya seumpama ini pada masa ini, memang ada yang mengatakan kerana kita hendak menghadapi pilihan raya dan hendak tunjukkan kerajaan begitu baik dan sebagainya. Walau bagaimanapun, saya berharap rang undang-undang ini setelah diluluskan boleh memberi peluang kepada pihak

kerajaan untuk menunjukkan keikhlasan, kejujuran dan sikap komitednya terhadap hak asasi di Malaysia.

Saya suka jugalah kerana Yang Berhormat tadi ada sebutkan perlu kita adakan dignity dan juga charity dan sensitivity begin at home. Itu memang sedap kita dengar bila kita sebutkan charity, dignity dan sensitivity dan sebab itulah saya berharap, yang pertama kita mesti selepas kita tandatangi dan rectify yang mengesahkan yang enam suratcara antarabangsa, ada tinggal 19 lagi, ada 25 dan di sinilah kita tidak mahu tinggal seperti Amerika Syarikat yang tidak mengesahkan suratcara ini dan saya mencadangkan supaya pihak kerajaan benar-benar mengkaji semua baki 19 suratcara termasuk diskriminasi terhadap wanita supaya kita dapat mengesahkan suratcara antarabangsa ini. Itu belum disahkan lagi, not quite rectified. Nampaknya Yang Berhormat dari Kota Tinggi ketinggalan zaman sekarang. *[Ketawa]*

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Wanita daripada DAP, ada yang jadi wakil rakyat? Ada?

Dr. Tan Seng Giaw: Sekarang ada dua ADUN di Selangor, satu wanita, satu lelaki. Jadi, dari segi Selangor itu sudah 50%. *[Ketawa]* Sebab Yang Berhormat tanya.

Jadi, itulah saya mencadangkan supaya kita dengan cepat mengkaji dan seterusnya kalau boleh kita mengesahkan menerima baki 19 surat cara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya bangkitkan mengenai nilai-nilai hak manusia ini. Kalau kita ikut rang undang-undang ini hanya berdasarkan kepada hak asasi yang termaktub di dalam Perlembagaan kita daripada Perkara 5 sampai Perkara 13 iaitu 9 perkara. Itupun bukan semua yang merangkumi nilai-nilai hak asasi. Slavery sekarang sudah tidak ada, di Malaysia mungkin sudah tidak ada, forced labor pun sudah tidak ada sekarang, buruh paksa. Ada lagi? Kalau ada lagi ini memang menunjukkan kegagalan kerajaan.

Tetapi bagi pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita berteraskan kepada sembilan perkara yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan

sahaja tidak mencukupi, memang tidak mencukupi. Walaupun saya tidak begitu seronok untuk memirip kepada Amerika Syarikat kerana ini bukan satu negara yang mempunyai rekod hak asasi yang baik, bukan. Sehingga sekarang ada yang banyak menunjukkan kekurangan hak asasi di Amerika Syarikat. Tetapi ini tidak bermakna semua yang mereka buat itu salah, bukan.

Baru-baru ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Mei dan Jun di Forum Antarabangsa saya pun ada bangkitkan masalah Amerika Syarikat yang tidak benar-benar memegang kepada prinsip hak-hak asasi manusia, misalnya dalam tempoh 20 tahun, enam kerajaan di Amerika menyokong diktator Marcos yang merompak negara Filipina sehingga US\$10 billion, 20 tahun yang lalu.

Begitu dahsyatnya perompak Marcos di Filipina dan ini disokong oleh Amerika Syarikat dan ini menunjukkan sikap Amerika Syarikat adalah double-standard. Bukan sahaja dengan Marcos bahkan dengan rejim-rejim yang lain yang tidak berdemokratik dan tidak memelihara hak-hak asasi manusia. Jangan menuduh pihak kami lagi yang sokong Amerika Syarikat, ini bukan sokong atau tidak sokong. Tetapi ini tidak bermakna konsep yang diterima di Amerika Syarikat itu semuanya salah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong, sedangkan kita menerima bahawa tidak semua yang dilakukan oleh Amerika Syarikat itu salah, begitu juga apa yang dilakukan oleh Malaysia juga tidak salah sebagaimana yang digambarkan oleh Tanjong. Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan yang kita buat semua salah di dalam negara kita, jadi kita perlu mengikut apa yang terkandung di dalam deklarasi itu. Tapi nampak Yang Berhormat lain sikit pandangannya.

Dr. Tan Seng Giau: Yang Berhormat dari Tanjong tidak mengatakan seratus peratus salah. Dia petik yang salah sahaja. Jadi kita pun boleh buat tafsiran, Yang Berhormat dari Kota Tinggi itu ada yang baik juga dan kadangkala

ada yang salah juga, kerana ini bukan insan yang kamil. Ada yang betul dan ada yang salah, saya pun kadangkala ada melakukan kesalahan juga.

Seorang Ahli: Banyak salah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya berharap bukanlah begitu banyak, kalau banyak saya minta maaf. *[Ketawa]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dia mengakukan dia pun ada melakukan yang salah. Adakah saudara mahu mengatakan Ketua Pembangkang tadi, ketua parti saudara juga tadi salah? Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dia bukan 100% betul. Kadangkala ada tidak betul juga. Ini bukan insan yang kamil juga. Tapi bukan semua yang dia cakap itu salah, semua salah? Hah! macam mana ni? Ini double standard juga, double standard juga ini.

Tuan Yang di-Pertua, ...*[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya teruskan. Saya berharaplah bukan sahaja kita menumpukan kepada prinsip-prinsip yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan sahaja sebab sangat terhad kepada sembilan perkara, itu pun dengan slavery pun sudah tidak ada di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada masalah nilai-nilai hak asasi. Ini bermula, hendak memberi peringatan kepada Parit yang Sulong ini. Ini bermula daripada 2500 ataupun 3000 tahun yang lepas bukan sahaja di Athens, Yunani bahkan juga di lain-lain tempat, di India, di China. Kalau kita baca Confucius pun dia ada nilai-nilai hak asasi manusia, Socrates pun ada dan banyak di dalam agama Islam pun ada, Kristian, Buddha, semua ada nilai-nilai hak-hak asasi manusia. Kalau kita kumpul semua, jadi satu deklarasi hak asasi daripada semua agama. Jangan kita kata kita tidak boleh terima nilai-nilai sejagat ini, memang boleh terima.

Saya berharap nilai-nilai sejagat hak asasi ini daripada semua dengan lebih luas skop dan perspektifnya dan dimasukkan di dalam rang undang-undang ini apabila dipinda kelak, semua ini dimasukkan, hari ini tidak boleh dipinda. Saya...

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak bercakap tadi yang kita tidak terima nilai sejagat. Yang kita kata, kita tidak terima kepada standardization, kita terima kepada dominasi nilai, lain untuk nilai negara kita. Kita mempunyai proses yang mesti mengambil kira nilai-nilai tempatan dan perkembangan tempatan, itu Yang Berhormat. Dalam peruntukan 4(1) ini pun kita ada menyebut bahawa kita juga akan mengambil kira pengisytiharan hak asasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Dr. Tan Seng Giaw: Oo! Akan mengambil kiralah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kita akan mengambil kira.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi kalau ikut Yang Berhormat dari Parit Sulong, dia kata tidak langsung, tak mahu terima langsung. *[Ketawa]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, inilah dia, putar belit dah. Baru berapa minit saya bercakap, dia kata, saya kata tak betul. Saya kata, kita tidak payah mengatakan kita ambil daripada sini, kita ambil daripada sini. Kita memahami segala nilai yang baik itu universal. Nilai yang baik itu very universal. Jadi, bukan saya mengatakan ini tidak betul dan segala nilai yang baik itu juga termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Adakah ini mengatakan kita tidak universal? Itu yang saya katakan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya ada perbezaan pendapat dengan Yang Berhormat dari Parit Sulong. Tadi kita kata dengan Perlembagaan Persekutuan hanya ada sembilan perkara yang kena mengena dengan hak asasi sahaja. Ini di dalam sembilan perkara itu pun slavery dan force labor pun tidak ada dah di negara. Bukan semua nilai yang termaktub di dalam Perlembagaan. Yang Berhormat, ini salah tafsirlah.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat mengetahui atau tidak berkenaan dengan definisi hak asasi sebagaimana yang terkandung di dalam civil dan political rights. Kalau kita tengok the right to life, liberty dan security, dengan izin, dan tidak boleh didiskriminasikan berasaskan kaum, warna, seks, bahasa, agama, social class atau political opinion. Itu semua terkandung di dalam Artikel 5 sampai 13 dalam Perlembagaan kita. Ini adalah perkara human rights yang termasuk dalam civil and political liberty yang sememangnya sudah terkandung dalam Perlembagaan kita. Soalnya ialah bagaimana kita mengamalkan segala ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah ini bermakna Yang Berhormat dari Kota Tinggi mengakui bahawa ada banyak kelemahan sekarang di dalam ramalannya?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya mengatakan Yang Berhormat, kita tidak perlu mengatakan bahawa kita perlu ikut apa yang ditulis dalam teori tetapi amalan kita sebenarnya menunjukkan wujudnya hak asasi di dalam negara kita.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha! baik, baik. Kalau itu yang ditekankan oleh Yang Berhormat dari Kota Tinggi, saya akan mencadangkan supaya kita ada kajian yang menyeluruh mengenai semua aspek hak asasi di negara ini, buat satu kajian semua aspek dan kalau ini kita hendak adakan definisi Malaysia, boleh. Definisi Malaysia dan kita buat satu kajian.

Kalau hendak secara menyeluruh, saya mencadangkan bukan sahaja kita adakan di Dewan yang mulia ini, selepas ini kita buat satu kajian dan pergi ke seluruh negara, seluruh lapisan masyarakat untuk mengetahui setakat mana hak asasi dapat diamalkan dengan baik, kalau tidak baik lagi, macam mana kita boleh melaksanakan dengan lebih baik di negara ini di seluruh lapisan masyarakat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan. Saya tengok Yang Berhormat bercakap walaupun saya tidak ada halangan daripada segi keseluruhannya tetapi dia jelas sekali tidak baca rang undang-undang ini. Sebab dalam rang undang-undang ini menyebut “memupuk

kesedaran dan menyediakan pendidikan”. Lepas itu kita kata, “memupuk kesedaran dan mengadakan penyelidikan dengan mengendalikan” - mengadakan penyelidikan.

Jadi, kita akan buat itu semua untuk mencapai ...

Dr. Tan Seng Giaw: Akan buat, selepas ini ...

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:selepas masuk di dalam apabila kuasa diberi.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik, saya tahu, fungsi dia itu ada beberapa fungsi tetapi cadangan saya, kita buat sekarang. Kalau kita boleh adakan satu jawatankuasa dan pergi ke seluruh negara untuk mengutip pendapat daripada semua lapisan masyarakat mengenai hak asasi dan kemudian cuba buat kajian, setakat mana kita dapat mengamalkan prinsip hak asasi yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak buat komen sedikit mengenai apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong kerana dia kata Universal Declaration of Human Rights, kita di dalam DAP itu 100% menerima dan ini pun diterima ataupun digubalkan pada Disember 10, 1948. Ini semua ini sudah karut dah, tak boleh pakai. Bukan semua tidak boleh pakai.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kepong ini fikirannya jumud sikit. Saya cakap tadi, di dalam ucapan Ketua Pembangkang, ahli dari Tanjong, dia punya rujukan kepada Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat itu berpuluh-puluh kali. Saya tidak kata benda ini semua jumud, semua ini telah obsolete ataupun kuno, tidak. Saya mengatakan ada setengahnya relevan kepada negara kita tapi mungkin sebilangan besarnya tidak relevan kepada negara kita.

Jadi bermakna maksud saya, bahawa tidak perlu kita menceduk 100% daripada itu dibawa ke sini baru you hendak terima bahawa benda ini betul. Itu yang saya maksudkan. Maksud saya bahawa jangan oleh kerana kita tidak menceduk sepenuhnya daripada Universal Declaration of Human Rights maka dituduh bahawa rang undang-undang ini inferior, bermakna tidak berkesan dan

tidak boleh menjamin kepada pengawalseliaan human rights practices, dengan izin, di dalam negara kita, itu yang saya maksudkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat dari Parit Sulong sedar bahawa kalau nilai-nilai sejagat macam mana tidak boleh terima? Kalau nilai-nilai sejagat yang terkandung di dalam Universal Declaration of Human Rights, itu pun tidak boleh terima 100%, nilai-nilai sejagat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat dari Kepong dan saya bersetuju bahawa prinsip-prinsip yang kita cuba perbincangkan hari ini telah menerusi proses revolusi yang panjang, okay. Pada masa yang sama mana-mana negara mesti diizinkan untuk menentukan keutamaan masing-masing dahulu. Mana yang hendak kita dahulukan, mana yang hendak kita kemudiakan. Itu sahaja, maksudnya bukan kita tidak menerima sepenuhnya tetapi keutamaan Malaysia pada hari ini menuntut kepada satu aspek yang lebih mendesak daripada perkara yang kurang mendesak, itu maksud saya.

Jadi, janganlah kalau kita mungkin terlambat membuat sesuatu perkara yang mungkin dimaktubkan dalam deklarasi hak-hak asasi manusia, maka kita dituduh sebagai melanggar, mencerobohi atau perkataan Yang Berhormat mencabul hak-hak asasi manusia. Tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong, sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya akan teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya nilai-nilai ini bermula 2,500 atau 3,000 tahun yang lalu, kemudian dibangkitkan dari semasa ke semasa sehingga yang pertama kali diisytiharkan di Parlimen Perancis pada Revolusi Perancis 300 tahun yang lepas dan kemudian selepas lebih 200 tahun barulah diisytiharkan sebagai Universal Declaration of Human Rights.

Ini bermakna nilai-nilai sejagat boleh terima cuma butiran mungkin kita mesti sesuaikan dengan negara-negara masing-masing seperti sejarah, kebudayaan dan sebagainya mesti diambil kira. Saya bersetuju kita tidak boleh 100% mengikut

orang lain kerana sejarah, kebudayaan dan keadaan di negara ini tidak serupa dengan negara yang lain. Begitu juga dengan negara China, negara Indonesia dan lain-lain.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan satu perkara lagi iaitu mengenai kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga menteri lain termasuk Yang Berhormat dari Merbok pernah pada dua tahun yang lepas mengatakan apa yang berada di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu termasuk Universal Declaration of Human Rights tidak sesuai dengan masa sekarang sebab semenjak ditubuhkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu lebih 50 tahun, keadaan di dunia sudah berubah. Tidak sama seperti 50 tahun yang lepas, keadaan di dunia ini memang sudah berubah. Tetapi kalau kerajaan tidak boleh terima apa yang disebutkan sebagai ketinggalan zaman di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan mengadakan alternatif misalnya apakah pada keseluruhannya yang dianggap sesuai oleh pihak Malaysia. Kita buat seperti Universal Declaration of Human Rights. Kita buat apa yang Malaysia anggap sesuai bagi negara ini ataupun bagi rantau Asia, membuat secara menyeluruh, dan Malaysia menghantarkan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk menunjukkan kepada dunia, ini sekian-sekian tidak sesuai lagi untuk PBB dan kita di Malaysia, Kerajaan Malaysia mengemukakan satu, dua, tiga untuk diterima oleh Badan Dunia ini.

Itu cara yang paling baik, bermula dengan hak-hak asasi manusia. Itu cadangan saya dan pihak kerajaan buat. Saya percaya, kerajaan mampu untuk mengeluarkan satu Declaration of Human Rights oleh Malaysia sendiri. Itu satu cara yang paling baik menunjukkan kejujuran, keikhlasan dan begitu 'committed'nya Malaysia di dalam hal hak-hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat dari Tanjong telah menyentuh banyak perkara mengenai masalah ini, saya tidak akan panjangkan. Tadi saya ada membangkitkan beberapa perkara termasuk keperluan kita ada satu kajian dan Yang Berhormat dari Kota Tinggi pun bersetuju. Kita hendak melalui

satu fungsi rang undang-undang untuk menubuhkan Suruhanjaya. Satu fungsi hendak membuat penyelidikan dan sebagainya dan melalui fungsi ini kita boleh mengadakan kutipan pendapat di seluruh negara untuk mengetahui pendapat setakat mana pengamalan hak-hak asasi di Malaysia berjaya ataupun tidak berjaya di negara ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan dapat menerima cadangan saya supaya Kerajaan Malaysia mengadakan Declaration of Human Rights sendiri untuk dikemukakan kepada PBB dan seterusnya kita buat untuk semua termasuk ekonomi dan sebagainya untuk menunjukkan bahawa pihak PBB sudah ketinggalan zaman dan kita di Malaysia secocok dengan zaman semasa. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar.

4.56 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mengambil masa yang panjang atau tidak?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau tengok material yang ada di hadapan saya ini Tuan Yang di-Pertua, banyak juga. Tetapi tidak tahu berapa lama saya boleh habiskan dan semoga habis cepat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang saya untuk bercakap. Saya ingin juga menyembat tirai sejarah negara kita berhubung dengan persoalan human rights. Tadi, banyak juga diperkatakan persoalan bilakah human rights ini dimulakan dan mengapa? Yang Berhormat dari Kepong menyebutkan zaman Yunani, Socrates, Pluto dan sebagainya. Yang Berhormat dari Parit Sulong juga menyebutkan Thomas Jefferson, Presiden Amerika yang mula-mula, juga di England umpamanya Mic Nacata on the human rights. Banyak undang-undang ini telah

menunjukkan iaitu pergerakan (movement) negara-negara tertentu menunjukkan human rights.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi disebaliknya saya juga menerima hakikat iaitu sepanjang pelaksanaan mana-mana bill of human rights issue ini, banyak mulut yang menyebut hak-hak asasi ini jugalah mulut yang hipokrit, mulut yang tidak betul-betul menegakkan apa yang mereka kata. Di zaman Pluto ataupun Socrates banyak bangsa Spain dan bangsa lain di Greek telah diperhambakan. Dalam masa yang sama mereka mengatakan iaitu kebebasan untuk semua dan demokrasi, maknanya demokrasi tidak termasuk hamba abdi yang ditawan semasa peperangan pada ketika itu. Begitu juga apabila berlaku perhambaan di Amerika, Thomas Jefferson, disemadikan di satu tugu yang besar menjadi satu lambang kemerdekaan bangsa manusia di negara tersebut. Tetapi dalam masa yang sama Thomas Jefferson sendiri bukanlah abolitionist, beliau sendiri masih menerima hakikat iaitu hamba abdi masih diterima oleh keluarganya pada ketika itu walaupun ada pergerakan menunjukkan kita tidak hendak lagi hamba abdi ini. Tuan Yang di-Pertua, maknanya orang yang bersuara seperti Yang Berhormat dari Tanjong tadi mungkin juga seperti Thomas Jefferson. Bersuara besar, bersuara nyaring tetapi kemungkinan ada hipokrasi sebaliknya. Jadi di negara kita, Tuan Yang di-Pertua, kita menerima hakikat semenjak negara kita merdeka, bermula daripada kemerdekaan Tanah Melayu pada ketika itu, kita di dalam naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, maknanya Deklarasi Human Rights 1948 telah dilaksanakan. Negara-negara yang wujud pada ketika itu telah menerima deklarasi tersebut sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Menteri tadi iaitu Deklarasi Human Rights itu diterima pakai pada ketika itu. Apabila Perlembagaan Malaysia dibuat oleh satu suruhanjaya dan suruhanjaya itu juga telah menyerap hampir ke semuanya 30 artikel Deklarasi Human Rights 1948 masuk ke dalam Perlembagaan Malaysia.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong dan saya bersetuju bahawa prinsip-prinsip yang kita cuba

perbincangkan hari ini telah menerusi proses revolusi yang panjang, okay. Pada masa yang sama, mana-mana negara mesti diizinkan untuk menentukan keutamaan masing-masing dahulu. Mana yang hendak kita dahulukan, mana yang hendak kita kemudikan. Itu sahaja, maksudnya bukan kita tidak menerima sepenuhnya tetapi keutamaan Malaysia pada hari ini menuntut kepada satu aspek yang lebih mendesak daripada perkara yang kurang mendesak, itu maksud saya.

Jadi, janganlah kalau kita mungkin terlambat membuat sesuatu perkara yang mungkin dimaktubkan dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia, maka kita dituduh sebagai melanggar, mencero bohi atau perkataan Yang Berhormat mencabul hak-hak asasi manusia. Tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong, sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya akan teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya nilai-nilai ini bermula 2500 atau 3000 tahun yang lalu, kemudian dibangkitkan dari semasa ke semasa sehingga yang pertama kali diisytiharkan di Parlimen Perancis pada Revolusi Perancis 300 tahun yang lepas dan kemudian selepas lebih 200 tahun barulah diisytiharkan sebagai Universal Declaration of Human Rights.

Ini bermakna nilai-nilai sejagat boleh terima cuma butiran mungkin kita mesti sesuaikan dengan negara masing-masing seperti sejarah, kebudayaan dan sebagainya mesti diambil kira. Saya bersetuju kita tidak boleh 100% mengikut orang lain kerana sejarah, kebudayaan dan keadaan di negara ini tidak serupa dengan negara yang lain. Begitu juga dengan negara China, negara Indonesia dan lain-lain.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan satu perkara lagi iaitu mengenai kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga menteri lain termasuk Yang Berhormat dari Merbok pernah pada dua tahun yang lepas mengatakan apa yang berada di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu termasuk Universal Declaration of Human Rights tidak sesuai dengan masa sekarang sebab semenjak ditubuhkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu lebih 50

tahun, keadaan di dunia sudah berubah, tidak sama seperti 50 tahun yang lepas. Keadaan di dunia ini memang sudah berubah tetapi kalau kerajaan tidak boleh terima apa yang disebutkan sebagai ketinggalan zaman di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan mengadakan alternatif misalnya apakah pada keseluruhannya yang dianggap sesuai oleh pihak Malaysia. Kita buatlah seperti Universal Declaration of Human Rights. Kita buat apa yang Malaysia anggap sesuai bagi negara ini ataupun bagi rantau Asia, buat secara menyeluruh dan Malaysia hantar ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk menunjukkan kepada dunia, ini sekian-sekian tidak sesuai lagi untuk PBB dan kita di Malaysia, Kerajaan Malaysia mengemukakan satu, dua, tiga untuk diterima oleh Badan Dunia ini.

Itu cara yang paling baik, bermula dengan itu hak-hak asasi manusia. Itu cadangan saya dan pihak kerajaan buat. Saya percaya, kerajaan mampu untuk mengeluarkan satu Declaration of Human Rights oleh Malaysia sendiri. Itu cara yang paling baik menunjukkan kejujuran, keikhlasan dan begitu 'committed'nya Malaysia di dalam hal hak-hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat dari Tanjong telah menyentuh banyak perkara mengenai masalah ini, saya tidak akan panjangkan. Tuan Yang di-Pertua, saya ada membangkitkan beberapa perkara termasuk keperluan kita dengan satu kajian dan Yang Berhormat dari Kota Tinggi pun bersetuju. Kita hendak melalui satu fungsi rang undang-undang untuk menubuhkan suruhanjaya. Satu fungsi hendak membuat penyelidikan dan sebagainya dan melalui fungsi ini kita boleh mengadakan kutipan pendapat di seluruh negara untuk mengetahui pendapat setakat mana pengamalan hak-hak asasi di Malaysia berjaya ataupun tidak berjaya di negara ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan dapat menerima cadangan saya supaya Kerajaan Malaysia mengadakan Declaration of Human Rights sendiri untuk dikemukakan kepada PBB dan seterusnya kita buat untuk

semua termasuk ekonomi dan sebagainya untuk menunjukkan bahawa pihak PBB sudah ketinggalan zaman dan kita di Malaysia secocok dengan zaman semasa.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar.

4.56 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mengambil masa yang panjang atau tidak?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau tengok material yang ada di hadapan saya ini Tuan Yang di-Pertua, banyak juga. Tetapi tidak tahu berapa lama saya boleh habiskan dan semoga habis cepat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang saya untuk bercakap. Saya ingin juga membuka tirai sejarah negara kita berhubung dengan persoalan human rights. Tadi, banyak juga diperkatakan persoalan bilakah human rights ini dimulakan dan mengapa? Yang Berhormat dari Kepong menyebutkan zaman Yunani, Socrates, Pluto dan sebagainya. Yang Berhormat dari Parit Sulong juga menyebutkan Thomas Jefferson, Presiden Amerika yang mula-mula, juga di England umpamanya Mick Nacata on the human rights. Banyak undang-undang ini telah menunjukkan iaitu pergerakan (movement) negara-negara tertentu menunjukkan human rights.

Tuan Yang di-Pertua, di sebaliknya saya juga menerima hakikat iaitu sepanjang pelaksanaan mana-mana bill of right ataupun human rights issue ini, banyak mulut yang menyebut hak-hak asasi ini jugalah mulut yang hipokrit, mulut yang tidak betul-betul menegakkan apa yang mereka kata. Di zaman Plato ataupun Socrates banyak bangsa Span dan bangsa lain di Greek telah diperhambakan. Dalam masa yang sama ia mengatakan iaitu kebebasan untuk

semua dan demokrasi, maknanya demokrasi tidak termasuk hamba abdi yang ditawan semasa peperangan pada ketika itu. Begitu juga apabila di Amerika berlaku bila Thomas Jefferson disemadikan di satu tugu yang besar menjadi satu lambang kemerdekaan bangsa manusia di negara tersebut. Tetapi dalam masa yang sama Thomas Jefferson sendiri bukanlah epiloguesnis, beliau sendiri masih menerima hakikat iaitu hamba abdi masih diterima oleh keluarganya. Pada ketika itu walaupun ada pergerakan menunjukkan kita tidak hendak lagi hamba abdi ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, maknanya orang yang bersuara seperti Yang Berhormat dari Tanjong tadi mungkin juga seperti Thomas Jefferson. Bersuara besar, bersuara nyaring tetapi kemungkinan ada hipokrasi sebaliknya.

Di negara kita Tuan Yang di-Pertua, kita menerima hakikat semenjak negara kita merdeka, bermula daripada kemerdekaan Tanah Melayu. Pada ketika itu, kita telah di dalam naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, maknanya deklarasi human rights pada 1948 telah dilaksanakan. Negara-negara yang wujud pada ketika itu telah menerima deklarasi tersebut sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Menteri tadi iaitu deklarasi human rights itu diterima pakai pada ketika itu. Tuan Yang di-Pertua, apabila Perlembagaan Malaysia dibuat oleh satu suruhanjaya dan suruhanjaya itu juga telah menyerap hampir kesemuanya 30 Artikel deklarasi human rights 1948 masuk ke dalam Perlembagaan Malaysia.

Tetapi sebagaimana yang telah saya sebutkan, pada ketika itu, bahkan semua negara sebelum tahun 1948, semua hak-hak asasi ini adalah tugas dan tanggungjawab negara itu sendiri, bukan satu perkara global, bukan ada undang-undang yang tertentu secara global, bahkan undang-undang Public International Law, dengan izin,, pada ketika itu tidak memberi peruntukan yang khusus untuk menjaga hak asasi manusia. Jadi, hanya selepas Deklarasi 1948, ia menjadi satu perkara global. Dan begitulah di negara kita apabila Perlembagaan dibuat, perkara ini memang ditekan khusus oleh pengerusi suruhanjaya tersebut iaitu Lord Reid.

Saya juga ingin membaca macam Yang Berhormat dari Tanjong tadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Lord Reid, Reid Commission yang menggubalkan undang-undang kita, Perlembagaan kita pada ketika itu. Katanya, *“A Federal constitution defines and guarantees the rights of the Federation and the States: it is usual and in our opinion right that it should also define and guarantee certain fundamental individual rights which are generally regarded as essential conditions for a free and democratic way of life. The rights which we recommend should be defined and guaranteed are all firmly established now throughout Malaya and it may seem unnecessary to give special protection in the Constitution. But we have found in certain quarters vague apprehension about the future. We believe such apprehensions to be unfounded, but there can be no objection to guaranteeing these rights subject to limited exceptions in conditions of emergency and we recommend that this should be done. Any guarantee with regard to such matters would be illusory because it would be unenforceable in law and would have to be in such general terms as to give no real security. Moreover we do not think that it is either right or practicable to attempt to limit developments of public opinion on political, social and economic policy. Our recommendations afford means of redress, readily available to individual against unlawful infringements of personal liberty in any of its aspects.”*

Jadi, dengan perkataan yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, terguballah Artikel 5 sehingga Artikel 13. Jadi, ada juga perkara-perkara yang pada ketika itu

tidak wujud lagi di Malaya iaitu soalan hamba abdi, forced labour dan sebagainya. Yang Berhormat dari Kepong juga obviously tahu sedikit cerita ini. Tetapi yang satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, apabila Declaration of Human Rights pada 10 Disember 1948 yang dibuat, yang mempengaruhi pada ketika itu ialah Eleanor Roosevelt. Dia mengatakan iaitu deklarasi human rights adalah bukan funding kepada mana-mana negara tetapi adalah satu standard yang boleh diterima pakai ataupun dicapai oleh sesebuah negara untuk semua negara dan semua orang.

Maknanya, Tuan Yang di-Pertua, perkataan Eleanor Roosevelt itu ialah untuk menetapkan apabila negara itu mencapai satu peringkat pembangunan dari segi ekonomi dan politiknya, peringkat itulah penerimaan pakai deklarasi human rights. Walaupun semua negara yang subscribe kepada United Nations pada ketika itu, dia perlu mematuhi semua Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu. Jadi, saya tidak melihat perkara ini menjadi satu masalah kepada pihak pembangkang.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apabila negara kita membentuk satu Perlembagaan selepas kemerdekaan Malaysia pada tahun 1948, Artikel ini juga yang telah diguna pakai untuk Perlembagaan Malaysia dan menjadi constitution ataupun Perlembagaan Malaysia merdeka. Jadi, ini juga mengandungi semua peruntukan yang menentukan iaitu penjagaan hak asasi manusia di negara ini telah disemadikan pada ketika itu. Tetapi, apa perbezaannya, Tuan Yang di-Pertua, ialah hak asasi manusia di negara kita ialah berlandaskan undang-undang ataupun terhad dan ada batasan daripada segi undang-undang.

Dan batasan ini mesti kita terima kerana lagi satu soalan interpretasi, kalau kita lihat nilai-nilai yang telah disebutkan dalam Deklarasi 1948, memang kita tidak boleh mengatakannya tidak boleh dipakai. Nilai-nilai sejagat ini memang baik dan memang boleh diguna pakai tetapi kadang-kadang interpretasinya begitu jauh, begitu meluas, begitu tidak boleh diterima oleh semua hamba Allah dalam dunia ini. Bukan semuanya boleh dipakai.

Tuan Yang di-Pertua, umpamanya kalau kita katakan bebas, pergaulan yang bebas dan sebagainya tetapi ada batasan-batasan yang tertentu kepada

manusia di mana-mana negara, umpamanya di negara Islam, kita tidak boleh menerima soal orang kahwin sesama jenis. Kita tidak boleh menerima persoalan homoseksual dan sebagainya. Dan banyak perkara, had dan batasan ini kena kita perhatikan juga dan kita tidak boleh terima pakai. Jadi, bukanlah maknanya kita tidak menerima deklarasi human rights tetapi apa yang kita tidak terima ialah yang mereka ini memberi satu interpretasi nilai itu begitu luas sangat yang mungkin pada dahulunya, pada tahun 1948, Eleanor Roosevelt sendiri pun tidak menerima kerana berlandaskan latar belakang Protestantism ataupun Roman Catholic, mereka pada zaman itu tidak menerima yang umpamanya, abortion tidak boleh dan macam-macam lagi. Tuan Yang di-Pertua, kahwin sesama jenis tidak boleh, semuanya tetapi apabila musim berubah, keadaan berubah, nilai-nilai Amerika dan negara Barat telah menerima pakai bahkan daripada segi agama juga berubah.

Umpamanya, ada agama yang mengatakan iaitu seseorang perempuan itu tidak boleh menjadi priest tetapi pada dekad yang ke-90 ini telah dibolehkan. Jadi, ini juga berubah. Nilai mereka berubah tetapi kita, agama Islam umpamanya, nilai dalam Al-Quran, nilai dalam agama kita belum berubah dan tidak boleh berubah. Dengan sendirinya, nilai kita tidak boleh berubah secara mendadak sebagaimana yang telah mereka praktiskan.

Tetapi apa yang menjadi satu masalah, Tuan Yang di-Pertua, penilaian mereka, umpamanya seperti pihak pembangkang ialah apabila mereka melihat negara-negara membangun yang mempunyai nilai-nilai yang telah berubah berdekad-dekad, mereka juga menganggap, nilai-nilai kita juga mesti diubah dan mereka menganggap iaitu deklarasi human rights itu lebih superior dan lebih tinggi daripada Perlembagaan dan maknanya Perlembagaan kita mesti diubahsuai untuk mengisi kehendak-kehendak deklarasi human rights ini walaupun daripada asal-usulnya yang deklarasi ini sepatutnya tidak sedemikian.

Kita menerapkan nilai-nilai itu secara tidak mendadak, dengan teliti, dengan berhati-hati dan sebagainya. Inilah yang kita buat. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, kita telah membuat semua dan ada lagi Yang Berhormat

mempersoalkan tadi, kalau saya tidak salah dengar, mengatakan soal ratifikasi dan sebagainya. Sebagaimana saya juga ingin menyebut apa yang Yang Berhormat dari Parit Sulong sebut, negara kita hanya mengratifikasi enam konvensyen human rights tetapi adakah kita kata negara yang banyak menandatangani ratification on human rights convention seluruh dunia ini lebih baik daripada kita?

Saya tidak mahu bandingkan dengan negara Amerika, England dan sebagainya, oleh kerana mereka pun banyak. Saya baca agenda United Nation Human Rights 1993 yang mana 16 rapporteur di seluruh dunia membuat laporan. Kita ada dua laporan. Satu laporan ada berhubung dengan Malaysia tetapi Amerika, England dan Perancis juga ada disebut di dalam laporan-laporan di seluruh dunia ini mengatakan apakah infringement of human rights sudah mereka buat.

Mereka ini tidak bebas daripada tuduhan-tuduhan ini tetapi kalau kita hendak gunakan yang orang ratify Convention on Human Rights yang banyak telah dibuat ini sebagai satu landasan atau kayu sukatan yang menunjukkan mereka lebih baik daripada kita adalah tidak betul, ini adalah illusionary, ini adalah tidak benar. Umpamanya kalau kita lihat Argentina telah meng'ratify' 17 conventions, Algeria 11 conventions, Angola 9 conventions, Chile 18 conventions, Equador 21 conventions, bolehkah kita mengatakan negara-negara yang saya sebutkan tadi lebih baik daripada negara kita? Saya berani jamin negara ini mungkin jauh lebih buruk daripada negara kita dalam soal untuk mempertahankan ataupun observing practice dan amalan human rights.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, semua benda ini, sama ada kita berhubung dengan deklarasi ataupun ratifikasi ataupun mengikut mana-mana Convention on Human Rights ataupun apa-apa sahaja nilai yang sedemikian, apa yang tertulis adalah bukan menjadi satu kayu sukatan kebenaran praktis dan amalan negara-negara yang sedemikian. Jadi, saya berharap pihak pembangkang jangan terikut-ikut sangat. Kadang-kadang kita melihat negara-negara lain yang membuat seruan, membuat tekanan kepada negara-negara termasuk negara kita berhubung dengan

hak-hak asasi manusia tetapi di sebalik mereka menyuarakan perkara ini, mereka sendirilah yang menjadi pencabul human rights yang terbesar di dunia.

Jadi, jangan gunakan nilai-nilai ini sebagai satu cara kerana kita mesti melihat sejarah itu sendiri. Kalau kita lihat dalam sejarah walaupun mereka mengatakan landasan observation human rights principle dan sebagainya ini menunjukkan negara kita civilized, negara kita demokratik, kalau kita tidak ikut mereka ini macam-macam sahaja tekanan. Kita mesti mempunyai satu pendirian iaitu kita akan mengikut semua nilai ini dengan momentum kita sendiri, sejauh mana yang kita boleh buat atas keadaan-keadaan politik, ekonomi dan sosial di negara kita.

Jadi, kalau perkara ini tidak diikuti secara demikian, mungkin perkara yang buruk akan berlaku tetapi siapa yang bertanggungjawab. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian kita tidak boleh oleh kerana mereka di luar negara mengatakan kita ini champion human rights, kita sendiri mengikut apa yang mereka kata supaya kita menjadi hero kepada mereka. Ini adalah tidak betul, pendirian itu adalah salah. Kita mesti macam mana yang Yang Berhormat Menteri sebut tadi, charity mesti begins at home dan sensitivity kita mesti bermula di sini juga dan kita mesti lihat apa benda yang mesti ada kepentingan kepada negara kita, ini yang kita tekankan dahulu sebelum kita melihat nilai-nilai yang mana ada kemungkinan dibuat oleh mereka mempunyai satu agenda ataupun hipokrasi yang tersembunyi ataupun yang kita tidak melihat.

Walaupun dalam keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan yang banyaknya hipokrasi di dunia ini, banyak perkara yang tidak betul keadaannya di dunia ini tetapi kita telah melangkah setapak lagi, kita telah melangkah setapak lagi untuk mewujudkan undang-undang ini, membawa undang-undang ini dengan berani ke Dewan ini supaya kita mewujudkan satu suruhanjaya - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ditubuhkan di negara ini. Ini juga dibantah dengan landasan yang bermacam-macam.

Saya juga ada membaca apa yang dikata NGO-NGO di negara ini, apa saranan mereka, apa bandingan yang telah mereka buat dengan negara-negara lain tetapi mereka tidak menyebut macam mana amalan dan praktis negara yang mereka gunakan sebagai kesimpulan. Adakah mereka ini lebih baik daripada negara kita, adakah orang di negara kita lebih baik daripada negara mereka. Kalau kita lihat macam mana kedudukan orang kita, macam mana cara hidup orang kita, macam mana pembangunan negara kita, macam mana life style orang daripada negara kita yang telah hidup di bawah naungan undang-undang yang kita gunakan semenjak tahun 1957.

Daripada tahun 1957 hingga tahun 1999, negara kita telah melonjak begitu maju sekali tetapi kalau kita boleh bandingkan dengan masyarakat di negara-negara jiran kita lihatlah, pergilah ke India umpamanya, negara yang dikatakan the biggest democratic country in the world – macam mana keadaannya? Ada yang kaya begitu kaya sekali tetapi ada yang miskin papa kedana. Adakah itu menunjukkan negara demokrasi itu ada satu kekuatan, satu source of strength yang boleh menjadikan semua masyarakat kaya-raya, senang-lenang dan sebagainya tetapi kalau ini tidak berlaku, itu bermakna demokrasi yang mereka praktis ataupun amalkan itu telah tidak berjaya di negara mereka.

Jadi, lebih baik dalam keadaan kita, demokrasi kita, dalam keadaan kepimpinan kita yang mana masyarakat yang menjadi kaya-raya, yang mana masyarakatnya senang-lenang, yang mana masyarakatnya pun berasa semua berpuas hati, selain daripada sedikit suara-suara hasutan daripada mereka yang mempunyai minda yang masih terjajah, Tuan Yang di-Pertua, itulah maka mereka ini masih mendewa-dewakan prinsip dan nilai yang digunakan oleh negara lain walaupun mereka sedar yang nilai-nilai ini di sebaliknya ada hipokrasi yang begitu mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh sebut semua ini. Umpamanya, mereka sudah banyak sebut tadi, Yang Berhormat dari Parit Sulong sudah banyak sebut apa hipokrasi yang Amerika buat. Kita boleh sebut apa hipokrasi yang macam

negara-negara Perancis, umpamanya, sebenarnya rights, sama hak peribadi pada nilai mereka tetapi kalau di negeri Perancis, kalau orang Muslim hendak gunakan tudung kepala hendak masuk ke sekolah, tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. Tetapi adakah pernah orang mempersoalkan ini? Bukankah ini satu hak asasi budak yang hendak masuk sekolah ini menggunakan kain tudung ataupun selendang di kepalanya. Mereka inilah mengatakan hak asasi manusia itu penting, hak asasi manusia itu mesti diikuti dengan sepenuhnya mengikut Deklarasi 1948, di sebaliknya pula mereka menekan di sini. Maknanya, hak asasi ini masih wujud macam apa yang berlaku di zaman Plato, masih wujud macam zaman Thomas Jefferson yang mana definition deklarasi itu mungkin kepada mulut yang orang Putih warna kulitnya. Definition ada beza warna kulit, ada beza agama dan bangsa tetapi di negara kita berlainan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak tanya siapa pernah duduk di England? Masa saya duduk di England, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya masuk ke kawasan orang Putih, semua putih. Pernah masa saya student dulu dicampak dengan core apple, core pear dan sebagainya oleh kerana warna kulit saya berlainan tetapi tanya di Malaysia, siapa orang yang kena baling dengan core apple ataupun pineapple berlandaskan warna kulit ataupun bangsanya? Tak ada! Kalau orang kena rompak di kaki lima dan di jalan-jalan pun bukan sebab bangsa, agama dan warna kulit di Malaysia tetapi kalau di negara Amerika dan di England berlaku. Inilah makanya kebebasan juga berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Inikah kebebasan yang kita hendak? Kebebasan yang mempunyai, macam di Amerika, 'Arian nation'nya mempunyai 'secret brotherhood'nya, 'Klu-Klux-Klan'nya, banyak lagi benda-benda yang sedemikian, benda yang mengatakan orang Putih itu white supremacist.

Tuan Yang di-Pertua, ini kebebasan juga tetapi di sebaliknya ada right thinking – American rights thinking, Britain rights thinking, Perancis rights thinking. Semua benda ini mungkin political sahaja. Umpamanya kalau kita lihat orang Amerika mengatakan daripada segi undang-undang everybody right to arms

maknanya semua orang berhak membawa senjata dan sebagainya dan perkara ini sudah hendak dibawa ke Congress beberapa kali tidak boleh maju oleh kerana 'gun lobby'nya begitu kuat sekali.

Walaupun banyak orang Amerika mengatakan sepatutnya undang-undang ini diubah suai untuk keadaan Amerika kerana kita tidak hendak anak-anak berbunuh sesama sendiri di sekolah tetapi kenapa 'gun lobby'nya begitu kuat sekali berlandaskan Perlembagaan mereka mengatakan hak asasi seseorang rakyat Amerika itu membawa senjata mempertahankan diri. Ini mempertahankan diri kerana membunuh rakan, taulan dan kawan di sekolah-sekolah. Banyak rakyat Amerika berkehendakkan perkara itu diubah suai supaya hak-hak ini diberi satu batasan yang tertentu.

Begitu juga di England, umpamanya kita boleh menyebut kata 'capital punishment'. Itu adalah satu faktor mengatakan Malaysia ini telah in human rights iaitu 'capital punishment'. Capital punishment' pada tahun 1978 di England sudah ada pergerakan-pergerakan meminta Kerajaan England supaya memberi balik semula hak supaya yang membunuh itu dibunuh, orang yang membuat kesalahan-kesalahan yang kejam itu dibunuh kerana memang kalau tidak perkara ini berlaku. Tetapi oleh kerana mereka takut kepada viable mereka tadi, yang mengatakan hak asasi manusia berlandaskan Deklarasi 48 ini 'capital punishment' ini adalah cruel. Jadi, diberhentikan, tidak kiralah orang membunuh sesama sendiri, tidak kiralah anak ini dibuang sesama sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jadi ada lagi macam anak yang boleh 'divorce parent'nya, duduk sama serumah, anak itu boleh sue parent nya, keluar ibu bapa daripada rumah. Ini juga berlandaskan hak asasi anak ini. Jadi, adakah perkara yang extreme ini yang kita hendak dalam negara kita? Adakah society kita pada ketika ini boleh menerima perkara yang extreme ini. Kalau kita belum boleh menerima, saya masih meminta pihak kerajaan dan kementerian melihat iaitu kita tidak perlu tunduk dan kita tidak perlu apologetic kepada mana-mana pihak dalam menggunakan dasar dan prasyarat hak asasi kita yang kita pergunakan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya saya ingin menyebutkan di sini di bawah undang-undang ini kita akan melantik Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Saya meminta supaya orang yang dilantik ini nanti bukan sahaja orang yang mahir dalam persoalan undang-undang antarabangsa, seorang yang mahir daripada hak asasi manusia antarabangsa, hak asasi dunia sejagat tetapi orang itu juga mesti memahami pendekatan kerajaan, nilai-nilai negara kita dan cara kita untuk menerapkan hak asasi manusia ini supaya suruhanjaya ini tidak terikut-ikut dengan apa yang telah kita dengar di dalam Dewan yang mulia ini tadi disebut oleh pihak Kepong, Tanjong dan sebagainya, yang mana apa sahaja yang dikeluarkan oleh pihak di luar negara ini semuanya baik. Apa yang dikeluarkan dan difikirkan oleh orang di negara kita ini semuanya tidak baik.

Tetapi dalam saya bercakap ini, saya juga memuji Kepong sedikit kalau dibandingkan dengan bossnya dari Tanjong. Kalau dengar dari Tanjong tadi, Malaysia ini tidak ubah macam 'padang jarak padang terkukur' tidak boleh orang masuk lagi, semua orang keluar kena tangkap, semua orang masuk, kena jail semua sekali. Tetapi gambaran yang sedemikian kalau diambil oleh media, diguna oleh media sebagai bahan dimasukkan dalam surat khabar ataupun media mereka, disebarkan seluruh dunia, inilah gambaran yang akan ditunjukkan oleh mereka kepada dunia keadaan di Malaysia. Gambaran sebelah pihak, gambaran orang yang ekstrimis, gambaran orang telah menjadi menuhan-nuhankan iaitu nilai-nilai yang mereka anggap sebagai satu nilai sejagat, nilai-nilai murni yang mereka dapati dari luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya tidak menerima hakikat ini. Dalam keadaan sedemikianlah, maka saya menyarankan kepada pihak kementerian apabila melantik orang yang menjadi suruhanjaya ini nanti ataupun memberi saranan kepada mengikut undang-undang, memberi saranan kepada Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong, mintalah sebut nama-nama mereka yang memahami apa yang berlaku di luar negara, juga apa yang berlaku dan kehendak-kehendak negara ini untuk memenuhi aspirasi-aspirasi rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak hendak orang memikirkan demokrasi itu adalah orang merusuh, kalau tidak ada rusuhan, tidak ada demokrasi. Kalau tidak ada assembly, di sana sini tidak ada demokrasi. Kalau tidak ada memberontak, di sana sini tidak ada demokrasi. Tidak ada bawa senjata ke sana ke sini, tembak kiri, tembak kanan bukan demokrasi. Ini demokrasi tetapi “anarchy” namanya. Kadang-kadang dia tersilap yang mana satu demokrasi dan yang mana satu ‘anarchy. Jadi, kalau kita tidak hendak negara kita macam ini melainkan kita mempunyai agenda yang tersembunyi supaya negara ini dalam keadaan kucar-kacir, dalam keadaan huru-hara, supaya kita boleh ‘menangguk di air yang keruh’. Kalau inilah tujuan kita dan kita buatlah sebebaskan-bebasnya tidak ada batasan, tidak ada undang-undang dan tidak ada had semua sekali. Bebas sebagaimana kebebasan yang diperlukan oleh mereka, tetapi saya pernah bekerja yang mana bertentangan dengan keadaan-keadaan yang getir dan sengit yang mana nyawa berada di bawah ancaman, oleh kerana mempertahankan aspirasi negara ini. Tetapi itulah saya bercakap apa yang saya cakapkan. Bagi mereka kadang-kadang bercakap sahaja, apabila keadaan getir mungkin bersembunyi di bawah meja, mungkin di bawah skirt isteri.

Tuan Yang di-Pertua, umpamanya convention pada tahun 1993, kita telah bekerja keras. Saya memuji pihak wakil kita di Bangsa-Bangsa Bersatu juga di Geneva kerana menyarankan saranan yang begitu baik supaya the right to development menjadi satu prasyarat kepada soalan-soalan demokrasi. Saya memang bersetuju kerana perkara ini adalah penting, kalau kita dalam keadaan yang miskin, tidak cukup makan dan sebagainya, negara kita papa-kedana, negara kita terpaksa banyak meminjam, sejauh mana demokrasi itu boleh kita praktiskan. Sejauh mana hak asasi manusia itu boleh kita praktiskan kalau perut kita masih lapar, kalau keadaan kita masih tertekan dari segi ekonomi dan sebagainya. Di mana letaknya nilai-nilai sosial kalau negara ini masih tertekan dari segi ekonomi dan dari segi independence kita daripada masyarakat-masyarakat lain.

Jadi, saya bersetuju kalau kita tidak jadi hendak bunuh orang macam apa yang berlaku di Argentina dan sebagainya. Walaupun, Argentina sudah ratify banyak deklarasi human rights tetapi merekalah salah sebuah negara dahulu infringe human rights. Orang yang beribu-ribu hilang daripada negara itu tidak tahu ke mana perginya, jadi adakah kita mahu perkara ini berlaku di negara kita ini. Persoalannya tidak perlulah hendak ratify, kita 'ratify'lah secara teliti dan secara berhati-hati oleh kerana kita tidak hendak terikat dengan apa yang telah kita tandatangani.

Jadi, saya berharap orang yang dilantik menjadi suruhanjaya ini nanti memahami persoalan macam mana hendak menilaikan semua convention dan treaty yang kita hendak tandatangani di luar negara, yang kita hendak participate dalam menerimanya kerana ini adalah penting, selepas kita memberi kebebasan ataupun memberi hak kita untuk bertindak. Dalam persoalan itu kalau kita sudah menangani soalan convention dan treaty ini kita akan terikat dengan treaty yang kita tandatangani.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukuplah. Esok sambung, hari Isnin sambung, ya.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.30 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

**Kerajaan Memusnahkan Babi di Pulau Pinang Secara Sulit
dan Melarang Media Massa Melaporkannya**

5.32 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Kerajaan memusnahkan babi yang dikatakan dijangkiti virus secara raksasa tetapi enggan mengumumkan keadaan sebenar kepada orang ramai. Mulai 21 Mei 1999 sehingga 30 Jun 1999, bilangan yang dimusnahkan adalah berjumlah 22,300 ekor. Mengapa tindakan pemusnahan babi secara raksasa ini dirahsiakan dan melarang surat khabar melaporkan keadaan sebenar? Adakah pentadbiran kerajaan makin menjadi kabur dan sehingga melarang kebebasan berita dan keadaan ini adalah tamparan kepada information age. Terima kasih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan bahawa kerajaan melarang media massa melaporkan pemusnahan babi di Pulau Pinang. Apa yang dibuat oleh kerajaan adalah melarang pemberita untuk memasuki kawasan di mana operasi pemusnahan dilakukan. Ini adalah disebabkan keselamatan. Kerajaan tidak mahu melihat para wartawan dijangkiti virus Nipah yang amat merbahaya itu. Tambahan pula, semua pemusnahan dibuat dengan menggunakan senjata api. Kawasan tersebut adalah kawasan larangan bagi orang ramai dan juga untuk tujuan keselamatan. Kerajaan tidak mahu melihat pemberita atau orang ramai terkena peluru sesat.

Untuk makluman Yang Berhormat, pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan agensi-agensi yang terlibat juga telah sebebasnya keluar masuk ke kawasan tersebut. Hanya mereka yang mempunyai kepentingan sahaja dan mempunyai pakaian keselamatan yang lengkap sahaja dibenarkan masuk. Bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Haiwan ada menghadkan pegawai tertentu sahaja yang boleh memberikan maklumat kepada pemberita. Ini adalah atas sebab

kerajaan ingin menentukan maklumat yang diberikan kepada media massa adalah tepat dan tidak mengelirukan.

Sejak 20 Mei 1999, iaitu tarikh pertama kali diumumkan mengenai virus Nipah di Pulau Pinang, tidak kurang dari 15 laporan yang dibuat di dalam akhbar berbahasa Inggeris dan Melayu. Antara 20 Mei 1999 sehingga 30 Jun 1999, akhbar Cina telah dikatakan setiap hari melaporkan mengenai penyakit Nipah di Pulau Pinang. Dengan penjelasan ini, tidak timbul dakwaan bahawa kerajaan bertindak merahsiakan operasi pemusnahan babi di Pulau Pinang. Terima kasih.

Ratifikasi Permuafakatan (Covenants) Hak-Asasi Manusia (Human Rights)

5.35 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Tahun ini menandakan ulang tahun ke-51 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (Universal Declaration of Human Rights) yang diiktiraf oleh Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations). Tahun ini juga menandakan telah genap 42 tahun setelah negara kita, Malaysia mencapai kemerdekaan di mana ianya dibentuk mengikut prinsip-prinsip kebebasan (liberty), keadilan (justice), kebajikan berterusan demi kebahagiaan rakyat dan menggalakkan keharmonian antara negara.

Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat ini telah menjadi kayu pengukur untuk menilai setakat mana negara-negara yang menjadi ahli mengikut standard yang diberi. Untuk tujuan ini, Bangsa-Bangsa Bersatu telah meluluskan beberapa ketetapan/waad pada 16 Disember 1966 termasuk;

- i) satu waad Antarabangsa dan Hak-hak Sivil dan Politik (An International Covenant on Civil and Political Rights);
- ii) satu Protokol Pilihan (An Optional Protocol); dan
- iii) satu waad Antarabangsa mengenai isu Ekonomi, Sosial dan Hak Kebudayaan (An International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights)

Permuafakatan Antarabangsa mengenai Hak-hak Sivil dan Politik merangkumi Hak-hak Manusia yang asas, termasuk kebebasan hidup, hak kebebasan persendirian, perlindungan dan martabat (dignity) manusia, hak diadili secara saksama dan kebebasan dari ditangkap atau ditahan tanpa sebab; kebebasan dari segi kepercayaan dan beragama, kebebasan mengendalikan perjumpaan dan berpersatuan.

Protokol pilihan pula memberi kuasa kepada Ahli Persatuan Hak Asasi Manusia untuk menerima dan mengambil kira komunikasi/aduan sesiapa yang mengadu setelah menjadi mangsa kepada mana-mana pihak yang meratifikasi/akur kepada permuafakatan ini.

Waad Antarabangsa mengenai isu Ekonomi, Sosial dan Hak Kebudayaan, menetapkan satu peruntukan standard perlindungan minimum hak sivil dari segi sosial ekonomi rakyat Malaysia.

Malaysia telah mengundi untuk menyokong kesemua ketetapan tersebut, tetapi sehingga hari ini kerajaan belum lagi melaksanakannya malah belum lagi membuat sebarang ratifikasi terhadap waad ini menyebabkan ia tidak diamalkan di negara ini.

Setiap negara yang di bawah panji-panji Bangsa-Bangsa Bersatu harus akur kepada Hak-hak Asasi Manusia.

Pada tahun 1989, Malaysia telah mengesahkan sokongannya terhadap ketetapan sama Hak-hak Asasi Manusia dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di Kuala Lumpur.

Malaysia telah mengiktirafkan banyak profile penting dan mengundi dalam pelbagai ketetapan dan jawatan tinggi. Pemimpin-pemimpin kita perlu menunjukkan satu teladan bahawa kita juga jaguh dalam mempertahankan kedaulatan hak manusia dan kemanusiaan.

Sehingga 28 April 1998, 140 negara telah menjadi ahli kepada Waad Antarabangsa mengenai Hak-hak Sivil dan Politik (An International Covenant on

Civil and Political Rights), Waad Antarabangsa mengenai isu Ekonomi, Sosial dan Hak Kebudayaan dan Optional Protocol.

Tindakan Malaysia yang paling nyata di kaca mata dunia adalah mengundi sebagai tanda menyokong dalam Permuafakatan Antarabangsa di Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Jadi bilakah waad-waad (covenants) tersebut akan mendapat ratifikasi oleh kerajaan agar seluruh rakyat negara ini dapat perlindungan hak asasi manusia dalam erti kata sebenar. Boleh jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila menteri.

5.39 ptg.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini bahawa sebagaimana saya mengatakan semasa saya membentangkan Rang Undang-Undang Hak Asasi Manusia Malaysia bahawa kita telah menandatangani 6 konvensyen antarabangsa dan 5 daripadanya telah diratifikasikan dan 19 yang lebih lagi akan dikaji untuk kita mengambil tindakan yang sewajarnya. Apa yang penting ialah kalau kita melihat daripada hak asasi sivil dan politikal yang tersenarai di dalam International Covenant on Civil and Political Rights, dengan izin, seperti hak untuk hidup, hak sama rata di sisi undang-undang, kebebasan bercakap, kebebasan berhimpun, kebebasan beragama dan sebagainya, kesemuanya ini sedang dan terus dinikmati oleh rakyat Malaysia.

Yang Berhormat dari Teluk Intan sendiri menjadi Ahli Yang Berhormat oleh kerana ada kebebasan yang sedemikian. Begitu juga dengan hak-hak yang tersenarai di dalam International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, seperti hak berkenaan dengan pelajaran, mendapat gaji berpatutan dengan kerja yang dijalankan, menubuhkan persatuan dan lain-lain, semua hak ini juga telah diamalkan di Malaysia. Oleh itu, kita akan mengambil masa untuk melihat segala keperluan tetapi di masa yang sama

kita akan sentiasa melaksanakan sesuatu yang menjamin kepentingan berasaskan kepada hak asasi manusia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Isnin, 19 Julai 1999 yang akan datang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.40 petang.

Lampiran

Julai 1999

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)

- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.C.M., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Haji Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah
: Riduan bin Rahmat

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan** : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen** : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
- : Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor
- : Ramlah binti Mohd. Yusuff
: Nora’ini binti Hetam

: Miskiah binti Hassan
 : Rosnani binti Ahmad
 : Noor Effarizan binti Mat Satib
 : Nurziana binti Ismail

Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
 : Mejar (B) Zakaria bin Salleh
 : Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

Bil. 24

Khamis

15 Julai 1999

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
 PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Ruangan 1)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
 PERATURAN MESYUARAT 18(1)**
 Polis Diraja Malaysia-Tindakan Berat Sebelah
 - YB. Tuan Chiew Chiu Sing (Ruangan 25)

RANG UNDANG-UNDANG:
 Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan
 (Pindaan) 1999. (Ruangan 28)

Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
 Malaysia 1999. (Ruangan 53)

USUL:
 Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
 Daripada Peraturan Mesyuarat. (Ruangan 46)

UCAPAN PENANGGUHAN:

Kerajaan Memusnahkan Babi di Pulau Pinang
Secara Sulit dan Melarang Media Massa Melaporkannya.
- *Y.B Tuan Lim Hock Seng* (Ruangan 47)

Ratifikasi Permuafakatan (Convenants)
Hak Asasi Manusia (Human Rights).
- *Y.B. Tuan M. Kulasegaran* (Ruangan 48)

